

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KEDUA  
*Second Meeting*

---

---

Jilid III                      Bil. 39                      Hari Khamis                      31 Julai 1997

---

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA <b>Perlanjutan Mesyuarat Dewan Rakyat</b>	(Ruangan )
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	(Ruangan )
RANG UNDANG-UNDANG: <b>Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997</b>	(Ruangan )
USUL: <b>Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat</b>	(Ruangan )
UCAPAN PENANGGUHAN:  <i>Peguan Negara Tan Sri Mohtar Abdullah</i> <i>Mengamalkan Pendakwaan Pilih Kasih</i> <b>- Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)</b>	(Ruangan )

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titivangsa)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)  
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

Yang Berhormat Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

Yang Berhormat Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K. P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 31 Julai 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PETUA**

**Perlanjutan Mesyuarat Dewan Rakyat**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis yang memaklumkan bahawa Mesyuarat Dewan Rakyat akan dilanjutkan dua hari lagi, iaitu pada hari Isnin, 4 Ogos 1997 dan Selasa, 5 Ogos 1997 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Rakyat membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

*[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus) tidak hadir]*

**TANAH PUSAKA BUMIPUTERA SARAWAK - PEMBANGUNAN OLEH FELDA DAN FELCRA**

2. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan adakah kerajaan Pusat bercadang untuk mengembangkan sayap agensi pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya untuk membangun dan membuka ladang secara besar-besaran (commercial estates) bagi memajukan tanah pusaka bumiputera Sarawak, Native Customary Rights Land (NCRL) yang ketika ini lebih kurang 1.5 juta hektar yang belum dimajukan di kawasan

luar bandar negeri Sarawak untuk menaikkan taraf hidup penduduk terutama sekali kaum bumiputera di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji**

**Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan tanah-tanah pusaka bumiputera negeri Sarawak atau dengan izin, Native Customary Rights Land dilaksanakan oleh agensi-agensi pembangunan tanah di Sarawak seperti Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority FELCRA dan Sarawak Land Development Board (SLDB). Kerajaan Persekutuan menerusi kementerian ini terlibat dalam pemberian pinjaman untuk membiayai sebahagian daripada kos pembangunan tersebut. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM28.92 juta diperuntukkan kepada kedua-dua agensi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA telah pun memajukan sebanyak 8,011 hektar tanah yang telah diperuntukkan kepadanya oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Kawasan yang terlibat ialah Ladang FELDA Sempadi Satu hingga Ladang FELDA Sempadi Enam. Ladang-ladang tersebut diurus tadbir secara ladang komersial selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan tidak menempatkan peneroka.

**Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada kementerian Yang Berhormat, setakat ini berapa buah syarikat atau agensi pembangunan tanah dari Semenanjung Malaysia yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk membangunkan atau memajukan tanah kerajaan atau state land?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang sedemikian tidak ada pada kementerian kerana ia di bawah kerajaan negeri.

**Tuan Jimmy Donald:** Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar dari masa ke semasa ada usaha oleh FELCRA hendak membuka tanah di Sarawak, tetapi sambutan oleh peringkat pegawai di Sarawak kadang-kadang dingin. Jadi, saya hendak tahu, apakah bentuk kerjasama yang dijalankan untuk mendidik, untuk memberitahu pegawai-pegawai di negeri Sarawak supaya fikiran mereka terbuka dan supaya mereka juga mempunyai pendapat yang sama haluan dengan FELCRA di Persekutuan?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya menjaga FELDA, tetapi FELCRA tertakluk kepada kementerian yang lain. Namun demikian, dalam pengalaman FELDA, FELDA sendiri tidak mempunyai masalah dengan pegawai-pegawai di Sarawak sebenarnya.

Yang diperlukan oleh FELDA ialah tanah. Semua kerajaan negeri merasakan bahawasanya tanah sekarang makin lama makin secara relatifnya kuncup, sudah tidak banyak lagi tanah-tanah yang baik untuk diusahakan tanaman secara besar-besaran. Oleh itu, kebanyakan kerajaan negeri termasuk Kerajaan Negeri Sarawak terlalu bimbang apabila hendak melepaskan tanah yang begitu luas. Selain daripada itu, dari segi perhubungan dengan pegawai, saya percaya FELCRA serupa dengan FELDA tidak mempunyai masalah yang banyak.

**TANAH MILIK RISDA DAN FELCRA - JUMLAH KELUASAN TANAH, PEKEBUN KECIL DAN PESERTA**

3. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan iaitu:

- (a) jumlah keluasan tanah, pekebun kecil dan peserta bagi tanah/kebun milik RISDA dan FELCRA hingga April 1997 serta kekosongan peserta secara detail mengikut negeri dan adakah Kementerian sedar terdapat sebahagian pegawai dan kakitangan FELCRA yang menjadi dalang dan pemecahbelah antara masyarakat dan pemimpin politik serta pentadbir daerah, jika sedar, apakah tindakan mengatasinya; dan
- (b) adakah Penyelia Kanan dan Penyelia KEMAS yang diambil tindakan tatatertib, apakah kesalahan-kesalahan yang disabitkan, berapa kekosongan jawatan bagi kumpulan di atas di seluruh negara dan bilakah ianya dapat diisi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah**

**Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga April 1997 tanah di bawah Program Pemulihan dan Penyatuan FELCRA, keluasannya adalah 0.276 juta hektar. Tanah di bawah Program Tanaman Semula Getah RISDA keluasannya adalah 1.23 juta hektar. Ini melibatkan bilangan peserta FELCRA seramai 70,369 orang. Di antara ini jumlah pekebun kecil adalah 420,000 orang. Bagi kedudukan kekosongan peserta FELCRA mengikut negeri:

<b>Negeri</b>	<b>Kekosongan Peserta</b>
Perak	- 3,353
Kedah	- 7,895
Negeri Sembilan -	1,812

Johor	-	3,649
Melaka	-	310
Terengganu	-	4,092
Kelantan	-	3,333
Selangor	-	2,560
Perlis	-	283

Mengenai terdapatnya sebahagian pegawai dan kakitangan yang menjadi dalang dan memecahbelah antara masyarakat dan pemimpin politik serta pentadbiran daerah, dakwaan yang dibangkitkan adalah dalam perhatian pihak Pentadbiran FELCRA. Tindakan selanjutnya adalah untuk mendapat maklumat terperinci mengenainya.

- (b) Memang ada Penyelia Kanan dan Penyelia KEMAS yang telah diambil tindakan tatatertib. Antara kesalahan yang disabitkan adalah pecah amanah, masalah disiplin dan kurang prestasi. Pada masa ini kekosongan jawatan KEMAS adalah seperti berikut: Ketua Penyelia Kanan - 5 orang, Penyelia Kanan -28 orang, Penyelia - 154 orang. Kekosongan ini kini dalam proses pengisian yang dijangka selesai dalam bulan September 1997.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita melihat begitu banyak kekosongan yang masih berlaku bagi peserta-peserta FELCRA ini yang mana tanahnya telah pun dibangunkan dan hasil-hasil telah pun dikeluarkan. Saya ingin tahu apakah masalah utama yang menyebabkan kesusahan untuk mengisi peserta-peserta FELCRA ini, terutamanya di Negeri Sembilan ataupun di Jebebu sendiri, di kawasan saya terdapat lebih kurang 1,000 kekosongan peserta-peserta FELCRA yang belum diisi. Juga saya ingin tahu, berapa peratuskah daripada jumlah peserta-peserta itu yang diperuntukkan terus untuk peserta-peserta PPRT yang masih menunggu hak mereka diberikan?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah kekosongan ini, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa FELCRA adalah Urusetia untuk pengambilan peserta, tetapi kuasa dan keputusan muktamad adalah diletak kepada kerajaan negeri, maka di situlah berbagai-bagai

masalah timbul. Tetapi kita berharap masalah itu dapat selesai supaya masalah pengisian ini dapat diselesaikan secepat mungkin.

Mengenai jumlah PPRT peserta yang akan diberi, saya tidak ada angka terperinci, saya boleh beri kepada Yang Berhormat dengan secara bertulis.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan mengenai kekosongan jawatan dalam KEMAS. Dari segi jawatan Penyelia KEMAS ataupun Pemaju Masyarakat (PM) KEMAS dalam bidang agama. Selalunya kekosongan jawatan ini disebabkan oleh apabila meningkat usia 55 Penyelia Masyarakat (PM) KEMAS ini terpaksa berhenti. Jadi, masalah sekarang ialah di kampung-kampung kita perlu bimbingan agama, terutama sekali dari segi P.M. KEMAS Agama ataupun Penyelia KEMAS Agama, makin tua makin matang pemikiran, macam hakim juga, Tuan Yang di-Pertua, sampai umur 65. Jadi, kalau boleh adakah pihak kementerian Yang Berhormat sudi menimbang supaya P.M. KEMAS ataupun Penyelia KEMAS dalam bidang agama ini dilanjutkan perkhidmatannya sehingga usia ke 65 tahun untuk memenuhi permintaan di kampung, di surau-surau untuk memberi bimbingan, terutamanya kepada golongan tua yang mungkin tidak dapat belajar agama kerana jauh dari rumah?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian menyedari masalah ini, maka keputusan baru-baru ini telah dibuat bahawa Pemaju Masyarakat, kita namakan Pembangunan Insan yang masuk Pemaju Masyarakat Agama, kalau prestasi dia baik dan dia dapat menyumbang kepada masyarakat, dia akan disambung selepas usia 55 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua.

*[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]*

## **LAPORAN KEGANASAN RUMAHTANGGA - LAYANAN PIHAK POLIS**

6. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah diambil berikutan kenyataan yang menyatakan

pihak polis telah gagal untuk memberi layanan ke atas laporan-laporan keganasan rumah tangga.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak polis telah menjalankan siasatan untuk mengesahkan kebenaran kenyataan yang menyatakan pihak polis telah gagal untuk memberi layanan ke atas laporan-laporan keganasan rumah tangga. Setelah diteliti, adalah didapati kesemua laporan yang dikemukakan telah diterima sebagai laporan polis dan diambil tindakan sewajarnya.

#### **RENCANA MEMBINCANGKAN SEKS SECARA TERBUKA - TINDAKAN TERHADAP MAJALAH/AKHBAR**

7. **Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah dan apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambil terhadap majalah-majalah dan surat-surat khabar tabloid yang membincangkan seks secara terbuka selain dari memuatkan gambar-gambar seksi artis-artis tempatan; dan
- (b) adakah kajian dibuat mengenai pengaruh media-media tersebut di dalam pembentukan perwatakan seseorang remaja.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Dalam Negeri menyedari tentang wujudnya rencana dalam majalah dan akhbar tabloid yang membincangkan isu yang berkaitan serta menyiarkan gambar ghairah artis-artis tempatan. Beberapa tindakan

telah diambil terhadap penerbit berkenaan, diantaranya ialah memberi nasihat, memberi teguran, memberi amaran, menggantung permit, membatalkan permit dan mengharamkan tajuk rencana.

- (b) Kementerian Dalam Negeri belum membuat kajian secara profesional dan saintifik terhadap pengaruh media yang berunsur negatif terhadap perwatakan seseorang remaja. Akan tetapi Kementerian Dalam Negeri sentiasa menerima maklum balas dan pandangan daripada pembaca-pembaca atau pengguna-pengguna yang berasal dari pelbagai bidang yang telah meluahkan perasaan kurang senang hati mereka terhadap pengaruh negatif media dari masa ke semasa.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun ada tindakan tertentu yang diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri berkenaan dengan wujudnya perkara yang tidak menyenangkan, tetapi saya nampak sehingga hari ini majalah dan juga akhbar-akhbar tabloid masih lagi mengekalkan berita-berita seperti 'sex life' seseorang artis banyak kali dipamerkan. Dan ini walaupun kita ada serban sampai tujuh lapan lapis, jadi, hendak juga melihat cerita kisah 'sex life' seseorang artis ini, apatah lagi kepada remaja-remaja.

Bolehkah kementerian mengambil tindakan yang lebih ketat supaya akhbar-akhbar tabloid dan majalah ini tidak mempamerkan artikel-artikel sedemikian.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, kementerian saya pernah tidak lama dahulu mengambil tindakan sehingga kita membatalkan satu permit akhbar tabloid dan saya faham maksud Ahli Yang Berhormat dari Jerantut iaitu ia lebih cenderung kepada cuba menarik perhatian atau pelanggan dari segi kegiatan seks dan sebagainya. Pada masa kini, kita masih memerhatikan yang sedia ada, mungkin maksud Ahli Yang Berhormat dari Jerantut itu mungkin kita sedang mengambil sesuatu tindakan.

Tetapi, saya ingin memberi jaminan Unit Kawalan Penerbitan Kementerian Dalam Negeri setiap hari memang membaca apa yang disiarkan itu.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah garis panduan yang sedia ada untuk mengawal penerbitan majalah-majalah dan tabloid di mana isi kandungannya tidak mengisikan benda-benda yang lucah?

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, garis panduan adalah boleh dikatakan menyeluruh, setiap kali kita memberi satu pembaharuan permit penerbitan ataupun satu permit baru dikeluarkan, syarat dikenakan supaya isi kandungan itu tidak boleh mementingkan ataupun cuba memasukkan isi

kandungan yang lucu ataupun yang boleh menjatuhkan moral nilai-nilai murni negara kita, itu satu perkara yang menjadi ukuran yang perlu diikuti oleh pihak penerbit dengan berhati-hati. Kadangkala mereka ingat sesuatu penyiaran itu okay, tidak keterlaluan tetapi kepada pihak Kementerian Dalam Negeri kita ingat tidak.

Walau bagaimanapun, i dari segi garis panduan kalau hendak jelaskan satu persatu susah kita hendak menerangkannya, tetapi secara keseluruhannya sahaja yang dapat kita berikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan.

*[Soalan No. 8 - Y.B. Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan [Keningau] tidak hadir]*

**PERTUKARAN PEGAWAI KERAJAAN DARI  
SEMENANJUNG KE SABAH DAN SARAWAK -  
PENCAPAIAN INTEGRASI NASIONAL**

9. **Datuk Nurnikman bin Abdullah [Beaufort]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengenai konsep pertukaran pegawai-pegawai kerajaan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak di mana mereka banyak diberi pendedahan dalam pelbagai aspek berbanding dengan kemudahan dan pendedahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai Persekutuan, Sabah dan Sarawak yang ditugaskan ke Semenanjung. Sejauh manakah keberkesanan program dan pendekatan itu ke arah Integrasi Nasional antara wilayah.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, program pertukaran pegawai-pegawai kerajaan dari Semenanjung ke Sabah dan

Sarawak dan sebaliknya telah menjurus ke arah pencapaian integrasi nasional. Ia kerana melalui program tersebut, pegawai-pegawai yang bertukar telah didedahkan kepada sistem pentadbiran, kebudayaan dan adat resam masyarakat setempat dan ini dapat membantu pegawai-pegawai yang terlibat dalam mewujudkan persefahaman dan membolehkan mereka peka tentang budaya dan sensitiviti masyarakat setempat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rungutan pegawai-pegawai kerajaan dari Sabah dan Sarawak tentang perkhidmatan mereka di Semenanjung dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada pada saya, saya tidak mengetahui pelbagai rungutan pegawai dari Sarawak, tetapi kita sedia maklum fasal pegawai-pegawai ini sekiranya ditukarkan ke Semenanjung Malaysia ini tentu mereka akan menghadapi pelbagai bukan saya sebutkan ‘masalah’ tetapi dari segi pekerjaan, mereka memang biasa ataupun suka bekerja di Sarawak.

Saya telah difahamkan, apabila mereka bertugas di Semenanjung, ada yang diberi kenaikan pangkat, itupun kadangkala tidak diterima oleh mereka. Jadi, perkara ini fasal rungutan itu saya tidak ada bukti, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada boleh memberitahu kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Seripah Noli binti Syed Hussin.

*[Soalan No. 10 - Y.B. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] tidak hadir]*

***AKSESORI PILIHAN KERETA KANCIL - PERLINDUNGAN KEPADA PENGGUNA***

11. **Tuan M. Kulasegeran [Teluk Intan]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan akan/telah diambil oleh Menteri agar dapat melindungi konsumer yang menempah kereta Kancil daripada dipaksa mengambil kesemua aksesori pilihan ataupun menghadapi kelewatan penyerahan kereta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini kesemua kereta Kancil yang dikeluarkan telah dipasangsiap dengan pelbagai aksesori. Bagi pembeli-pembeli yang ingin membeli kereta tanpa aksesori pilihan, mereka hanya perlu memaklumkan secara bertulis mengenainya kepada syarikat semasa membuat tempahan. Ini adalah bagi membolehkan penyelarasan dibuat dalam pengeluaran kereta di kilang. Dalam hubungan ini, siasatan kementerian menunjukkan pembeli-pembeli kereta tidak dipaksa membeli kereta Kancil dengan aksesori pilihan.

Mengenai kelewatan penyerahan kereta Kancil pula, masalah ini berbangkit daripada permintaan yang melebihi keupayaan pengeluaran.

Di samping itu, ianya juga tertakluk kepada beberapa faktor lain seperti jenis model dan warna kereta yang ditempah. Dalam hubungan ini, pembeli-pembeli kereta akan menerima kereta yang ditempah berdasarkan giliran dalam senarai menunggu di mana yang dahulu didahulukan.

Pihak pengeluar kereta Kancil iaitu Perodua Manufacturing Sdn.Berhad telah mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini dengan mempertingkat kapasiti pengeluarannya dari 65,000 unit pada tahun 1996 kepada jangkaan 120,000 unit pada tahun 1997.

Kementerian akan terus mengawasi aktiviti pengeluaran kereta-kereta ini dan mengambil tindakan sewajarnya jika ada apa-apa penyelewengan dilakukan. Dalam hubungan ini, pengguna yang menghadapi masalah boleh membuat aduan secara spesifik kepada kementerian ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengapa kereta Perodua senang didapati di kedai kereta secondhand sedangkan orang ramai perlu menunggu beberapa bulan untuk mendapatnya?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini tidak berlaku kecuali Ahli Yang Berhormat boleh memberi bukti yang spesifik supaya kementerian ini akan menyiasat perkara ini.

**Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan tadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

memberitahu saya, apakah aksesori kereta Kancil itu dan kalau aksesori itu tidak dibeli apa lagi yang tinggal pada Kancil? *[Ketawa]*

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, ada dua jenis aksesori, yang pertama jenis aksesori standard iaitu aksesori yang harganya telah ditetapkan oleh MITI dan ini adalah seperti radio kaset, alat penghawa dingin, sistem kunci berpusat, tingkap automatik, lapisan kalis gelap dan penggerak keselamatan.

Dan aksesori pilihan adalah tertakluk kepada pembeli, kalau dia hendak membeli, dia boleh membelinya dan kalau tidak, mereka boleh memberitahu syarikat yang berkenaan yang mereka tidak memerlukannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Noh bin Omar.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang] tidak hadir]*

### ***SUKAN - USAHA MENINGKAT MUTU DAN KEUPAYAAN ATLET NEGARA***

13. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah pihak kementerian telah menghantar pegawai ke The Australian Institute of Sports untuk mengkaji pendekatan Australia yang telah berjaya menghasilkan jaguh-jaguh dunia dalam bidang seperti renang, hoki lelaki dan wanita dan lain-lain dan seterusnya mewujudkan badan yang serupa di Malaysia, memandangkan keupayaan atlet negara yang kebanyakannya hanya bertahap Sukan SEA berbanding dengan Australia walaupun kedua-dua negara memiliki bilangan penduduk yang agak sama iaitu 19 juta orang dan keupayaan ekonomi yang juga tidak jauh berbeza. Sekiranya bentuk badan fizikal atlet kita menjadi alasan, tidakkah kementerian boleh bekerjasama dengan pakar pemakanan untuk memastikan dan menyediakan makanan yang paling sesuai untuk atlet negara meningkatkan tubuh badan mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mempertingkatkan mutu sukan negara, kementerian telah menghantar pegawai-pegawainya ke beberapa negara untuk mempelajari pendekatan negara-negara berkenaan. Lawatan juga telah dibuat ke Australian Institute of Sports dan dalam usaha untuk mewujudkan kerjasama yang lebih rapat, satu perjanjian persefahaman dengan Suruhanjaya Sukan Australiatelah ditandatangani pada 6 November 1995.

Matlamat perjanjian ini adalah untuk mewujudkan dan mengukuhkan perhubungan dua hala dan kerjasama di antara Malaysia dan Australia dalam bidang sukan.

Program-program yang melibatkan pertukaran pengalaman, maklumat, kemahiran dan teknik dalam bidang latihan atlet, jurulatih, pegawai sukan dan sains sukan telah dirancang dan dilaksanakan melalui Majlis Sukan Negara. Sebuah institut sukan iaitu Institut Sukan Negara telah diwujudkan dalam tahun 1992 yang akhirnya akan memainkan peranan yang serupa dengan The Australian Institute of Sports. Pada masa ini, institut itu sedang dilengkapi dengan peralatan yang sesuai dan pakar-pakar dari luar negara telah diambil untuk menampung kekurangan pakar tempatan. Bidang pemakanan memanglah merupakan aspek utama yang diberikan penekanan kepada atlet-atlet negara.

Selain daripada penyediaan makanan yang seimbang serta mempunyai kalori yang tinggi, atlet-atlet juga dibekalkan dengan supplement serta lain-lain bagi membantu membina ketahanan fizikal mereka. Buat masa ini, Institut Sukan Negara mempunyai dua orang pegawai pemakanan atau dietician tempatan dan seorang pakar pemakanan daripada luar negara secara sepenuh masa bagi membantu menyediakan kaedah pengambilan makanan atlet-atlet negara.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, kawalan pemakanan bagi atlet-atlet dari sukan yang mempunyai kategori berat badan juga telah diberikan perhatian yang serius seperti sukan tinju, angkat berat, tae kwando, karatedo dan sebagainya.

Ini kerana pengambilan makanan yang tidak dikawal akan menyebabkan atlet daripada satu kategori berat badan akan bertukar kepada kategori yang lain. Ini pastinya akan menjejaskan perancangan dan strategi yang dibuat oleh jurulatih sukan yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah selain daripada negara Australia, apakah negara lain yang telah menandatangani perjanjian (MoU) dengan Malaysia dalam lain-lain bidang sukan mana dan apakah kesan daripada kerjasama dengan negara Australia dalam bidang sukan ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan telah pun mengadakan kerjasama dengan beberapa negeri umpamanya, Germany untuk kita mengkaji golden plan yang telah diadakan di Germany dan dengan Great Britain, misal kata, Yang Berhormat Tan Sri Menteri dan beberapa pegawai daripada Kementerian Belia dan Sukan telah pun membuat lawatan untuk melihat cara-cara mereka membina dan mengadakan kemudahan-kemudahan sukan. Saya akan memberi kepada Yang Berhormat secara terperinci semua MoU yang telah pun di tandatangani di antara kementerian dan negara-negara tertentu.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, selain daripada makanan dan ubat, adakah pakar psikologi membantu atlet-atlet kita?

**Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu kita mempunyai pakar-pakar psikologi untuk membantu atlet-atlet negara, malah di institut sukan ini bukan hanya kita mengadakan bidang-bidang lain seperti perubatan sukan termasuk rawatan *physiotherapy*, pencegahan kecederaan dan kawalan doping, misal kata tetapi kita juga ada pakar-pakar dalam bidang *physiology* senam, misal kata dan pakar-pakar yang lain yang perlu untuk menentukan bahawa kita dapat melahirkan atlet yang bertaraf antarabangsa.

#### **DASAR PEMBUKAAN LANGIT DAN AIR DI ANTARA MALAYSIA DAN AMERIKA SYARIKAT**

14. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah pembukaan langit dan air di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat akan mendatangkan kebaikan kepada negara kita.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia telah pun menandatangani perjanjian 'Open Sky' ataupun langit terbuka dengan Amerika Syarikat. Perjanjian ini adalah berfaedah kepada negara kerana dengan adanya perjanjian tersebut, syarikat-syarikat penerbangan Malaysia boleh mengadakan penerbangan ke mana-mana lapangan terbang antarabangsa di Amerika Syarikat tanpa sekatan frekuensi, kapasiti dan juga bilangan syarikat penerbangan. Dengan hal yang demikian, ianya akan memudahkan perhubungan dan pergerakan penumpang yang boleh membawa kepada peningkatan pelancongan kepada negara ini. Memandangkan Amerika Syarikat adalah sebuah negara yang besar dan dari segi faedah-faedah dan keuntungan, perjanjian ini lebih berfaedah kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perairan laut pula, pada dasarnya perairan laut adalah terbuka untuk semua kapal perdagangan antarabangsa. Sehingga kini, Malaysia tidak mempunyai perjanjian laut terbuka dengan Amerika Syarikat sebab ianya tidak diperlukan. Kapal perdagangan antarabangsa Malaysia boleh berdagang terus ke pelabuhan antarabangsa Amerika Syarikat dan begitu juga sebaliknya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, setakat hari ini

berapakah destinasi antarabangsa yang telah dapat diterbangkan oleh MAS dan juga syarikat Air Asia dan juga lain-lain penerbangan yang base landingnya di Malaysia.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita menandatangani Perjanjian Langit Terbuka dengan Amerika Syarikat ini adakah Malaysia menghadapi masalah untuk mendarat di Amerika Syarikat? Terima kasih.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui usaha-usaha kerajaan pada hari ini kita dapat melihat MAS - penerbangan Malaysia telah mendapat pendaratan ke melebihi 110 destinasi antarabangsa dan bagi penerbangan-penerbangan macam Air Asia dan juga syarikat-syarikat penerbangan lain yang lebih kecil, maka tambahan adalah bagi destinasi yang dekat seperti Pattaya di mana MAS pun juga mempunyai hak daratan di situ. Bagi soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi prinsip ‘Open Sky Policy’ ataupun Dasar Langit Terbuka tujuannya adalah untuk menghapuskan segala sekatan ke atas penerbangan di antara negara-negara yang menandatangani surat perjanjian ‘Open Sky’ dan kementerian berpendapat bahawa dengan ‘Open Sky Policy’ ini, maka Amerika Syarikat akan menerima lebih banyak hak daratan dari MAS dan memang sebelum surat perjanjian ini ditandatangani pihak MAS memang menghadapi banyak masalah untuk mendapat hak daratan di Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat sebelum ‘Open Sky Policy’ ini ditandatangani hanya memberikan destinasi seperti L.A. dan juga Francisco kepada MAS dan pada hari ini segala senario telah pun berubah. Sekian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, untuk menyatakan nilai daripada faedah yang dinikmati oleh Malaysia berikutan Perjanjian ‘Open Sky Policy’ ini dari segi nilainya kerana masih belum diberikan anggaran oleh Yang Berhormat dan adakah persetujuan ini akan dikaji semula memandangkan bahawa Amerika Syarikat memandang rendah sebuah parti komponen Barisan Nasional dengan enggan menerima bantahan mereka oleh kerana saya rasa nampaknya seperti parti komponen tersebut iaitu parti Yang Berhormatlah seperti tidak berkuasa dalam kerajaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, dari segi nilainya memang kita tidak dapat menetapkan sesuatu nilai sebab perjanjian ‘Open Sky Policy’ baru ditandatangani tetapi kalau kita tengok ataupun melihat keseluruhannya, perjanjian ‘Open Sky Policy’

ini memang lebih berfaedah kepada negara kita sebab Amerika Syarikat, seperti saya katakan tadi adalah sebuah negara yang begitu besar dan begitu banyak pelancong dari Amerika Syarikat memang suka untuk melancong ke rantau Asian. Bagi soalan yang kedua, saya tidak faham logik soalan ini dan saya rasa tidak payah dijawablah sebab ini tidak mempunyai asas yang berkaitan.

**RAKYAT BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA -  
PEMBELIAN /KADAR HARGA RUMAH**

15. **Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa ramai setakat ini rakyat bukan warganegara Malaysia yang membeli dan menduduki rumah yang dibangunkan oleh pemaju-pemaju perumahan dan kadar harga rumah yang dibeli; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan harga rumah kos rendah di tempat-tempat tertentu sahaja atau di seluruh negara dan mengikut unjuran kementerian, tahun berapa masalah perumahan untuk rakyat miskin (berpendapatan rendah) dapat memiliki rumah.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tahun 1994 hingga 30 Jun 1997, Jawatankuasa Pelaburan Asing telah meluluskan sebanyak 12,826 unit rumah dimiliki oleh warganegara asing. Rumah yang dibeli adalah rumah kos tinggi yang berharga melebihi RM250,000 seunit.
- (b) Cadangan untuk menaikkan harga rumah mengikut jenis rumah dan kawasan adalah di dalam pertimbangan kerajaan. Bagi rumah jenis kos rendah, satu kajian telah diadakan dan keputusan atas kajian itu akan dibuat tidak beberapa lama lagi. Kerajaan akan terus berusaha mengatasi masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah selagi masalah tersebut wujud.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan melalui Suruhanjaya Perumahan Awam telah banyak membangunkan kawasan-kawasan rumah rakyat iaitu kawasan rumah murah yang diberikan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Jadi, saya ingin tahu adakah masalah timbul berhubung dengan pengambilan tanah kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri bagi membangunkan kawasan-kawasan projek perumahan tersebut dan saya juga ingin bertanya adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk mengarahkan

kerajaan-kerajaan negeri supaya mewujudkan satu suruhanjaya sepertimana Suruhanjaya Perumahan Awam di peringkat negeri-negeri supaya masalah di dalam hendak menentukan rumah murah ini dapat diselesaikan secara keseluruhannya? Sekian, terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, masalah tentang pengambilan tanah memang wujud sekian lama dari dahulu sampai sekarang kerana tanah ini memang di bawah bidang kuasa pihak kerajaan negeri dan hanya kerajaan negeri boleh menentukan mana kawasannya akan dibina dengan rumah kos rendah dan sebagainya. Oleh sebab itu pihak Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak boleh mengarahkan pihak kerajaan negeri untuk menentukan mana-mana tempat yang perlu dibuat kerana itulah tanggungjawab kerajaan negeri dan hanya kerajaan negeri tahu kehendak-kehendak untuk rumah di negeri masing-masing.

Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat iaitu membentuk Suruhanjaya Perumahan Awam di setiap negeri, saya rasa ini adalah cadangan yang baik dan kita akan berbincang mengenai perkara ini.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai perkara (b) dalam jawapan asal Yang Berhormat tadi iaitu mengenai kajian menaikkan harga rumah kos rendah ini. Apakah kerajaan dapat juga memasukkan dalam syarat-syarat kepada pemaju-pemaju perumahan ini supaya setiap rumah yang dibina, harga kos rendah ini yang akan dinaikkan harga kemungkinannya, disubsidi bersilang dengan harga rumah di luar bandar? Mungkin kalau di bandar harga rumah kos rendah dinaikkan daripada RM25,000 kepada RM30,000 barangkali di luar bandar boleh dijual dengan harga RM20,000 ataupun RM15,000 dan ini oleh kerana harga tanah di luar bandar jauh lebih murah daripada harga di bandar. Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, subsidi silang ini memang sekarang pun dipraktikkan oleh pemaju yang membina satu projek perumahan yang besar tetapi kalau satu projek yang kecil sahaja atau satu projek yang dikhaskan untuk membina hanya rumah kos rendah di keseluruhan kawasan, maka adalah susah sedikit kita hendak menggunakan cara subsidi silang ini tetapi memang betul tanah di luar bandar itu memang murah dan oleh sebab murah, kajian yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ada juga mengambil pertimbangan keadaan itu dan saya rasa apabila keputusan itu dibuat, saya rasa semua perkara dari pelbagai sudut telah diambil kira dan keputusan itu akan menjadi satu keputusan yang saya rasa munasabah kalau tidak dipandang sebagai terlalu 'fair' dari segi harganya tetapi saya rasa adalah

munasabah kerana ia akan mempertimbangkan harga di bandar besar seperti di Kuala Lumpur dan harga di luar bandar juga.

#### **RISDA - BENIH KELAPA SAWIT BERMUTU RENDAH**

**16. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah beliau sedar bahawa anak benih (seedlings) kelapa sawit yang dibekalkan oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil adalah tersangat murah kualitinya. Adakah pekebun kecil bersungut rugi setelah ditanam kelapa sawit buahnya tidak menjadi. Jika ya, apakah sebab-sebabnya dan adakah kementerian benar-benar mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaiki resahan dan kegelisahan pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, pihak RISDA hanya bertanggungjawab untuk membekal benih kelapa sawit bagi pekebun kecil yang menyertai rancangan tanaman semulanya. Bagi pekebun-pekebun ini, benih-benih yang dibekalkan adalah benih yang bermutu serta kualiti yang terjamin sahaja kerana pihak RISDA melalui anak syarikatnya, RSS mengamalkan kawalan mutu dari segi sumber benih yang diperolehi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak RISDA tidak mendapat sebarang aduan dari pekebun-pekebun kecil berkaitan dengan kualiti benih kelapa sawit yang telah dibekalkan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji dan menilai semula peranan RISDA ini kerana akhir-akhir ini banyak sangat rungutan rakyat khususnya pekebun-pekebun kecil terhadap kewibawaan agensi ini.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, bagi kerajaan tidak ada sebab untuk mengkaji semula peranan RISDA. Tetapi kalau dikaji dan dilihat, mungkin bagaimana bentuk RISDA akan berurus supaya dia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan lebih efektif mengikut dasar negara terkini.

Untuk makluman Yang Berhormat, RISDA setakat ini telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran pekebun-pekebun kecil. Untuk makluman Dewan ini, purata pengeluaran hasil ialah 1,200 kilogram sehektar setahun, malah ada pendapatan pekebun kecil yang mengeluarkan hasil sehingga 2,500 kilogram kalau dibandingkan dengan hanya 900 kilogram pada tahun 70-an. Ini adalah satu bukti bahawa RISDA memang berusaha untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan pendapatan pekebun kecil peserta RISDA ini memuaskan, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa banyak ahli pekebun kecil ini meninggalkan kebun mereka, telah

keluar daripada skim ini. Saya difahamkan di Kelantan pun mengalami masalah, kerana hari ini saya difahamkan bahawa mungkin menjadi political issue kerana ada pilihan raya kecil, ramai mereka keluar mengatakan bahawa kerajaan telah tidak memberi hasil tanah yang memuaskan kepada mereka. Jadi, apakah rancangan kerajaan?

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, adakah benar mengatakan bahawa anak syarikat RISDA baru ini tidak bayar cukai. Kalau ini benar, apakah tindakan kementerian? Kalau tidak benar, kenapakah kementerian hanya membisu seribu kata?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab mengapa ramai, mungkin generasi yang kedua, yang tidak lagi berminat untuk mengambil bahagian dalam sektor pekebun kecil ini, mungkin mereka dapat kerja yang lain, pendapatannya lebih lumayan. Maka sehingga kini kira-kira 65.2% dari jumlah pekebun kecil yang masih melibatkan diri secara langsung. Faktor-faktor lain, saya rasa tidak begitu penting.

Mengenai soalan yang kedua, sama ada anak syarikat tidak bayar cukai. Untuk makluman Dewan ini, kalau syarikat ditubuhkan, ia harus mematuhi syarat-syarat kerajaan. Jadi kalau perlu bayar cukai, memang dia bayar cukai.

#### **GRO DI PUSAT HIBURAN - LARANGAN TERHADAP GADIS ISLAM**

17. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah diambil terhadap cadangan untuk melarang gadis-gadis Islam daripada bekerja sebagai GRO di pusat-pusat hiburan; dan
- (b) adakah pihak kerajaan akan meminda peruntukan undang-undang syariah seperti mengenakan hukuman sebat ke atas pesalah-pesalah jenayah berat syariah memandangkan melalui undang-undang sivil pihak polis bercadang mengenakan hukuman mati untuk kesalahan 'sumber muhrim'.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, larangan terhadap gadis-gadis Islam bekerja di tempat-tempat hiburan sebagai GRO dan sebagainya telah pun diperuntukkan dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah di semua negeri di Malaysia. Apabila sabit kesalahan, mereka boleh didenda tidak melebihi RM3,000 dan penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Hukuman denda yang sedia ada dalam Kanun Jenayah Syariah pada masa ini didapati memadai dan mencukupi untuk dikenakan kepada pesalah-pesalah jenayah syariah, ini kerana di samping hukuman denda dan penjara, mereka juga akan diberikan sesi kaunseling. Sebagai seorang

Islam, kebiasaannya apabila diberi kaunseling, mereka mudah menginsafi atas perbuatan yang dilakukan dan tidak mengulangnya lagi. Oleh itu, buat masa ini tidak perlu hukuman lebih berat daripada apa yang kita jalankan sekarang dikenakan ke atas pesalah-pesalah syariah, lebih-lebih lagi tujuan hukuman yang dikenakan bagi kesalahan syariah adalah untuk maksud mendidik, bukannya menyeksa.

**Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini kita dapati ramai di kalangan gadis-gadis Islam yang bekerja sebagai pelayan-pelayan di hotel terpaksa membawa minuman keras kepada pelanggan-pelanggannya dan ini sudah tentu bertentangan dengan hukum Islam. Apakah ada undang-undang ataupun peraturan kepada gadis-gadis Islam ini supaya tidak menjamah makanan-makanan yang haram ini kepada pelanggan-pelanggannya?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, hukuman dalam Islam dari segi menjamah makanan haram memang jelas, orang Islam memang diharamkan menjamah makanan yang haram seperti daging babi, arak dan sebagainya. Apabila memilih kerja juga jelas, bererti ada kerja yang lebih baik daripada itu, hendak pula pada masa sekarang kita menggunakan pekerja-pekerja asing bekerja di pelbagai bidang di negara kita, mengapa kita pilih kerja itu. Maka kalau kita hendak lebih selamat, pilihlah kerja lain. *[Ketawa]*

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini mungkin dia tidak jawab soalan (b). Jadi saya ingin bertanya tentang sumbang muhrim ini. Saya ingin membuat pembetulan, bukan 'sumber muhrim'. Sumber muhrim itu pusat sumber sahaja. *[Ketawa]* Jadi, langkah-langkah yang akan diambil, ertinya, tindakannya. Kalau kita lihat apa yang disarankan oleh pihak polis supaya hukuman mati dikenakan kepada sumbang muhrim ini. Kes yang terbaru, bapa merogol anak dikenakan hukuman 22 tahun, abang buat sumbang muhrim dengan adik dan sebagainya. Adakah sebagaimana Yang Berhormat jawab tadi, undang-undang syariah ini adalah untuk mendidik, bukan untuk menghukum, tetapi adakah kita mahu mengizinkan sumbang muhrim terus dilakukan kerana semata-mata untuk mendidik dan hukuman berat tidak dikenakan, adakah kita setuju dengan cara itu?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benda itu tidak baik sekali. Kalaulah manusia bersifat seperti itu lebih dahsyat daripada haiwan. Tetapi kita dalam Islam ini

kalau dapat kita membetulkan orang itu dengan cara lebih berkesan supaya dia insaf dan bertaubat adalah lebih baik. Bagi hukuman berat pun, kita dapati banyak hukuman berat daripada itu, saya tidak hendak membandingkan dengan Islam, kadangkala perkara itu orang buat semacam sahaja. Macam dadah itu hukum sembelih - sembelih itu kira hukum matilah, tetapi ada juga.

Hakikatnya, maknanya memanglah hukuman yang kita kenakan itu kalau sekiranya orang itu hendak berkesan, memang dia memberi kesan. Kalau sekiranya untuk lebih daripada itu, dia mesti tahu menghukum dan menilai diri dia sebagai bapa, abang, apakah tanggungjawab dia kepada anak dan adik. Tanggungjawab dia bukannya mengadakan perkara yang tidak baik, tetapi menjaga mereka supaya mereka ini akan menjadi manusia yang baik di masa akan datang. Itu tanggungjawab yang sebenarnya. Kalau kita tanya sesiapa pun, kita tanya seorang ayah kepada beberapa orang anak, apakah kalau melakukan perkara tidak baik kepada anak ini salah? Dia akan jawab, salah, dia tahu.

Masalahnya sekarang, mengapa kita tahu benda itu tidak baik tetapi kita seronok melakukan. Kita banyak tahu perkara yang baik, tetapi kita tidak mahu melakukan. Inilah sebab kita perlu memberi penjelasan yang sebaik mungkin. Memang kita akui di antaranya hukuman itu memang di antara cara mencegah dan menahan, tetapi kekuatan keimanan dan ketakwaan itu adalah amat penting bagi kita semua bagi menghindar daripada berlaku perkara yang dinyatakan itu. Jadi, kita cukup yakin dan kita akan sentiasa kaji bagaimana keadaan ini akan berlaku di masa akan datang dan tidak jadi satu perkara yang agak menyusahkan kita kalau kita meminda hukuman ini daripada masa ke semasa.

#### **DUTI IMPORT BAHAN BINAAN PERKAPALAN - PENGECUALIAN**

**18. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mengetepikan (waive) duti import bahan binaan perkapalan agar dapat membantu industri tersebut bersaing dengan syarikat binaan perkapalan asing.

#### **Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memberi pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan-bahan perkapalan dan peralatan untuk pembaikan kapal melalui Butiran 92, Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988 dan Butiran 85, Perintah Cukai Jualan (Pengecualian) 1980. Berdasarkan perintah-perintah itu, syarikat-syarikat pembinaan dan pembaikan kapal *bona fide*, dengan izin, dibenarkan mengimport bahan-bahan binaan perkapalan tanpa membayar

duti import dan cukai jualan. Sehingga kini kira-kira 15 buah syarikat di bawah *bone fide ship builders* and repairers, dengan izin, telah menikmati kemudahan pengecualian cukai tersebut.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau dibandingkan dengan industri perkilangan lain seperti Proton dan pengecualian duti import bahan binaan kepada industri perkapalan, siapa lebih banyak? Adakah untuk industri pembinaan kereta lebih banyak atau untuk industri pembinaan perkapalan lebih banyak?

**Dato' Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notislah.

#### **KEBUDAYAAN DAN KESENIAN SETIAP DAERAH - LANGKAH MENINGKATKAN**

**19. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah langkah kementerian untuk meningkatkan galakan terhadap kebudayaan dan kesenian bagi tiap daerah di negara ini terutama kepada pemuda/pemudi dan peminat seni. Adakah kementerian bercadang untuk mengiktiraf budaya dangdut sebagai salah satu seni budaya negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Mohd. Noh bin Rajab]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah merangka program pembangunan kebudayaan meliputi beberapa kegiatan, iaitu pengembangan kebudayaan dan kesenian, penyelidikan dan pemuliharaan kebudayaan dan kesenian, kecemerlangan seni, pendidikan seni dan kecemerlangan seni tampak.

Program pembangunan kebudayaan di peringkat negeri dan daerah diselarasakan oleh pejabat-pejabat kebudayaan dan kesenian di negeri dengan kerjasama kerajaan negeri. Kementerian sedang meningkatkan bantuan kebudayaan kepada semua pertubuhan kebudayaan di peringkat negeri dan daerah supaya lebih banyak kegiatan kebudayaan dan kesenian dapat dianjurkan. Dengan mengaktifkan kembali Majlis Kebudayaan Negeri (MKN) dan Majlis Kebudayaan Daerah (MKD), tenaga penggerak budaya dapat dikumpul dan dimanfaatkan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti gerak kerja khususnya di peringkat daerah. Kementerian telah pun juga memulakan kursus kepimpinan dan pengurusan untuk pertubuhan kebudayaan dan pertubuhan bukan kerajaan lain mengikut zon.

Kerajaan tidak semestinya mengiktiraf budaya dangdut, tetapi tidak pula bercadang mengharamkannya. Kerajaan tidak bercadang mengongkong minat mana-mana pihak asalkan tidak mengganggu gugat keamanan dan bertentangan dengan undang-undang negara.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi peningkatan pendidikan seni kita dapati tiap-tiap negeri di Malaysia ada seninya sendiri, termasuk di tempat saya, di Perlis ada hadrah. Di Asun ada wayang kulit, dan di Johor ada kuda kepong dan sebagainya. Jadi, sepertimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, setakat ini setakat manakah usaha yang dibuat oleh Akademi Seni dan Teater Negara bagi mempertingkatkan dan memperkenalkan lagi serta pemeliharaan seni-seni kebudayaan yang masih lahir, masih wujud di negeri-negeri di seluruh negara?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya hendak menyentuh tentang Pusat Kebudayaan ataupun Taman Budaya di negeri-negeri. Walaupun kita telah menyediakan peruntukan mencukupi, tetapi banyak juga negeri yang tidak dapat diwujudkan lagi kerana masalah tanah. Di negeri-negeri yang telah ada pusat ini, kita dapat menjadikannya sebagai pusat untuk mengembangkan kebudayaan. Kita ada satu bahagian di kementerian yang tugasnya untuk menyelidik budaya ataupun seni-seni kebangsaan yang tidak diamalkan sangat terutama sekali bidang yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dalam penyelidikan ini pegawai-pegawai akan membuat penyelidikan yang rapi dan merakamkan, membukukan ataupun mencetak, merekod seni ini dan disimpan dalam rekod-rekod kami supaya ia tetap berada dalam simpanan kita. Kita menjemput penggiat-penggiat atau pakar dalam bidang ini supaya mendidik ataupun memberi latihan kepada mereka, kumpulan-kumpulan yang berminat dalam kegiatan ini. Jadi, untuk beberapa bidang seni budaya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat janganlah merasa ragu kerana selain daripada seni-seni yang selalu kita lihat ada berbagai-bagai seni budaya lagi yang kita rakamkan dan mempunyai pakar-pakar yang sentiasa berhubung dan bekerjasama dengan kementerian agar ianya tetap ada dalam simpanan kita dan ada sedia pakar-pakarnya untuk mengajar mereka yang berminat dalam bidang ini.

Kadang-kadang kita mempunyai masalah kerana yang berminat ini agak berkurangan atau kita hadapi keadaan yang mana mula-mula minat, selepas itu hilang minat dalam suasana budaya negara hari ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan kita mempunyai dua jenis seni budaya yang boleh kita ketengahkan, iaitu caklempong dan tumbuk kalang. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha ke arah untuk memperbesar dan memperluaskan kumpulan-kumpulan ini, kerana di

Jelebu pun terdapat satu kumpulan tumbuk kalang yang agak boleh diketengahkan. Adakah usaha dari kementerian Yang Berhormat untuk memperluaskan lagi bidang ini, umpamanya menghantar latihan ataupun lawatan ke luar negeri untuk mengetengahkan lagi budaya ini?

**Dato' Mohd. Noh bin Rajab:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang ada memberi bantuan dan kerjasama kepada beberapa kumpulan di Negeri Sembilan, terutama sekali yang bergiat dalam caklempong dan tumbuk kalang. Malangnya mungkin kumpulan ini bukan daripada budaya daerah Jelebu. Walau bagaimanapun, kalau ada minat ataupun kumpulan yang bergiat dalam seni ini kita boleh mohon kerjasama daripada pegawai kita di peringkat negeri sendiri.

Tentang kumpulan-kumpulan yang mungkin dibawa ke luar negeri, ini memang ada. Dalam usaha kita mempromosikan negara kita. Kita juga pernah membawa kumpulan seni daripada Negeri Sembilan sendiri untuk pergi ke Timur Tengah, Jerman dan beberapa tempat lagi saya masih ingat. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 5, 8, 10, 12, dan 20 hingga 88 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[30 Julai 1997]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat dari Parit Buntar sila sambung ucapan. Yang Berhormat ada 17 minit lagi. Selepas itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan menjawab.

**3.36 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam sebelum Dewan ini ditangguhkan, saya sempat menceritakan betapa sejak tahun 1970-an lagi terdapat kecenderungan di kalangan para pelajar kita untuk memilih bekerja di jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang mereka anggap sebagai ‘gold mine’ untuk mencari pendapatan lebih daripada punca-punca yang tidak sah. Kecenderungan ini ataupun trend ini sebenarnya merebak hingga sekarang. Di kalangan orang-orang tertentu misalnya di kalangan ahli-ahli perniagaan, mereka menganggap menawarkan atau menjanjikan sogokan kepada orang-orang yang berkuasa untuk mendapatkan sesuatu sebagai perkara biasa. Kononnya ini perkara biasa dalam perniagaan. Mereka mempunyai peruntukan khusus atau apa yang dikatakan ‘special allocation’ untuk tujuan-tujuan rasuah.

Dua contoh ini menggambarkan betapa buruknya tanggapan masyarakat tentang pelakuan rasuah di negara ini. Tanggapan atau persepsi ini tidak semestinya berasas. Jabatan-jabatan kerajaan tertentu yang dianggap sebagai ‘lombong emas’ oleh kumpulan mahasiswa yang telah saya sebutkan semalam mungkin pada relatifnya hanya sebuah padang pasir yang tandus. Ahli-ahli perniagaan yang menyangka dengan menyediakan peruntukan khusus atau khas untuk mendapatkan sesuatu tadi mungkin berakhir dengan kekecewaan kerana gagal mendapat hasrat mereka. Namun tanggapan buruk yang ada dalam pemikiran kumpulan mahasiswa dan ahli-ahli perniagaan itu sudah cukup untuk memudaratkan imej negara. Yang paling pasti ialah ia langsung tidak dapat menolong usaha kita untuk memerangi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya inilah penyakit masyarakat yang kita hadapi sekarang. Satu macam syndrome psychosociology yang seolah-olah menggalakkan ataupun menghalalkan rasuah. Terus-terang saya katakan di sini bahawa selagi pemikiran ataupun mind-set sebahagian besar masyarakat ini tidak kita betulkan, maka selama itulah usaha untuk membanteras rasuah akan menghadapi jalan buntu. Tidak ada undang-undang ciptaan manusia walau sekeras Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 yang berada di hadapan kita sekarang dapat menjamin kejayaan kalau sikap masyarakat tidak berubah.

Satu contoh yang paling baik ialah Undang-undang Anti Dadah yang tidak kurang kerasnya. Setelah begitu lama undang-undang yang mengenakan hukuman gantung secara mandatori

dikuatkuasakan, gejala penagihan dadah di negara ini tidak juga berkurangan. Oleh yang demikian, dalam menyokong rang undang-undang ini saya ingin mencadangkan perkara-perkara berikut untuk mengubati syndrome yang saya sebutkan tadi.

Pertama, ialah satu kempen yang sistematik hendaklah berjalan secara berterusan dengan tujuan menanamkan rasa jijik dan takut terhadap rasuah di kalangan masyarakat. Peruntukan-peruntukan keras yang terkandung dalam rang undang-undang ini hendaklah dihebahkan seluas-luasnya melalui akhbar-akhbar tempatan, radio dan TV. Mesej-mesej antirasuah hendaklah diselitkan melalui slot-slot tertentu oleh media elektronik sama ada kepunyaan kerajaan atau swasta serta melalui papan-papan paparan di tempat-tempat strategik di seluruh negara.

Kedua, kurikulum khusus yang menekankan bahana rasuah hendaklah diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah untuk menjamin agar generasi akan datang bersih dari kecenderungan rasuah.

Ketiga, kecenderungan melabel pelaku rasuah sebagai ikan jerung dan ikan bilis hendaklah diberhentikan, kerana pada jangka panjangnya ia tidak banyak membantu usaha pencegahan. Sebaliknya ia akan memberikan justifikasi kepada apa yang dikatakan ikan bilis tadi untuk meneruskan kegiatan mereka kerana menyangka bahawa di sana terdapat banyak ikan jerung yang terlepas. Mereka mungkin berfikir kalau orang besar-besar boleh buat, boleh kaut habuan berjuta-juta, apa salahnya mereka ambil sedikit sahaja, tidak merugikan sesiapa. Yang penting dikenakan bukan hukuman, tetapi kesalahan. Sesiapa sahaja yang terlibat dalam rasuah walau sebesar mana pun amaunnya adalah penjenayah yang menjadi musuh masyarakat.

Keempat, usaha memerangi rasuah hendaklah dianggap sebagai jihad yang mesti disertai bersama oleh semua pihak dan tidak dibiarkan kepada Badan Pencegah Rasuah sahaja. Kerajaan dan agensi-agensinya, sektor swasta, wakil-wakil rakyat, parti politik termasuk parti pembangkang hendaklah sama-sama berganding bahu, masing-masing pihak hendaklah mengelakkan diri daripada mempolitikkan isu rasuah ini.

Kelima, kerajaan hendaklah memikirkan strategi jangka panjang untuk menghapuskan tendency rasuah di kalangan para pegawai. Pemberian upah yang setimpal dengan tugas dan

mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa mungkin merupakan satu cara yang boleh ditimbangkan seperti yang terbukti kesannya di sebuah negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mengemukakan langkah-langkah pencegahan ini, saya tidak bermaksud bahawa kegiatan rasuah di negara ini sudah terlalu teruk.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Sekejap.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Parit Buntar, apakah juga Yang Berhormat bersetuju dalam cadangan Yang Berhormat itu bahawa semasa lantikan kakitangan kerajaan ini diberi taklimat apakah bentuk-bentuk rasuah yang boleh wujud terhadap jawatan yang mereka pegang dan juga tindakan yang boleh diambil ke atas mereka. Kerana dalam pengalaman saya, semasa dilantik menjadi pegawai kerajaan, kita langsung tidak diberitahu apakah bentuk-bentuk rasuah ataupun akta yang boleh terlibat dengan kita. Sedangkan peraturan Bab 'B' pun kita tidak diberi taklimat. Mungkin salah satu yang dicadangkan oleh kawan-kawan iaitu satu peperiksaan khas atau ujian supaya mereka ini tahu apakah bentuk-bentuk rasuah yang mungkin berlaku di jabatan mereka dan juga peluang-peluang dan selok-belok yang boleh mereka terlibat dalam gejala rasuah ini. Terima kasih.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Saya bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu, dan saya rasa tentulah perkara ini sedang diambil kira oleh kerajaan dalam melatih para pegawainya. Saya kira ini satu cadangan yang baik. Izinkan saya menyambung semula apa yang saya tinggal tadi.

Sebenarnya saya tertarik hati dengan pandangan yang diberikan semalam oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang memetik hasil satu kajian yang dibuat mengenai rasuah yang menggariskan ataupun menyenaraikan Malaysia sebagai negara keempat bersih dari segi rasuah selepas Singapura, Jepun dan Hong Kong. Jadi, maknanya kita tidaklah begitu teruk sangat. Sepatah kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad semasa merasmikan Perhimpunan Agung UMNO tahun lepas, "Rasuah di Malaysia kini masih berada di tahap under the counter dan masih boleh dibendung. Tetapi apabila ia sudah menjadi over the counter, ia sukar untuk dibendung dan negara akan parah."

Saya kira rang undang-undang ini merupakan sebahagian daripada usaha pembendungan ini yang sebenarnya sudah bermula sejak lama dahulu, sejak zaman Tunku Abdul Rahman membawa kepada zaman Tun Abdul Razak, Tun Hussein sehinggalah sekarang. Apa yang berbeza hanyalah pendekatan masing-masing. Saya tidak bersetuju dengan pendapat setengah-setengah Ahli Yang Berhormat terutama daripada parti pembangkang yang mendakwa bahawa kerajaan yang ada sekarang tidak begitu sungguh-sungguh memerangi gejala rasuah ini.

Sebenarnya, peperangan terhadap rasuah ini adalah salah satu daripada keutamaan yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mengambil alih tampuk pemerintahan negara 17 tahun yang lalu. Dalam satu temuramah di pejabat beliau sempena 100 hari beliau menjadi Perdana Menteri yang pita rakamannya masih ada dalam simpanannya sehingga sekarang.

Dato' Seri Dr. Mahathir telah menghuraikan beberapa keutamaan yang beliau hendak laksanakan, di samping ingin melihat rakyat Malaysia menjadi god hearing society, dengan izin, yang benci dan takutkan rasuah, beliau juga mahu rakyat negara ini dihormati oleh masyarakat antarabangsa, memperhebatkan program perindustrian, menghantar lebih ramai para belia Malaysia berlatih di Jepun dan Korea di bawah dasar Pandang Ke Timur di samping bercadang mempercepatkan waktu Malaysia selama setengah jam.

Kini hampir semua impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu telah tercapai, mungkin ketidakberkesanan usaha memerangi rasuah ini merupakan salah satu aspek perjuangan beliau yang masih belum selesai yang beliau maksudkan dalam sajak yang sama judulnya.

Namun adalah tidak adil untuk menyalahkan kerajaan dalam soal ini setelah diambil kira sindrom masyarakat yang seolah-olah menghalalkan rasuah sepertimana yang saya katakan tadi. Contoh terbaru tentang sikap negatif masyarakat ini dapat dilihat daripada kenyataan seorang pegawai tinggi BPR yang tersiar dalam akhbar *The New Straits Times* kelmarin. Menurut Timbalan Ketua Pengarah II BPR, Encik Mohamad Nordin bin Ahmad, walaupun agensi tersebut telah menyediakan 30,000 aerogram bebas setem untuk memudahkan orang ramai melaporkan sebarang kegiatan rasuah dan salahguna kuasa sebahagian besar pelapor masih memilih untuk menggunakan surat layang.

Walaupun sudah hampir setahun perkhidmatan aerogram itu disediakan, agensi itu cuma menerima kembali 78 daripadanya, yang lain-lain masih memilih menggunakan surat layang. Menurut beliau, perkhidmatan telefon tol free dan peti surat 6000 juga yang disediakan oleh pihak BPR tidak popular di kalangan masyarakat. Demikianlah sikap masyarakat kita, semoga dengan lulusnya rang undang-undang ini dan digazetkan nanti serta dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan sejak beberapa hari yang lalu, usaha kita akan lebih berkesan. Mudah-mudahan Tuhan akan menyelamatkan negara kita daripada kehancuran akibat rasuah dan keruntuhan akhlak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. [*Tepuk*]

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk jawapan Yang Berhormat. Minta jawapan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab.

**3.48 ptg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, teguran dan cadangan untuk memperkemas dan memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997.

Kita telah memberikan tempoh yang agak panjang dan munasabah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan pandangan dan ini juga merupakan satu exercise di mana kerajaan memberikan pertimbangan terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan setelah mendengar beberapa pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ada kesediaan di pihak kerajaan untuk memberi notis supaya beberapa perkara diubahsuai, dipinda dan diperkukuhkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak sekali memberikan pandangan tetapi tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mencadangkan supaya kita

mengambil sikap yang lebih terbuka, menyetengahkan satu rang undang-undang setelah mengambil kira pandangan orang ramai dari pelbagai pihak, saya ingin menyatakan bahawa ini merupakan rang undang-undang yang diteliti agak lama. Kita telah mendapat puluhan memorandum dalam tempoh dua, tiga tahun yang dikaji kebelakangan ini, bahkan Badan Pencegah Rasuah sendiri telah mengadakan pelbagai dan begitu banyak seminar dan perbincangan di negeri-negeri, mendapat maklumat daripada badan-badan akademik, orang-orang perseorangan, parti-parti politik sebelum cadangan ini dikemukakan dan kemudian diteliti oleh Jabatan Peguam Negara dan kemudian diteliti semula berulang kali oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pengurusan kerajaan dan akhirnya yang diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Ini menunjukkan bahawa kita mengambil kira pandangan yang dikemukakan dan tidaklah munasabah untuk diandaikan bahawa rang undang-undang ini dibentang dan diluluskan secara terburu-buru, bahkan dalam mengambil kira teguran-teguran ini juga, saya telah mendapat maklumat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama dari Barisan Nasional yang mengambil sikap yang lebih positif dan oleh kerana itulah beberapa penyesuaian dan perubahan dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Marang, Gelugor, Tuaran, Kubang Kerian di antara lain meminta supaya diwujudkan Independent Anti-Corruption Agency. Kita memikirkan bahawa Badan Pencegah Rasuah kini

berkesan tetapi kekurangannya ialah peruntukan undang-undang yang cukup, tenaga yang harus ditambah dan peruntukan kewangan yang ditambah, ketiga-tiga perkara ini telah diambil kira.

Seksyen 8 rang undang-undang ini secara jelas menyatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Ketua Pengarah BPR dan pegawai-pegawainya untuk menjalankan siasatan terhadap semua aduan rasuah yang dikemukakan kepada Badan ini dan untuk dikaitkan bahawa tindakan hanya diambil kepada segolongan dan meninggalkan kalangan yang lain adalah tidak benar, kerana sepertimana yang kita lihat dalam kes-kes terdahulu, banyak kes yang melibatkan pemimpin-pemimpin parti kerajaan dan juga pegawai-pegawai tinggi kerajaan tanpa mengambil kira kedudukan mereka dan ini menjadi bukti.

Saya yakin insya-Allah, dengan sokongan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi meluluskan rang undang-undang ini, ia akan memberikan kekuatan tambahan kepada Badan Pencegah Rasuah untuk terus bertindak terhadap apa juga kegiatan salah laku dan rasuah.

Soal mengenai kuasa Timbalan Pendakwa Raya yang dikeluarkan daripada kuasa Ketua Pengarah BPR, saya telah jelaskan bahawa ini adalah selari dan konsisten dengan peruntukan atau Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Rang undang-undang ini menambah peruntukan agar kuasa Badan Pencegah Rasuah lebih kuat.

Kalau itu berlaku ditambah dengan jumlah pegawai lebih 240 orang yang ditambah segera, peruntukan kewangan walaupun saya umumkan RM3.4 juta, ini bukan peruntukan keseluruhannya, ini hanya bagi menambah kelengkapan keperluan BPR segera. Saya telah memaklumkan kepada BPR bahawa segala keperluan mereka untuk menjamin kecekapan yang tinggi dan membolehkan mereka bertindak segera dengan cara berkesan dan telus akan kita berikan.

Tetapi oleh kerana kuasa ditambah, peruntukan ditambah, pegawai ditambah termasuk Timbalan Pendakwa Raya di bawah pengelolaan BPR, maka munasabahlah kita pertahankan semangat dalam Perlembagaan dalam Perkara 145 di mana berlakunya 'check and balance'. Tetapi, kalau pun ini dipertikaikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat kerana kedudukan Peguam Negara yang dianggap dan terus disebut oleh mereka tentang amalan 'selective prosecution'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan penjelasan di sini, yang pertama, sepanjang menyempurnakan tanggungjawab oleh Peguam Negara, tindakan diambil sama ada meneruskan tindakan terhadap tokoh besar, tokoh kecil, tokoh kerajaan, tokoh pembangkang. Kita tidak ada pula kuota tokoh kerajaan sedemikian, tokoh pembangkang sedemikian. Tetapi kalau soalnya mengurangkan pertuduhan yang dibuat, yang dikaitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, kita tahu juga tindakan yang sama dibuat kepada

beberapa tokoh pembangkang termasuk tokoh-tokoh kesatuan sekerja yang nyata adalah mengambil sikap yang kritikal atau menentang kerajaan.

Saya tidak berhasrat untuk membawa satu persatu kes yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh tertentu tetapi kita haruslah memberi keyakinan terhadap kewibawaan dan budi bicara Peguam Negara setelah mengambil kira maklumat yang ada pada beliau, kerana kalau kita buat tafsiran bahawa tindakan ataupun 'prosecution' harus dilakukan semata-mata dengan maklumat yang kita perolehi, ini tentunya memperkecilkan kewibawaan dan maklumat yang sedia ada pada Peguam Negara yang membolehkan beliau mengambil tindakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa sungguhpun di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bahawa budi bicara tunggal mutlak Peguam Negara untuk memulakan dan meneruskan atau memberhentikan apa-apa pendakwaan dan perkara ini tidak boleh dibicarakan, disoalkan dalam mahkamah bahawa jawatan ini perlu mematuhi prinsip akauntabiliti dan transparency khususnya bahawa mustahak supaya keyakinan orang ramai terhadap rule of law tidak dirosakkan bahawa kuasa ini di bawah Perkara 145 dijalankan dengan cara independently transparent patient dan apabila timbul keraguan seperti keraguan yang timbul baru-baru ini dengan siri bukan satu, dua, dengan siri kes-kes pendakwaan pilihan, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju perlu satu mekanisme di mana Peguam Negara perlulah boleh bertanggungjawab menjalankan prinsip akauntabiliti dan transparency khususnya kepada Parlimen dan Dewan ini bukan melalui Menteri atau Timbalan Menteri untuk sangka apa tujuan, apa alasan yang dibuat, sebelum sesuatu keputusan dibuat di bawah Perkara 145 tetapi di

mana Peguam Negara boleh berjumpa khasnya atau dengan satu jawatankuasa Ahli-ahli Parlimen untuk menerangkan apa-apa keraguan yang timbul supaya boleh menyelesaikan semua keraguan mengenai selective prosecution untuk menjunjung kemurnian Perlembagaan dan apa mekanisme yang dicadangkan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soal perbincangan dengan pihak Peguam Negara untuk memberi penjelasan itu soal sampingan, tetapi mekanisme yang ada implace dalam Perlembagaan dan pentadbiran negara kita ialah memberikan semua maklumat dan untuk memberikan tanggungjawab ini kepada Peguam Negara yang akan menggunakan budi bicaranya dengan mempertahankan integriti profesionnya.

Sebab itu, apabila Ahli Yang Berhormat dari Jelutong umpamanya mencadangkan apakah lebih wajar kalau Peguam Negara itu diberi satu perantaraan bertaraf Menteri, saya boleh jangka Ahli Yang Berhormat dari Jelutong juga dalam sesi yang akan datang, andai kata ini berlaku akan mengatakan, inilah masalahnya, bila Peguam Negara seorang Menteri, dia tertakluk kepada collective responsibility, decision yang dibuat itu memenuhi keperluan politik kerajaan.

Sebab itu kita pilih setakat ini sekarang dalam sistem yang ada meletakkan supaya Peguam Negara itu dilantik atas tahap profesionalismenya bukan iklim ataupun mazhab politiknya, kerana ini juga akan membawa satu pertikaian baru dalam perbincangan kita tentang kedudukan dan budi bicara Peguam Negara.

Sistem ini berjalan sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dua hari yang lalu dengan baik di United Kingdom iaitu di mana Peguam Negara itu mungkin bertaraf Menteri, tetapi tidak semestinya sesuai di kalangan kita kerana pernah berlaku dahulu dan saya rasa kita boleh check *Hansard* di mana bila Peguam Negara itu taraf Menteri, maka

kritikan dari pembangkang ialah bahawa keputusan yang dibuat itu dipengaruhi oleh sentimen politik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan. Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata bahawa mekanisme ialah untuk memberi segala maklumat mengenai keputusan yang dibuat kepada kerajaan supaya satu jawapan atau keterangan boleh diberi, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sampai sekarang segala kes yang ada disebut untuk menunjukkan bahawa adalah 'selective prosecution' bagi pihak Peguam Negara sama ada kes Yong Teck Lee, Jeffry Kitingan atau pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO mengenai APCET, semua tidak ada keterangan yang diberi - kenapa Yong Teck Lee masa pembangkang didakwa di bawah Police Act tetapi lepas itu Penal Code di mana dia boleh lari daripada kehilangan kelayakan apabila disabit salah di mana Jeffry Kitingan - kenapa beliau dalam pembangkang dituduh rasuah tetapi lompat ke Barisan Nasional kes ditarik balik? Kenapa dalam kes pemimpin-pemimpin UMNO Youth diberi 'alternative charge' antara Police Act di mana kalau kena 'disqualified' sebagai Ahli Dewan Negeri satu antara lain dan ada 'alternative charge' untuk Penal Code tanpa risikonya. Kenapa? Adakah penjelasan dibuat? Oleh kerana tidak ada penjelasan dibuat bahawa menambahkan keraguan, bukan sahaja keraguan syak orang ramai bahawa 'selective prosecution' satu masalah besar di tanah air kita.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, tidak wajar bagi kita meletakkan tanggungjawab Peguam Negara untuk memberi alasan memilih untuk membuat 'prosecution' dalam kes tertentu mengikut kaedah ataupun peruntukan undang-undang yang mana kerana dia ada pilihan umpamanya dua belas caj yang dia boleh buat, kemudian dia mesti jelaskan mengapa dipilih caj satu dan tidak sebelas yang lain, maka pembangkang akan kata mengapa tidak ambil kira caj 11? Saya tidak fikir ini menjadi satu langkah munasabah tetapi kalau untuk Ahli Yang Berhormat dari Tanjong saya boleh nyatakan mengapa pilih beberapa kes untuk disebut di dalam Dewan ini yang menyentuh umpamanya Pemuda UMNO - demonstrasi Pemuda UMNO yang kesnya kes kecil sahaja - tunjuk perasaan itu pun kecil berbanding yang besar-besar yang pernah saya lakukan dahulu. *[Ketawa]* Jadi,

kalau untuk tunjuk perasaan kecil, caj kecillah tetapi ada kes Yang Berhormat Tanjong tahu yang melibatkan Ahli dan pemimpin DAP - umpamanya keputusan untuk tidak meneruskan pertuduhan terhadap seorang tokoh DAP bagi kesalahan pecah amanah di bawah Seksyen 409 Kanun Kesiksaan. [Tepuk] Ada! Jadi, maknanya untuk mengatakan semata-mata kes itu hanya motivated, dengan izin, dari sudut kepentingan politik itu saya fikir tidak munasabah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah saya dapat tahu.....saya tidak tahu apa kes itu...[Ketawa]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya boleh sebut tetapi saya ini, orang baik. [Ketawa]

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak tahu apa kes itu? [Ketawa]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Bila saya sudah selesai tugas - saya tidak mahu memalukan dan mengaibkan orang. Kes ada sudahlah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu jangan timbulkan kes ini kerana saya pun tidak tahu!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Cuma....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita tidak tahu...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dia bekas Ahli Yang Berhormat DAP juga!

**Tuan Lim Kit Siang:** Siapa? Siapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Tanjong....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sepatutnya pemimpin parti ini dia mesti fahamlah kepimpinan negeri, dia takkan tidak tahu!

**Seorang Ahli:** Tak tahu!

**Tuan Lim Kit Siang:** Kami tak tahu!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ada, saya boleh beri maklumat itu tetapi saya tidak bersetuju walaupun ada diberikan maklumat terperinci tetapi saya tidak bersetuju kalau kes itu begitu rupa untuk dibangkitkan untuk mengaibkan orang. Bila kes itu didapati tidak kuat - ditarik balik, sudahlah! **Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tetapi saya hendak buktikan bahawa ia melibatkan UMNO, melibatkan MCA, melibatkan Pemuda UMNO,

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Melibatkan juga DAP.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Jadi, berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Peguam Negara dan setelah menimbangkan fakta-fakta baru, mungkin dia ada fakta-fakta baru yang dibawa untuk pengalaman dia, maka untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat Peguam Negara, maka oleh yang demikian.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka, dia hendak minta.....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Begitu juga dengan Yang Berhormat dari Jelutong dia tahu banyak kes.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta laluan, hendak bagi.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak, biar saya selesai dahulu, fasal sahabat saya dari Pulau Pinang juga, *[Ketawa]* jadi saya pun kena bagi layanan terhadap point-point dia. *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Bagi saya habis dahulu, saya hendak beri contoh, umpamanya....

**Seorang Ahli:** Jangan berdiri dulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** .....Yang Berhormat dari Jelutong tahu dalam Persidangan Mahkamah Persekutuan di Kota Bharu, pertuduhan terhadap anak guam Yang Berhormat telah dipinda daripada Seksyen 39B(1) Akta Dadah Merbahaya 1992 yang membawa hukuman mati kepada Seksyen 6 dibawa bersama dengan Seksyen 39A(2) akta yang sama. Jadi, ada kes, Yang Berhormat! Jadi,

hendak kata ini tidak transparent, tidak telus kerana ia hanya dibuat khusus kepada kes-kes yang menguntungkan politik Barisan Nasional, tidak betul juga. Kes yang dibawa oleh peguam DAP pun kita tukar juga chance! *[Ketawa]*

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan R. Karpal Singh:** Kurang ajar masih wujud! *[Ketawa]**[Disampuk]* Tidak memberi pengajaran kepada dia?

**Seorang Ahli:** Lu, kurang ajar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Kena kawal budak-budak ini dulu! *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya akan kawal.

**Tuan R. Karpal Singh:** Boleh?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masih terkawal lagi, kalau tidak terkawal saya...*[Ketawa]* Sila, Yang Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Ada banyak juvenile politic dalam Dewan ini. *[Ketawa]* Saya minta penjelasan. Kes di Kota Bahru yang ada disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, pindaan kepada pertuduhan daripada 39B kepada Seksyen 6 adalah diakibatkan bukan kerana menggunakan budi bicara Peguam Negara tetapi kerana ada kes dulu di mana atas prinsip-prinsip, isu-isu undang-undang, Peguam Negara tidak ada pilihan lain tetapi membuat satu pindaan kepada satu pertuduhan itu dan jika dia tidak buat demikian, dia terikat dengan apa yang telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan sekarang tetapi apa yang penting adalah apabila Peguam Negara menggunakan budi bicara dan terletak dalam tangan dia, apa yang kami mahu dapat tahu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah apa 'check and balance'? Kenapa dalam Perlembagaan sekarang yang boleh dikatakan adalah check yang balance yang efektif. Langsung tidak ada! Siapa boleh menyoalkan dia?

Dalam negara ini most powerful man is the Attorney General, dengan izin, kerana untuk mendakwa seorang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau raja-raja lain tanpa keizinan Peguam Negara yang mesti diperolehi oleh seorang warganegara untuk mendakwa raja atau Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, ini pun jadi budi bicara yang terletak dalam tangan Peguam Negara. Apa yang kami mahu dapat tahu adalah apa 'check and balance'? Adakah dalam Kabinet - jika budi bicara Peguam Negara tidak digunakan dengan munasabah, adakah itu diperbincangkan dalam Kabinet untuk menentukan masa hadapan beliau menggunakan garis panduan ini atau apa-apa kemusykilan lain jika Peguam Negara boleh menduduki dalam komiti bagi Dewan ini, apa kemusykilan untuk menempatkan dia di sini sebagai Ex-Officio sebagaimana keadaan dalam Dewan Undangan Negeri di mana ada check - di mana di sini dan ahli-ahli lain dalam Dewan ini boleh menyoal dia dan dia dapat peluang di sini untuk mempertahankan dirinya, tidakkah itu satu 'check and balance' yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang? Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan atas topik ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Perkara ini dalam peruntukan Perlembagaan 145 sudah ada dari awal, tidak pun menimbulkan pertikaian. Ia hanya timbul setelah kes yang bersabit dengan pertuduhan yang melibatkan beberapa tokoh DAP. Sebab itu saya katakan kalau kita hendak bincang dari segi prinsip perundangan dan keadilan, ia mestilah prinsip yang diterima pakai dalam semua keadaan. Dalam negara kita dalam perkara Perlembagaan dalam Perkara 145 bukan perkara baru, ia memang ada termaktub di situ dan tidak dipertikai selama puluhan tahun. Cuma dalam kes-kes baru-baru ini di mana dikaitkan. Soalnya, kalau Parlimen disoal ataupun ada maklumat-maklumat terperinci dibangkitkan, tentunya saya ingat Jemaah Menteri tidak boleh terlepas sekurang-kurang dari sekadar mendapat maklumat dan bertanya untuk penjelasan dari Peguam Negara.

Bukanlah Peguam Negara itu satu institusi yang tidak boleh disoal sama sekali, meskipun kuasa penyiasatan dan pendakwaan itu jelas dalam Perlembagaan, tetapi saya percaya perkara ini bukanlah satu perkara yang tertutup sehingga tidak memungkinkan pertimbangan dibuat terhadap masalah atau kegelisahan masyarakat dan kalaulah - apatah lagi kalau dibangkitkan tentang kewibawaan jawatan Peguam Negara itu dipertikai tetapi saya ingin menjelaskan di sini, kalau andaian yang dibuat oleh pembangkang bahawa kredibiliti itu dipertikai semata-mata kerana ada dakwaan terhadap

pembangkok, maka saya jawab; dakwaan terhadap pemimpin Barisan Nasional jauh melebihi dari dakwaan terhadap pembangkang.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dakwaan yang melibatkan kes orang ramai umumnya jauh melebihi dari segi jumlahnya, dari sudut pembangkang. Bahkan, dalam kes-kes BPR saya baru sebentar tadi mendapat - tanya sekali lagi penjelasan kerana saya dapat anticipate, dengan izin, soalan daripada wakil-wakil pembangkang, saya tanya BPR kalau ikut senarai, dan memang jawapan mereka jelas bahawa baik siasatan mahupun pendakwaan,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk, Yang Berhormat. Ya, duduk.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Baik pun siasatan yang sedang diteruskan ia lebih banyak melibatkan wakil-wakil atau pemimpin-pemimpin dalam kerajaan. Jadi, untuk mengatakan 'selective prosecution' kerana ia lebih selective untuk memberikan biasnya dari sudut prejudice kepada kepentingan golongan lain terutama di kalangan pembangkang atau yang bukan penyokong kerajaan. Saya tidak dapat terima. Kalau boleh biar saya jawab dahulu?

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan Yang Berhormat. Saya bangkitkan hal ini atas keadilan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sangat kuat dalam isu keadilan, bukan sahaja kepada seseorang atau apa-apa pertubuhan. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi sebut bahawa ada seorang tokoh DAP yang ada kes CBT ditarik balik tidak diteruskan, ini memberi satu gambaran yang sangat serius terhadap DAP di mana kita tidak tahu sama ada kalau ada kes ini, oleh kerana dia tidak bersalah langsung dan sebab itu kes tidak diteruskan atau dia ada salah tetapi kes tidak dijalankan, kita tidak tahu apa keadaan tetapi timbulkan keadaan semacam ini, sangat tidak adil kepada DAP dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kalau tidak mahu sebut nama, patut tarik balik sebutan itu oleh kerana ini sangat tidak adil *[Disampuk]*, dan kes ini sangat serius, Criminal Breach of Trust.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebut nama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Selain sebut nama kita rela oleh kerana kita tahu atau patut supaya tidak mencemarkan nama-nama apa-apa pertubuhan termasuk parti-parti pembangkang pun tidak patut dicemari. Saya harap ini keadilan atas isu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bicara berdasarkan pertamanya, fakta, keduanya, prinsip keadilan dan prinsip yang saya hendak sebut di sini adalah dalam konteks membicarakan tanggungjawab dan budi bicara Peguam Negara. Saya tidak katakan tuduhan kepada pemimpin DAP itu ditarik balik kerana dia bersalah dan ada kompromi. Saya katakan saya yakin dengan kebijaksanaan dan budi bicara yang dibuat oleh Peguam Negara walaupun ada tuduhan tetapi setelah dapat maklumat, budi bicara Peguam Negara mengatakan bahawa kes itu patut ditarik balik.

Tetapi yang saya hendak menjelaskan yang mengatakan kredibiliti DAP ini sebab apa? Mengapa Yang Berhormat dari Tanjong fikir orang itu sudah salah? Ini bahaya. *[Tepuk]* Yang saya tahu, mulanya berdasarkan maklumat awal difikirkan ada kesalahan, diteliti, difikirkan tidak cukup bukti ataupun maklumat, maka ditarik balik. Ini prinsip tanggungjawab Peguam Negara. Ini yang saya hendak buktikan. Saya gunakan alasan ini untuk membuktikan atau untuk mempertikai kenyataan Yang Berhormat dari Tanjong, Jelutong dan rakan-rakannya yang menganggap bahawa kita hanya ambil keputusan untuk menarik balik atau mengurangkan tuduhan hanya kepada penyokong-penyokong kerajaan dan juga kepada Pemuda UMNO. Ini saya hendak betulkan, itu sahaja. Saya tidak mahulah gaduh pasal kes itu. Kita hendak bincangkan ini Badan Pencegah Rasuah mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah. Kalau boleh, saya sambung, tidak timbul integriti DAP, tak timbul.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun, Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** No, no.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Not this issue, not this issue, minta jalan.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kemudian, kemudian.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan, satu sahaja, tentang penalty prosecution.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak sambung perkara 20, it is quiet serious now.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan sekali.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak kali ini, terlalu panjang.

**Seorang Ahli:** Tak tahu undang-undangkah?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sebut namalah, kalau berani.

**Seorang Ahli:** Tak tahu undang-undang, tanya bapa.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak, soal berani atau tidak berani, tidak timbul. Ini sebab saya kata, DAP hendak cuba saya, tetapi round one ini dia sudah gagal. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya menang round pertama ini sebab saya tidak mahu diprovoke untuk mengeluarkan nama. Saya hendak tunjuk ini isunya ialah budi bicara Peguam Negara dan isu yang berkaitan ialah Peguam Negara itu mengambil tindakan mempertahankan prinsip keadilan tanpa mengira sama ada dia itu Barisan Nasional atau pembangkang. *[Tepuk]* Maknanya, kalau tidak salah - tidak salah. Kalaupun mulanya berdasarkan maklumat awal, Yang Berhormat dari Jelutong peguam Pulau Pinang yang pintar, saya akui itu, tetapi kita beri wawenang (flexibility discretion) kepada Peguam Negara berdasarkan maklumat yang beliau perolehi.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perkara Seksyen 20.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau boleh, beri jalanlah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tidak. Maklumat palsu menghalang.....

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa nak takut.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ini masalah Fasal 20 ini mengenai maklumat. Ramai Ahli Yang Berhormat bangkitkan isu ini kerana takut kalau-kalau ini menakutkan. Saya telah mengkaji cara terperinci dan berbincang dengan Jabatan Peguam Negara dalam kes ini dan ini juga disebut oleh Yang Berhormat dari Tanjong, sudah ada dalam Seksyen 182, Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum selama enam bulan dan atau denda, dan ini bagi aduan atau laporan berkenaan kes-kes rasuah, jadi bukan satu peruntukan baru.

Saya hendak jelaskan kerana ini juga dibangkitkan oleh banyak persatuan yang menghantar faks dan memorandum dalam beberapa hari yang lalu kepada saya, seolah-olah ada peruntukan baru

yang hendak menakutkan orang ramai daripada membuat aduan. Saya hendak sebut bahawa undang-undang yang ada sekarang dalam Kanun Keseksaan, Seksyen 182 sudah ada peruntukan itu. Peruntukan yang ditambah ini ialah dalam proses penyiasatan, orang memberikan maklumat dengan sengaja yang bertentangan dengan fakta, dengan maksud untuk menjatuhkan maruah atau memburukkan yang dituduh itu. Ini yang dimaksudkan.

Bahkan dalam Seksyen 22(4) kita ada juga, oleh kerana kuasa itu kuat, penyiasatannya juga kuat, kemudian kita akan bincang juga Seksyen 33(3) nanti, maka kita tentukan supaya dalam proses membuat laporan dan siastan, maka kerahsiaan itu mesti dijaga. Kita teruskan dengan siasatan, belum tentu orang itu bersalah atau tidak. Maka sebab itu kita pertahankan supaya dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang lain, selain daripada pegawai-pegawai BPR yang menjalankan siasatan sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas sesuatu kesalahan.

Dan ini juga berlaku perkara Seksyen 22(4) ini sama dengan - ini soal prinsip, dengan izin, disclosure of information dalam undang-undang di Hong Kong kerana Yang Berhormat dari Tanjong pun nampak pakar dalam bab ini, asyik banding dengan Hong Kong, tetapi ada provision yang Hong Kong pakai dan kita pakai, dia tidak sebut, dia sebut yang kita tidak pakai. Ada yang Hong Kong tidak buat, kita buat lebih bagus, dia tidak sebut, yang ini saya kecil hati sedikit. *[Ketawa]*

Dalam peruntukan perkara 30, dalam undang-undang yang sama di Hong Kong, 'any offence to disclose identity, etc., of person being investigated'. Jadi, maknanya orang-orang yang, dengan izin, without lawful authority ataupun dengan alasan yang munasabah memberikan maklumat, maka ia juga dianggap satu kesalahan. Ini saya fikir selari dengan semangat kita untuk mencari kebenaran dan untuk tidak menjadikan isu ini sebagai isu politik.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa kalau kita mahu satu masyarakat bebas daripada rasuah, kita perlu satu kerjasama segala lapisan rakyat dan masa sekarang ialah untuk menggalakkan setiap warganegara untuk bekerjasama dengan BPR khususnya, adalah satu sikap yang baru, yang boleh dikatakan zero tolerance kepada

corruption dan Seksyen 20 tentu akan menakut-nakutkan. Dengan izin, di sini satu kenyataan daripada Aliran, 'discourage honest citizens from actively participating in the war against corruption' - with Aliran pun, tak tahulah sama ada ini dianggap sebagai antikerajaan. Dan kenapa, bukan kita menentang dengan peruntukan. Ada satu peruntukan kenapa kerajaan masih mahu hukuman begitu berat iaitu 10 tahun. Apa yang kita perlu ialah best practice dan bukan worst practice untuk memerangi rasuah.

Kedua, mengikut perbahasan yang ada dalam tiga hari dahulu, ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional nampaknya mereka suka sahaja Seksyen 20, manakala seksyen-seksyen yang lain mereka tidak berminat, mereka berminat sahaja Seksyen 20 atas sebab ini boleh digunakan terhadap ahli-ahli pembangkang oleh kerana apabila kita buat laporan kepada BPR. Sebenarnya pada hari yang pertama, 14 Julai apabila perkara ini disebut oleh Yang Berhormat dari Machang, kes laporan saya mengenai Ling Hee Liong ada disebut. Nampaknya ini digunakan mengenai kes laporan ACA mengenai Ling Hee Liong bahawa ada satu siasatan. Adakah Seksyen 20 digunakan untuk kes semacam ini supaya kes laporan mengenai Ling Hee Liong tidak boleh dibuat, kalau dibuat, di bawah Seksyen 20. Adakah ini daripada ucapan-ucapan khasnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, adakah ini tujuannya?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya hendak jelaskan dari kefahaman saya tentang Seksyen 20, kes yang dibangkitkan kalau dilaporkan umpamanya kes Ling Hee Liong, maka seksyen ini tidak boleh dipakai kerana dalam peraturan ini hanya kes dalam siasatan, bukan tatkala laporan dikemukakan. Jadi yang itu saya dapat penjelasan, supaya tidak mengelirukan, sebab itu kes ini walaupun hendak dipakai, dia termasuk Seksyen 182, Kanun Keseksaan. Itu undang-undang yang sedia ada, walaupun tidak digunakan dalam konteks ini.

Dalam kes Seksyen 20 ini, saya hendak jelaskan kerana menimbulkan sedikit sebanyak kekeliruan, ia hanya dalam konteks tatkala siasatan berlaku, maklumat yang diberikan kepada BPR.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan, dengan izin, 'discourage honest citizens from participation in the war against corruption.....'

**Tuan Lim Kit Siang:** Quoting Aliran.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Okay, quoting Aliran. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyebut, ini hendak 'discourage honest citizen from lying'. [*Tepuk*] Kalau maklumat itu benar dan tepat, saya ingin menyatakan di sini, saya mahu undang-undang ini menjadi satu galakan kepada orang

ramai untuk mendedahkan rasuah yang berlaku di tengah-tengah masyarakat kita. *[Tepuk]* Ini intention kita. Intention kita menggalakkan masyarakat untuk membuat laporan dan memberi pendedahan. Perkara ini saya bincang dengan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai BPR, Peguam Negara dan pegawai-pegawai jabatan, saya kata, dengan lulusnya undang-undang ini jangan ada sama sekali alasan yang kita berikan kepada sesiapa, kerajaan atau pembangkang atau orang ramai, yang boleh ditafsirkan sebagai menakutkan orang ramai dari memberi maklumat memerangi rasuah. Tujuan Seksyen 20 ini tidak lain daripada menegakkan prinsip keadilan. Mengapa kita takut keadilan? Keadilan ialah kerana memberikan maklumat yang terang dan jelas.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kubang Kerian bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya amat alu-alukan kesungguhan Timbalan Perdana Menteri dan saya memang sokong di atas kesungguhan itu. Tetapi hendak dapat maklumat tepat dalam sesuatu perkara rasuah ini sudah tentu kita payah, semuanya perkara yang samar-samar yang kita lapor selalunya, jadi perkara ini boleh disalahgunakan. Saya bimbang jaminan Timbalan Perdana Menteri akan tinggal jaminan kerana ia tidak termaktub dalam undang-undang yang begitu jelas. Ini yang membimbangkan kami. Jaminan itu memang kami cukup alu-alukan, tetapi kita bimbang disalahgunakan kerana maklumat tepat dalam hal rasuah ini hanya boleh diperolehi oleh pegawai BPR, bukan daripada orang ramai. Ini keraguan saya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dari penjelasan yang diberikan bukan sahaja jaminan saya, Ahli Yang Berhormat, ialah sepertimana saya sebutkan tatkala membentangkan, laporan dibuat, ada fakta kecil yang mendukung laporan itu. Tetapi setelah siasatan berlaku, didapati maklumat itu tidak cukup kuat untuk sabitkan yang dituduh itu dengan kesalahan ataupun didakwa. Ini tidak cukup untuk pihak BPR atau Jabatan Peguam Negara menggunakan peruntukan, baik Kanun Keseksaan ataupun Seksyen 182 ataupun Seksyen 20 dalam rang undang-undang atau akta ini untuk bertindak ke atas yang tidak berniat untuk memusnahkan nama baik orang.

Jadi sebab itu saya katakan, akhirnya dalam mana-mana undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini tidak boleh sempurna seperti Quran. Tetapi mana-mana undang-undang dengan segala ikatan dan peruntukan untuk menjamin keadilan, akhirnya ditentukan keberkesannya dengan tindakan yang berlaku. Sebab itulah sebagai orang yang bertanggungjawab dalam kes ini diamanahkan untuk membentangkan, saya telah memberikan peringatan yang cukup jelas, baik kepada Jabatan Peguam Negara dan juga Badan Pencegah Rasuah supaya jangan memberikan apa juga alasan untuk masyarakat mengandaikan bahawa Seksyen 20 ini adalah peruntukan untuk menakutkan orang daripada membuat laporan atau memberikan maklumat kepada Badan Pencegah Rasuah, kerana sesungguhnya kalaulah maklumat tidak disampaikan oleh orang ramai kepada Badan Pencegah Rasuah, Badan Pencegah Rasuah tidak mungkin akan dapat menyelesaikan siasatan kes-kes dengan berkesan. Maklumat daripada orang ramai, sokongan daripada orang ramai dan keyakinan daripada orang ramai itu sangat kritikal dalam konteks ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya mengalu-alukan penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi bahawa Seksyen 20 tidak akan dipakai, tidak kena-mengena dengan apa-apa laporan polis kepada ACA oleh kerana sampai sekarang inilah pengumuman yang terbaru, oleh kerana khasnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional mereka anggap semua laporan khasnya kepada ACA sekarang - tangkap di bawah Seksyen 20.

Tetapi sungguhpun begitu, apabila baca, apa yang mustahak ialah apa black and white kita baca Seksyen 20 dan kalau boleh saya reduce the simple terms Section 20:

*'Where any person makes.....any statement.....to an officer..... (in simpler terms) .....of the Agency.....any statement which to the knowledge of the person making the statement.....is false.....shall be guilty'.*

Ini tidak kecualikan apa-apa laporan yang dibuat.

Ini nampaknya tidak kecualikan selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri rela dalam peringkat jawatankuasa meminda untuk menjelaskan bahawa Seksyen 20 tidak terpakai mengenai apa-apa laporan yang dibuat kepada ACA oleh kerana sebenarnya laporan itu tidak boleh mengaibkan, menjatuhkan nama-nama sesiapa oleh kerana sudah ditangkap di bawah Seksyen 22(4) yang menjelaskan bahawa apa-apa laporan kepada ACA adalah rahsia dan kalau diumumkan adalah satu kesalahan. Bahawa Seksyen 20 tidak terpakai (apply) mengenai laporan-laporan kepada ACA, ini akan menggalakkan sesiapa yang ada maklumat tetapi tidak tentu sama ada berasas kuat atau tidak kuat, untuk buat laporan kepada ACA untuk menjayakan kempen antirasuah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dalam peruntukan perkara Seksyen 20 ini dijelaskan bahawa dalam maklumat ia tidak menyebut laporan. Saya bezakan di antara laporan yang dibawa dengan proses penyiasatan, sebab peruntukannya dibuat begitu rupa ialah kerana sudah ada dalam Seksyen 182 Kanun Keseksaan. Ada juga pertimbangan dahulu untuk memasukkan Seksyen 182 Kanun Keseksaan dalam peruntukan Undang-undang Pencegahan Rasuah yang baru. Tetapi kita fikirkan ini akan menimbulkan mungkin rasa bimbang dari setengah-setengah pihak. Maka kita kekalkan Seksyen 182 Kanun Keseksaan ini di dalam peruntukan yang berasingan dan kita masukkan perkara 20 dalam peruntukan yang ada. Saya fikir tidak perlu dipertikaikan maksud dan jelasnya perkara ini.

Yang kedua, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ialah tentang disabitkan soal hukuman yang terlalu berat. Saya fikir hukuman kepada yang salah itu jauh lebih berat. Hukuman ini ialah kepada yang menyebarkan fitnah, ini sahaja. Itu pun disebut didenda tidak ada denda di sini. Di sini disebut didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Ini yang disebut denda maksimum yang dikenakan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat, kerana kalau beliau menyatakan sesiapa yang memberikan maklumat semasa siasatan dilancarkan oleh BPR, macam mana rakyat akan tahu sama ada BPR menjalankan siasatan kalau tidak ada sesuatu kes, kerana BPR tidak umum langsung. Dengan seksyen-seksyen seperti disebutkan oleh Yang Amat Berhormat, rakyat masih akan takut. Dan dengan hukuman yang begitu berat, rakyat tidak akan membuat laporan. Saya memberikan satu contoh, umpamanya dalam kes Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, di mana beliau meluluskan saham kepada menantunya, laporan dibuat, BPR kalau hendak menganiyai pihak yang membuat laporan boleh menyatakan bahawa siasatan sedang dijalankan dan kerana didedahkan kepada pemberita adalah satu kesalahan, ini saya rasa membelakangkan undang-undang. Kerana dalam kes Yang Berhormat dari Kuala Kangsar sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, semua orang tahu di bawah undang-undang yang sedia ada, bukannya baru, di bawah undang-undang yang sedia ada beliau telah melakukan kesalahan dengan meluluskan hampir RM20 juta saham kepada menantunya, tetapi Peguam Negara tidak mengambil tindakan terhadap beliau. Macam mana kita ada keyakinan ke atas BPR atau Peguam Negara?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Dalam kes yang spesifik itu dibangkitkan tentang siasatan. Saya hendak sebut di sini, kalau siasatan sedang berlaku, kalau orang ramai tidak tahu dalam peraturan garis panduan yang jelas dalam BPR sekarang, setiap maklumat sampai kepada BPR, BPR akan memaklumkan siasatan sedang dijalankan. Oleh yang demikian, Yang Berhormat bercakap seolah-olah under oath, dan sebab itu sehingga siasatan diputuskan tidak boleh dimaklum kepada orang ramai. Ini prosedur yang kita boleh bantu. Setakat ini memang cadangan peraturan prosedur begitu rupa supaya orang tidak boleh mengatakan dia tidak tahu undang-undang. Tetapi yang saya hendak tekankan di sini walaupun beberapa Ahli Yang Berhormat dari pembangkang berasa bimbang, saya yakin dan kita akan teruskan kempen menyeluruh di seluruh negara untuk meminta supaya orang ramai memberikan maklumat dan membantu proses siasatan BPR, dan saya yakin kita boleh berhasil dalam perkara ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa tahun lepas bulan Jun, BPR keluarkan 30,000 borang laporan rasuah. Tetapi pada bulan ini mereka hanya menerima 78 daripada 30,000 borang, iaitu 0.03% sahaja yang sanggup atau berani untuk membuat laporan, sangat kecillah peratusannya. Bolehkah kita timbangkan hal seperti ini mengapa setakat ini sebelum rang undang-undang ini diluluskan, yang buat laporan pun begitu kecil peratusannya?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan survey siapa hendak kahwin ataupun siapa hendak undi siapa. Borang ini dikeluarkan kalau orang ada maklumat tentang rasuah. Kalau dia ada, dia beri. Mana kita tahu 10% yang tahu, 20% yang tahu. Ini Kepong hendak 'kepong' apa. *[Ketawa]* Jangan kita buat andaian. Kita hendak kepong orang yang melakukan rasuah. Jadi, dalam proses mengepong kita kena dapat maklumat. Kalau orang itu ada maklumat, ya. Kalau tidak ada maklumat, kita boleh hantar 1 juta borang, belum tentu orang tahu.

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Mentakab bangun, Yang Amat Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, maksud saya mungkin Yang Amat Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong, sekejap. Mentakab bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunggu sekejaplah, ini follow-up. *[Ketawa]* Ini susulan.

**Seorang Ahli:** Mr. Bean!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kepong!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Satu susulan, tunggulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Minta duduk, Yang Berhormat. Mentakab.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan lebih lanjut mengenai Fasal 22(4) di mana dikatakan satu aduan tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang sehingga tertuduh dituduh di mahkamah. Jadi, saya minta penjelasan dan pengesahan dari Yang Amat Berhormat bahawa kes-kes berikut adalah menjadi satu kesalahan jika seseorang yang membawa pemberita beramai-ramai semasa membuat aduan di Pejabat BPR, sebab itu telah tunjuk bahawa ia memang bertujuan untuk mengheboh-hebohkan pengaduan itu.

Kes kedua, jika surat khabar melaporkan sesuatu aduan, ia juga merupakan satu kesalahan. Yang ketiga, mana-mana pegawai BPR yang mengesahkan bahawa satu pengaduan telah diterima, ia mungkin merupakan satu kesalahan juga sebab ia telah mendedahkan kes pengaduan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu ikhlas dan ingin bantu kerajaan membanteras rasuah, saya tidak nampak sebab ia hendak mendedahkan dan membawa pemberita beramai-ramai ke Pejabat BPR. Ini memang merupakan satu taktik yang sentiasa digunakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang. Misalnya bila buat satu aduan di Pejabat BPR, mereka telah menjatuhkan hukuman bahawa sitertuduh adalah salah dan sengaja mengheboh-hebohkan seperti semalam, walaupun parti pembangkang sentiasa memberatkan dan menekankan prinsip keadilan, tetapi mana keadilan bila mereka buat sesuatu aduan mereka telah menjatuhkan hukuman sendiri bahawa dia sudah bersalah. Ini amat tidak adil, dan ini sebenarnya menunjukkan parti pembangkang sentiasa memperalatkan BPR untuk mengheboh-hebohkan dan merupakan modal politik. Saya minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita kena teliti dalam kes ini. Dalam perkara 22(4) ini sama dengan peruntukan saya katakan perkara 30 dalam Undang-undang Pencegahan

Rasuah di Hong Kong. Ini sekadar untuk menjaga, menjamin kerahsiaan maklumat dalam proses siasatan. Tetapi kalau laporan dibuat terhadap orang, umpamanya orang yang beli 15 banglo harganya RM200 juta, ini adalah maklumat umum. Saya tidak tahu sama ada wajar kita gunakan perkara 22(4), saya fikir tidak munasabah. Ada yang dianggap public information, public knowledge ada dibezakan dengan proses siasatan dalam kes yang bersabit dengan rasuah. Saya sebut perkara ini kerana saya tidak mahu umpamanya maklumat-maklumat yang umum diketahui itu pun semua orang tidak berani sebut. Ini akan menakutkan dan akan gagalkan usaha kita untuk mencegah rasuah di negara kita.

Jadi, kita harus bezakan di antara proses siasatan kerahsiaan dalam kes yang belum dipastikan dengan maklumat terang dalam akhbar. Umpamanya saya dapat RM60 juta saham dan saya jual kepada Dato' sekian dengan mendapat harga RM400 juta. Ini maklumat umum kalau dilaporkan. Saya tidak fikir munasabah untuk kita gunakan Seksyen 20 ataupun Seksyen 22(4). Jadi, kita kena bezakan di antara maklumat atau laporan dengan maksud untuk proses siasatan dengan maklumat umum yang diketahui umum yang kemudian dilaporkan. Tentunya kemudian dalam perkara ini mahu pertahankan semangat masyarakat rakyat kita supaya tidak rasa tertekan atau bimbang sedikit pun untuk memaklumkan kepada pihak berkuasa termasuk badan siasatan, dalam kes ini BPR, untuk meneruskan siasatan.

Yang saya setuju dengan Yang Berhormat dari Mentakab hanya dalam kes di mana kita belum pasti maklumatnya, di mana kita dalam menyerahkan kepada Badan Pencegah Rasuah untuk menjalankan siasatan dan kita mendapat maklumat awal yang agak belum dipastikan. Jadi, kita kena bezakan dalam kes ini. Sebab saya ulangi prinsip ini kerana kita tidak mahu kerajaan dianggap memperolokkan undang-undang ini dengan maksud untuk mengabui mata rakyat dan kemudian menakutkan orang ramai dari membuat laporan. Bahkan kita mahu setelah rang undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen, rakyat merasa lebih yakin, bersemangat dan berani untuk membuat laporan dan memberi maklumat. Kalau dengan lulusnya rang undang-undang ini dan kita dapat satu kesan rasa takutnya meluas, maknanya akta ini walaupun diluluskan gagal menyemai semangat untuk memerangi rasuah ke akar umbinya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya hendak sambung, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai kerjasama orang ramai, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersetuju bahawa peranan mass media sangat mustahak dalam usaha untuk membanteras rasuah, bahawa kerajaan perlu menggalakkan mass media untuk mengheboh-hebohkan, untuk membesar-besarkan semua kelakuan yang curang, yang tidak betul dan tidak berbau korupsi supaya 'sunlight' ini ditumpukan kepada dengan izin, all the dark corners in our society. Ini tidak berlaku dan perlulah satu iklim untuk menggalakkan mass media untuk melaporkan ini.

Kedua, adakah supaya kita tidak mengadakan satu kuasa untuk menakut-nakutkan orang ramai, khasnya oleh kerana Seksyen 20 bahawa kerajaan boleh mengadakan dan memperkenalkan satu sistem seperti yang ada dalam Jabatan Kastam untuk membanteras penyeludupan dengan memberi hadiah atau komisen untuk menggalakkan. Begitu juga mengenai kalau lapor rasuah, apa yang mustahak ialah membanteras rasuah. Mereka yang buat laporan diberi galakan, beri komisen atau hadiah mengenai kes-kes rasuah.

Akhirnya, sungguhpun penjelasan dibuat, kita ada baca again and again bahawa tidak ada pengecualian Seksyen 20 daripada report ACA dan bukannya perlu satu kajian oleh legal draftman, bukan saya dan bukan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita out of the game, mungkin rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Jelutong lebih layak tetapi lihatlah dia membaca 'up and down, up and down, do not satisfied', saya pun not satisfied. Saya tidak tahu, bolehkah ini dikaji semula, oleh kerana ini mustahak bahawa jaminan dibuat bahawa Seksyen 20 tidak pakai mengenai sesiapa yang membuat laporan, sebenar-benarnya dibayangkan dalam undang-undang ini dan bahawa oleh kerana Seksyen 20(2) fall under 20, 'any officer exercising any power conferred by this act includes 22', 22 ialah receiving report dan bukannya perlu satu pindaan yang jelas dibuat.

Saya rasa ini bukan who is right and who is wrong, inilah untuk lebih menyempurnakan rang undang-undang kita mengikut intend kita.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang jelas di sini ialah bahawa dalam Perkara 20 ini semua maklumat dalam apa-apa pernyataan yang diketahui, maknanya semasa pegawai itu atau Pendakwa Raya menjalankan mana-mana kuasa, bermakna dalam konteks ini tatkala siasatan.

Walau bagaimanapun, saya ingin memberi penjelasan di sini bahawa BPR dan Jabatan Peguam Negara setakat ini cukup jelas dalam perkara ini dan tidak mungkin berlaku pendakwaan menggunakan Seksyen 20 bagi laporan kerana bagi kita Kanun Keseksaan yang berkaitan 182 sudah berkaitan dalam kes yang disebut tadi. Saya akan teliti semasa Jawatankuasa nanti.

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Jelutong bangun Yang Amat Berhormat.

**Tuan R. Karpal Singh:** Untuk mengelakkan apa-apa kemusykilan dalam mahkamah, jika seseorang yang ada dipertuduh untuk membuat satu laporan palsu di bawah Seksyen 20 dan apabila satu pegawai bertindak di bawah Seksyen 22 untuk mendapat satu report, di mahkamah apa yang penting ialah 'the intention of Parliament'. The intention of Parliament boleh didapati daripada perkataan-perkataan yang digunakan dalam peruntukan dalam sesuatu rang undang-undang.

Seksyen 20 berbunyi dan saya baca apa yang ada jadi marginal note. Saya ingat itu memudahkan. *“The making of statement which is false or intended to mislead to an officer of the Agency orl the Public Prosecutor.”* Dan Seksyen 22 berbunyi: *“Every report relating the commission of an offence under this Act may be made orally or in writing to an officer of the Agency’s and if it is in writing shall be write over to this person making the report and every report shall be sign and so .....*”

Jadi, apa yang jadi isi kandungan laporan itu adalah statement dalam laporan. Itu bermakna Seksyen 20 terpakai atas seorang yang membuat satu laporan kepada satu pegawai ACA, bukan apa yang dinyatakan dalam siasatan selepas satu laporan ada dibuat kepada pegawai ACA. Bolehkah saya dapat sedikit penjelasan kerana itu lagi memudahkan jika baca marginal note dan 22 peruntukan yang ada dalam seksyen itu.

**Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, lagi jelas kepada saya kalau menggunakan naskhah Inggeris yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Empat ini di bawah investigation search, seize and arrest bahawa Perkara 22 itu dikaitkan dalam proses investigation.

Dalam Perkara 20 ini disebut tentang statement dalam proses yang sama, yang kita sebut dalam Kanun Keseksaan ini ialah setakat laporan, ia tidak ada reference di sini sama sekali mengenai laporan melainkan yang dicadangkan

ialah supaya dikecualikan dan ini tidak pula sihat dalam undang-undang disebut melainkan dalam proses laporan.

Tetapi saya dapat perkara ini dibincang berulang kali dan statement ini dalam proses investigation di kalangan oleh pegawai kerana kita ada Kanun Keseksaan yang berkaitan dalam kes itu.

**Dato' Abu Seman bin Haji Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Alor Gajah bangun Yang Amat Berhormat.

**Dato' Abu Seman bin Haji Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin hendak bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mungkin ada kekeliruan di kalangan pembangkang di antara perkataan-perkataan yang digunakan di dalam Fasal 20, Fasal 22 dan Fasal 54(3).

Kalau kita memperhatikan atau membaca daripada Seksyen atau Fasal 20, Fasal 20 adalah berkaitan dengan pernyataan iaitu statement. Manakala Fasal 22 adalah berkaitan dengan aduan. Dan Fasal 54(3) adalah berkaitan dengan information. Dalam proses penyiasatan BPR terdapat tiga stage. Yang pertama, kadang-kadang maklumat diberi iaitu apabila maklumat diberi, adalah di bawah Fasal 54(3).

Sekiranya maklumat yang diberi itu adalah palsu, maka tindakan kesalahan adalah di Fasal 54(3). Manakala Fasal 22 adalah berkaitan dengan

aduan iaitu reports yang dibuat oleh seseorang kepada Badan Pencegah Rasuah di mana hendak ditulis atau reduced into writing.

Bagi Fasal 20 pula, adalah berkaitan dengan pernyataan atau statement yang diberi oleh seseorang semasa pegawai Badan Pencegah Rasuah menjalankan siasatan mengikut kuasa-kuasa yang diberi di bawah akta ini. Kuasa-kuasa yang diberi di bawah akta ini, adalah seperti Fasal 22(3) iaitu apabila Pegawai Penyiasat BPR menyoal seorang saksi umpamanya, apabila saksi itu membuat kenyataan yang palsu, umpamanya sekiranya Pegawai Badan Pencegah Rasuah menerima sesuatu maklumat melalui dokumen. Umpamanya dokumen itu menulis kepada seorang peguam, memberi rasuah untuk disimpan oleh peguam ini dan apabila penyiasatan dijalankan mengikut Seksyen 22(3) tadi, statementnya diambil oleh pegawai Badan Pencegah Rasuah. Apabila disoal mungkin saksi ini mengatakan bahawa duit itu tidak ada kena mengena dengan duit rasuah dalam, siasatan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah.

Jadi, bahawa pernyataan ataupun statement yang diberi oleh saksi tadi, adalah pernyataan yang palsu atau false. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju bahawa itulah yang dimaksudkan Seksyen di bawah 20 ini.

Dan bagi Seksyen 22 ini pula, iaitu berkenaan aduan yang dibuat iaitu report, sekiranya report palsu, maka seksyen yang berkaitan untuk dituduh di

mahkamah adalah di bawah Seksyen 182 Penal Code. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju dengan pandangan saya ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah boleh bersaing dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pula, saya ucapkan tahniahlah macam itu mengenai tafsiran undang-undang ini. *[Ketawa]*

Mengikut fahaman saya kerana perkara ini dibangkit berulang kali kita bincang dan dibawa reference itu, saya puas hati dengan penjelasan yang diberikan. Satu perkara yang dibangkitkan ialah ....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengenai Seksyen 24.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, ada perbezaan dari pandangan yang diperuntukkan di dalam kandungan Seksyen 22. Seksyen 54 mengenai 'protection of informers information'. Informers never make a report, because their identity they will be disclosed. So, ini langsung tidak ada kaitan dengan Seksyen 22.

Dalam huraian kepada rang undang-undang ini Clause 54, “*These with the protection of informers and information received from such informers ..*”

Ini adalah bagi informer bukan kepada seseorang aduan yang membuat laporan di mana beliau menyatakan namanya dan butir-butir lain, langsung tidak ada kaitan. Please don't be taken away by his opinion just now. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah sebab, dia kata, dia bezakan di antara maklumat dalam masa siasatan dengan isu laporan.

Jadi, saya bersetuju itu dalam konteks itu kerana soal yang melaporkan itu tidak termasuk dalam ketiga-tiga peruntukan 20, 22 dan 54 dan ini saya fikir, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah.

Dan tafsiran Seksyen 2 ditegur kerana tidak masuk menantu, pak mertua, anak angkat, adik angkat, anak tiri, ini kerana kita dapati kalau kita masukkan tafsiran itu semua dia setengah buku. Lagipun dalam isu seperti kalau ‘menantu’ mengapa tidak dimasukkan, kalau kita masuk ‘menantu’ bagaimana mertua. Kalau ‘mertua’ macam mana anak tiri? Kalau anak tiri, macam mana anak angkat?

Jadi, dia panjang, mak mertua kalau empat isteri, empat pak mertua.

*[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Susah juga.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Taklah susah sangat tetapi sebab itu kita putuskan dia masuk di bawah sekutu ataupun nominee masih lagi boleh. Maknanya semua yang tidak dimasukkan, ini boleh dimasukkan ke dalam kes yang demikian.

Ahli Yang Berhormat dari Machang mengemukakan cadangan sama ada boleh diberikan tempoh percubaan. Saya fikir mana-mana rang undang-undang pun memang dalam tempoh percubaan. Sebab itu, oleh kerana rang undang-undang ini cukup menyeluruh, saya bersetuju supaya kita harus mengambil sikap terbuka, bersedia mengkaji pelaksanaan dalam tempoh yang terdekat.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah, Jelebu dan Rompin membangkitkan soal keperluan mempertahankan integriti BPR dan kaedah pemilihan pegawai, penambahan ahli itu dibuat benar-benar bagi memenuhi keperluan dan juga menjamin supaya mutu khidmat integriti mereka dipertahankan dan kita terima baik pandangan ini sementara saya telah sebutkan beberapa module tambahan yang diperbaiki dan juga tambahan pegawai dan kelengkapan yang menunjukkan seriousness kita kerana tidak cukup dengan undang-undang kalau tidak disusuli dengan tenaga untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan juga kemudahan yang lebih canggih dan lengkap.

Soal yang berikut ialah bagaimana dengan orang yang tidak kumpul harta tetapi dia hutang banyak selepas dia berhenti. Kalau dia itu hutang

banyak ini, ini tidak termasuklah saya ingat dalam kes pencegahan rasuah. Tetapi peraturan kita cukup dalam Peraturan Pegawai Awam 1993 ini sudah pun dimasukkan.

Johor Bahru bertanya sama ada boleh dijalankan secara terus praktis, kita ada masalah sedikit kerana ini merupakan satu pindaan yang 'substantive'. Oleh yang demikian, kita akan bertindak daripada sekarang. Selainnya kita akan menggunakan undang-undang yang diterima pakai sebelum ini.

Johor Bahru dan Tuaran bertanya mengapa saya mencadangkan dalam notis menarik balik Seksyen 14 kerana menyentuh Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Sebenarnya setelah diteliti semula, sepertimana yang saya jelaskan ia adalah dianggap redundant, dengan izin, bertindih dan memang sudah dimasukkan dalam takrif 'pegawai awam' termasuk Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi, tidak perlu diulang semula, difokus khas kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri kerana kalau difokus khas, saya fikir patut ada subseksyen ahli-ahli korporat yang juga banyak bertanggungjawab dalam kes-kes rasuah ini.

Libaran dan Dungun.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan, bukannya benar bahawa khasnya dalam tujuan untuk membanteras rasuah bahawa contoh pemimpin-pemimpin politik sangat mustahak untuk menunjukkan integriti mereka dan oleh kerana peruntukan semacam ini ada dalam rang undang-undang begitu lama bahawa adalah tujuan, maksud 'public policy' kalau ia ditinggalkan supaya bukan sahaja ditinggalkan, diperketatkan supaya Ahli-ahli Parlimen, pemimpin-pemimpin politik boleh memberi teladan dalam satu kempen membanteras rasuah dan bukan untuk menggugurkannya khasnya dari segi 'public policy'.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tanjong hendak 'score political point'. Saya fikir tidak tepat kerana undang-undang ini memang melibatkan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Kalau kita keluarkan Seksyen 14 keseluruhannya sepertimana yang saya cadangkan, ia sedikit pun tidak melemahkan peruntukan yang sedia ada, yang memasukkan tafsiran 'pegawai awam' dalam peruntukan ini yang menyebut umpamanya Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Jadi, saya fikir tidak payahlah kita bahas bab ini, kita masukkan

dengan maksud untuk memperjelaskan tetapi dengan disebut begitu teliti dalam tafsiran ini saya rasa cukuplah dengan apa yang saya sebutkan tadi.

Libaran dan Dungun memberikan cadangan supaya program BPR itu diperluaskan dalam aspek pendidikan dan pendedahan dan saya sudah jelaskan ia mesti masuk juga dalam kegiatan dakwah, latihan, peraturan tatatertib dan disiplin, etika kerja, etika perniagaan yang melibatkan juga sektor swasta. Saya juga menerima banyak pandangan dan teguran seolah-olah sebenarnya rasuah ini berpunca bukan sahaja dari sudut kelemahan politik atau pentadbiran tetapi juga keghairahan ahli-ahli peniaga dan sektor korporat yang secara golojoh dan bernafsu untuk mendapat keuntungan secara singkat dengan cuba memberi sogokan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat - Parit Sulong, Tanjong dan Rompin memberi cadangan tentang penubuhan Majlis Anti-Rasuah. Kerajaan telah meneliti perkara ini dan saya sendiri telah kemukakan kepada Jemaah Menteri untuk perbincangan semalam dan kita ada banyak mekanisme. Sekarang ini undang-undang diperketat, tindakan diambil, nasihat dipinta dan BPR cukup aktif dalam majlis-majlis penerangan dan penjelasan kepada orang ramai. Dalam kerajaan kita ada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai pengurusan kerajaan di mana maklumat-maklumat ini dilaporkan dan kita teliti pelaksanaannya. Jadi, saya fikir pada peringkat ini kerajaan tidak merasakan perlu untuk menubuhkan satu majlis di atas untuk mengawasi.

Soal tafsiran 'rasuah' yang dibangkitkan, saya rasa kalau kita teliti tafsiran 'suapan' itu cukup mencakup. Masalah tafsiran dalam konteks ini ialah kita tidak mahu tafsiran yang terlalu mengongkong, jadi tafsiran 'suapan' ini -kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong kata rasuah tidak digunakan di Indonesia - Malaysia sahaja guna - apa masalahnya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Maknanya kita lebih kaya, korupsi pun kita faham, rasuah pun kita faham, corrupt pun kita faham. Yang perlu bukan kita hendak faham istilah, yang perlu jangan kita buat. Ini dok sibuk soal istilah orang pakai tidak pakai, macam mana? Rasuah ini ia daripada perkataan Arab 'Rishuah'.

**Dr. Tan Seng Giaw:** 'Rishuah' - itu perkataan Arab. Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Asalnya sudah jadi bahasa Melayu sudah beratus tahun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak apa, tak apa. Cuma korupsi dan rasuah tidak serupa...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ini mazhab mana pula?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak serupa istilah....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak serupa, kalau kita hendak gunakan naskhah sahih....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat Kepong, jalan belum diberi.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Okaylah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau kita gunakan naskhah sahih Bahasa Kebangsaan, rasuah dan kemudian kita gunakan naskhah bahasa Inggeris, maka itu tidak cocok kerana korupsi dan rasuah tidak serupa! Sebab itulah saya sebutkan kalau kita hendak gunakan naskhah sahih Bahasa Kebangsaan, maka kita perlu adakan satu penakrifan. *[Disampuk]* Ha, itu bahasa Arab juga.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya pun tidak faham apa yang..... - rasuah bahasa Melayu, korupsi bahasa Indonesia, rishuah Arab, corrupt Inggeris - lebih kurang samalah, mana ada terjemahan yang exact tetapi dalam percubaan kita menyebut 'suapan'. Yang Berhormat Kepong mungkin tidak baca, ia sebenarnya mencakup semua -

- “(a) wang, derma, alang, pinjaman, fee, hadiah....*
- (b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak.....*
- (c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian....*
- (d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan.....*
- (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang.....(f),*
- (g) apa-apa tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat.....”*

Cukuplah!, saya ingat sudah mencukupi tafsiran itu untuk dibangkitkan lagi.

Seksyen 33(3) - ini yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tanjong dan Johor Bahru iaitu mengapa peruntukan ini tidak mengambil keseluruhan daripada Seksyen 10 dari undang-undang

Hong Kong. Undang-undang Hong Kong dengan undang-undang yang kita perkenalkan ini, sebenarnya saya anggap kita punyai kelebihan kerana pertama, lebih mencakupi, keduanya memberikan peluang supaya tidak ada 'presumption of guilt'. Ini prinsip undang-undang yang juga dipertikaikan. Saya sudah jelaskan dalam pembentangan. Kalau undang-undang di Hong Kong di dalam Seksyen 10, dengan izin, 'possession of unexplained property', disebut di sini, 'maintains his standard of living above that which is commensurates with his present or past official emolument'. Dalam peruntukan, kita memberikan penjelasan tentang apa yang diperolehi yang dianggap 'excessive' atau 'act in excess', jadi yang dibezakan di sini hanya istilah yang kita anggap agak jelas kerana lebih daripada yang sepatutnya tetapi kita kena 'establish', itu yang saya rasa ada kekuatan yang membolehkan kita membuat 'safeguard' dan juga kuasa Pendakwa Raya yang di sini mesti dijalankan tidak secara sewenang-wenang tetapi mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai berdasarkan penyiasatan. Maknanya, kita tidak 'presume' orang itu terus bersalah atau 'guilty' tetapi berdasarkan maklumat penyiasatan, kita dapat mempercayai bahawa tindakan boleh diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Oleh yang demikian, saya berfikir adalah munasabah kerana lebih harta yang disebut di sini perlu dijelaskan dan yang berkaitan dengan melucuthakkan harta dalam Subseksyen 16A(3) ini rang undang-undang ini telah mempunyai peruntukan perlucuthakkan harta yang mencakupi dalam Fasal-fasal 34, 35, 37 dan 38 yang menjelaskan tentang peruntukan membolehkan harta dirampas, itu istilah dari segi rampas - dilucuthak, setelah disahkan dan dibuktikan bahawa tertuduh bukan pemunya sebenarnya atau sah harta itu. Jadi, dalam peruntukan 34, 35, 37 dan 38 sudah ada peruntukan yang cukup kuat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bukankah benar bahawa di bawah peruntukan 10; Prevention of Bribery Ordinance Hong Kong yang ada dibaca oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai possession of unexplained property, bukan bererti bahawa tidak perlu siasatan, pun perlu satu proses siasatan untuk menunjukkan bahawa si 'accused' adalah mempunyai harta luar biasa dan barulah beliau boleh didakwa dan bukankah ini sebenarnya satu peruntukan yang boleh menakutkan orang ramai bahawa kerajaan ada 'political will' untuk menangkap atau membanteras rasuah ikan jerung, ikan yu atau adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri bersetuju dengan Yang Berhormat dari Alor Gajah semalam yang berkata apabila membantah peruntukan semacam ini bahawa 'nuisance' di Bukit Tunku mungkin bukan 'nuisance' di Chow Kit dan sebab itu 'unexplained wealth' di Hong Kong 'corruption' tetapi 'unexplained wealth' di Malaysia bukan 'corruption'? Bukankah ini sebenarnya satu pertahanan hak untuk korup bahawa 'corruption unexplained wealth' adalah 'corruption' di Hong Kong tetapi 'unexplained wealth' bukan 'corruption' di Malaysia. Sebenarnya satu mempertahankan hak untuk seorang menjadi korup dan mengapa kita tidak boleh mengadakan satu peruntukan ini bukan bahawa ACA boleh sewenang-wenangnya tanpa siasatan bawa sesiapa kepada mahkamah pun perlu satu proses siasatan. Tunjuk bahawa membuktikan bahawa 'accused' adalah 'unexplained wealth'. Oleh kerana kalau beliau boleh 'explain' punca kekayaan itu, dia bukan salah tetapi apabila selepas siasatan, bukan tanpa siasatan, barulah dikemukakan ke hadapan mahkamah.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak logik perbahasan ini. Apa isu 'substantive' yang dipertikaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kerana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong patut beri nasihat tentang perbicaraan di kalangan profesion, bahaya reversal of the principal of the presumption of innocent procured of a person, dengan izin, sebelum due proses diikuti. 'Concern' kita tatkala meneliti seksyen 10 ini sahaja, 'concern' kita dalam keghairahan kita untuk memerangi rasuah jangan kita rampas hak dia dan menghukum dia sebelum dilakukan siasatan. Memang benar Yang Berhormat Tanjong kata, tidak mungkin dalam Seksyen 10 undang-undang di Hong Kong ini membuat andaian bahawa orang itu bersalah sebelum siasat tetapi 'strength' atau kekuatan Seksyen 33(3) ialah mempertahankan prinsip bahawa mesti ada siasatan dan diyakini ada harta yang memang melebihi sebelum tindakan diambil. Jadi, prinsip ini yang hendak kita pertahankan.

Sebenarnya 'substantive provision', dengan izin, dalam undang-undang sama. Beza kita dengan Hong Kong ialah bahawa Hong Kong tidak menyebut tentang proses siasatan sebelum itu kita dalam Seksyen 33(3) ini menyebut bahawa ada siasatan yang harus berlaku. Maknanya pihak pendakwa mesti menyakini bahawa ada dijelaskan bahawa memang ada hartanya lebih kurang yang dapat dijelaskan sebelum tindakan dan ini bagi saya akan menjelaskan kepada masyarakat dan orang ramai bahawa dalam keghairahan kita memerangi rasuah, kita tidak bersedia untuk mengambil langkah yang menentang prinsip atau reversal prinsip yang saya sebutkan supaya isu onus atau burden of proof ini, kalau tidak nanti ia jadi masalah. Nanti orang tidak anggap satu presedent di mana kita terus meletakkan kesalahan kepada orang kerana kita buat andaian tentang - kerana dalam seksyen 10

undang-undang Hong Kong yang disebut ini dia berikan satu keputusan dihadap ke mahkamah terus. Dia ada sahaja harta terus dihadap ke mahkamah dan unless he gives a satisfactory explanation to the court, maknanya the onus is on the accused, dengan izin.

Bila kita teliti sebenarnya, Yang Berhormat dari Tanjong, saya secara peribadi, pada awalnya lebih cenderung sehingga saya bincang dan teliti aspek dan prinsip supaya jangan ada anggapan atau andaian ada reversal of the principle dalam undang-undang ini. Ini sebabnya mengapa kita setuju supaya diperkukuh dengan kenyataan bahawa ada bukti tatkala sebelum keputusan dibuat, baru dihadap ke mahkamah, barulah orang itu dapat mempertahankan dirinya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Saya rasa ini sangat mustahak oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata perbezaan antara peruntukan Seksyen 10, The Prevention of Bribery Ordinance Hong Kong dan apa yang kita mahu luluskan Fasal 33(3), bahawa di Hong Kong, seorang yang ada unexplained property, unexplained wealth, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri setuju perlu melalui satu proses siasatan. Tidak mungkin seorang di bawah Ordinan Hong Kong tanpa satu proses siasatan boleh dibawa ke mahkamah di bawah Seksyen 10 dan siasatan ialah ada unexplained property bahawa beliau tidak boleh memberi penjelasan yang memuaskan, barulah kemukakan ke mahkamah.

Tetapi apa yang kita ada dalam Seksyen 33(3), ia tidak boleh digunakan selain daripada 33(1) digunakan dahulu. Ini bererti bahawa 33(3) tidak boleh digunakan tanpa dua syarat. Syarat pertama, ialah ada satu siasatan dijalankan oleh BPR dan siasatan itu ialah ada satu kesalahan corruption.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Hari ini kita perlu pinda undang-undang ini oleh kerana mengikut undang-undang yang sedia ada, seorang yang ada kekayaan luar biasa, seperti RM1.2 bilion [*Ketawa*] bukan kesalahan oleh kerana bukan corruption. Itu masalah. Sebab itu kita ada Seksyen 33(3), selain daripada beliau ada dibuktikan ada buat kesalahan rasuah. Hakikat bahawa beliau ada unexplained wealth atau harta luar biasa bukan kesalahan. Kalau begitu, kita tidak ada dalam definition rasuah sama ada di bawah Seksyen 11, 12 mentafsirkan bahawa seorang ada unexplained wealth ialah rasuah. Ini bererti bahawa seorang tidak boleh buat laporan kepada ACA bahawa seseorang sudah melakukan rasuah oleh kerana beliau ada unexplained wealth. Setuju? Tiada seseorang boleh pergi ke ACA mengatakan, A, B, C sudah buat

kesalahan rasuah oleh kerana beliau ada unexplained wealth RM1.2 billion, RM2 billion, RM3 billion, tidak boleh, oleh kerana bukan rasuah.

Yang kedua, Seksyen 33(3) baru boleh diinvoke, sampingan siasatan mengenai ada rasuah dapat dan keluar notis, dia umum harta bendanya dan dapati ada harta benda luar biasa 'as sampingan', bukan 'direct'. Kedua, kalau Public Prosecutor bersetuju. Dua condition. Pertama, bahawa ada satu siasatan mengenai rasuah bukan harta luar biasa. Kedua, bahawa Public Prosecutor bersetuju.

Ini bererti bahawa peruntukan ini adalah banyak restriction, bukan dengan secara langsung (direct) bahawa seorang ada unexplained wealth, inilah dianggap sebagai rasuah. Bukankah ini defeat tujuan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata yang asalnya beliau sangat minat mengenai isu ini, oleh kerana kalau kita lihat pemimpin-pemimpin atasan ada berbilion-bilion ringgit, mereka tidak diambil tindakan, mana boleh yakinkan orang ramai bahawa kerajaan ada will. Itu saya setuju ada minat. Tetapi apa yang kita di sini tidak boleh translate 'intend' itu kepada undang-undang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Saya sudah katakan tadi bahawa dari segi substantive provision tidak ada percanggahan bahkan sementara Seksyen 10 dalam undang-undang Hong Kong ini menyebut tentang:

- “(a) maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emoluments.*
- (b) is in control of possession of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emoluments.”*

Dia terus mesti explained to court. Jadi, tidak disebut tentang proses siasatan dan pengesahan oleh Pendakwa Raya (Public Prosecutor).

Dalam undang-undang kita, sementara Seksyen 33 ini jelaskan prinsip yang sama, ia memberikan umpamanya peraturan dan syarat, ini kerana saya sebutkan tadi, kita tidak mahu reverse prinsip undang-undang tentang presumption a burden of proof atau presumption of innocent or guilt kerana prinsip yang kita terimapakai selama ini. Jadi, kalau kita ambil yang itu, kelemahan dalam undang-undang Hong Kong, yang sebenarnya dibahaskan oleh profesion ini secara menyeluruh di Malaysia dan di banyak tempat, termasuk di Hong Kong yang dipertikaikan kerana ia dianggap reversal tentang principle ini. Kita tidak mahu. Sebab itu kita sebut di sini dalam Seksyen 33(3) tentang

Pendakwa Raya mempunyai alasan yang munasabah setelah melihat laporan siasatan yang membuktikan ada harta yang ditambah atau dipungah atau dikumpul, kemudian barulah digunakan bidang ini dihadapkan ke mahkamah, barulah dia diminta beri penjelasan, jadi kita perketatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong kena faham, ini undang-undang, ini bukan trial by politics atau by media. *[Tepuk]* Bagi saya, ini soal prinsip, saya menentang rasuah tetapi saya tidak mahu kita gunakan undang-undang ini sebagai satu bahan untuk memerangkap orang yang kita tidak senang kerana kita anggap dia senang atau kaya. Kita mahu undang-undang ini memberikan satu peruntukan yang cukup kuat membanteras rasuah, tetapi prinsip keadilan tidak boleh dikorbankan, *[Tepuk]* dalam mana masa juga kita tidak boleh korbankan prinsip keadilan.

Yang Berhormat dari Sibu dan Batang Lupar membangkitkan soal red-tape. Kalau ada pentadbiran yang cekap dan licin, dengan sendirinya akan mengurangkan rasuah. Saya setuju. Kita tidak mahu rang undang-undang ini memberikan gambaran seolah-olah undang-undang sahaja yang boleh membanteras rasuah. Sebenarnya kalau pentadbiran negara kita cekap dan telus, dengan sendirinya akan mengurangkan gejala rasuah.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita akan teruskan dengan peringkat Jawatankuasa, saya ingin menjelaskan di sini bahawa dengan komitmen kerajaan, kita boleh menangkis dan memerangi rasuah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Minta jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat.....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Baru-baru ini Ketua Penyelaras UNDP.....you have your chance afterwards, yang menyediakan Human Development Report 1997 telah diwawancara. Tema laporan World Development Report 1997 baru-baru ini ialah Pembasmian Kemiskinan Sejagat. Wartawan CNN menyanggah, mengatakan mustahil untuk kita banteras kemiskinan kerana negara kaya seperti Amerika Syarikat masih bergelut untuk membasmi kemiskinan.

Ketua Penyelaras UNDP, Richard Jolly menjawab, tidak mustahil. Kalau ada political will, kalau ada pimpinan yang mempunyai wawasan, tidak mustahil untuk kita banteras rasuah kerana beliau mengatakan, 'Saya berada di Malaysia dan saya melihat perkara yang disebut mustahil di Amerika Syarikat itu berjaya dibanteras kemiskinan di Malaysia'. *[Tepuk]* Walaupun Yang Berhormat dari

Tanjong kurang bersetuju, [*Ketawa*] tetapi tak apalah. Kalau meminjam kata-kata George Bernard Shaw, dia kata, 'I agree with you, Sir, but who are we against the millions. The millions seems to accept this fact'. [*Tepuk*]

Soalnya, mesej saya ialah begini. Kalau kita boleh banteras kemiskinan yang dianggap begitu gawat dan rumit, kita juga punyai komitmen yang sama dan keupayaan, kita sudah ada muafakat. Ini disebut voice of conscious. Suara damir atau hati nurani kita untuk membanteras, kerana kita tidak mahu biarkan anai-anai yang akan memakan tiang-tiang negara sehingga reput.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini merupakan bukti kesungguhan kerajaan untuk menangani gejala rasuah. Kita yakin ia bukan sahaja membolehkan pihak berkuasa bertindak dengan lebih berkesan, tetapi juga boleh menjadi deterrent kepada bakal petualang rasuah. Sebagai negara yang mengamal demokrasi, sudah tentu wujud perbezaan pendapat terhadap sesuatu masalah dan kaedah yang terbaik untuk mengatasinya. Tetapi dalam masalah rasuah, walaupun ada sedikit sebanyak teguran di sana sini daripada parti pembangkang, saya ingin mengucapkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana memberikan sokongan terhadap usaha-usaha kita membanteras rasuah. Kerajaan menerima pandangan dan teguran ini dengan pendekatan yang cukup positif, kerana undang-undang itu penting dan diperlukan. Tetapi yang lebih penting ialah apa yang disebut sebagai mode atau tabiat dan kesedaran masyarakat seharian. Kalau saya hendak pinjam pandangan pemikir Toqwil, beliau menyebut, akhirnya yang boleh menjayakan ialah habits of the heart. Dan kesedaran yang mendalam secara spontan - habits of the heart inilah yang akan menjayakan kita dalam peperangan menentang rasuah.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong bangun atas apa?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya berdiri di bawah Peraturan 54(2).....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai rujukan kepada Jawatankuasa Pilihan. Saya bangkit untuk mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini yang telah melalui proses bacaan kedua dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan semasa perbahasan, semua Ahli Parlimen tanpa kira perbezaan parti, termasuk wakil-wakil dari parti pembangkang, menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini sungguhpun kita mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan dengan cara memerangi rasuah ini yang harus dijalankan dengan sepenuh daya dan menanamkan perasaan fear of God di hati jiwa mereka yang terlibat dengan gejala rasuah tanpa kira mereka ini ikan bilis atau ikan jerung.

Sungguhpun saya telah menyalahkan kerajaan kerana tidak meluangkan lebih masa untuk membolehkan penyertaan perundingan serta input orang awam ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini, saya ingin memuji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pertama sekali, kerana berjaya membawa Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah ini ke Parlimen, dan kedua, membenarkan perbahasan yang seluas-luasnya diadakan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah memandangkan Dewan ini telah menghabiskan tiga hari penuh ke atas bacaan kedua rang undang-undang ini. Bagaimanapun, empat hari perbahasan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah oleh Dewan ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tanjong, nanti sekejap. Saya hendak mencelah sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat sebagai orang lama di sini takkan Yang Berhormat tidak erti bahawa walaupun di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) Yang Berhormat memang berhak berbuat demikian tanpa notis. Tetapi Yang Berhormat takkanlah mengambil kesempatan ini untuk berhujah lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Sekiranya Yang Berhormat hendak mengemukakan satu usul, eloklah Yang Berhormat membuatnya secara rapi dan bukannya secara spontan macam ini. Ini pernah diputuskan dahulu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak. Ini convention. Saya bukan kali pertama mengenai Select Committee, di sana menyatakan sangat jelas bahawa selepas bacaan kali yang kedua bahawa sesiapa kalau mahu buat cadangan rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee, berdiri dan buat cadangan itu. Oleh kerana saya ada berkali-kali buat begitu, sebab itu saya ikuti apa yang sudah menjadi convention. Saya tidak menyalahkan apa-apa convention yang kita ada....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebenarnya dalam perbincangan bacaan kali kedua, saya pun ada memberi pemberitahu itu. Ini kita boleh lihat apa yang ada dalam *Hansard*. Ini bukan kali yang pertama saya mencadangkan bahawa satu rang undang-undang dikemukakan kepada Select Committee secara spontan di mana saya beri sebab-sebab kenapa perkara ini dirujuk. Ini bukan kali yang pertama. Boleh saya teruskan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cuba padatkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cuba padatkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya padatkan ini. Tadi sebelum saya diganggu, saya akan kata bagaimanapun empat hari perbincangan ke atas rang Undang-undang Pencegahan Rasuah oleh Dewan ini tidak boleh menggantikan vacuum yang timbul hasil daripada ketiadaan penyertaan, perundingan serta input bermakna orang ramai ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah, dan sekiranya rakyat Malaysia ingin tumbuh menjadi sebuah masyarakat madani dan lebih maju, maka perbincangan Parlimen selama empat hari ini seharusnya disokong oleh proses penyertaan, perundingan dan input rakyat seluruh negara, dan bukan menggantikan sepenuh proses bermakna ini. Dalam kes Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah penyertaan orang awam langsung tidak wujud sebelum ia dibentang ke Parlimen untuk bacaan kedua. Kalau tidak silap saya boleh kata bahawa perbincangan Parlimen diadakan dalam satu nasional vacuum dan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti.

**Tuan Lim Kit Siang:** .....memandangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. saya bukan hendak mempertikaikan cara Yang Berhormat mengemukakan usul ini. Tetapi saya rasa takkan Yang Berhormat tidak erti, usul yang dimaksudkan itu kenalah dibuat secara padat dan juga secara rapi. Setakat ini pun saya rasa Yang Berhormat cuba hendak ambil kesempatan ini untuk berhujah dan bukannya hendak mengemukakan usul. [*Tepuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya sudah kemukakan usul bahawa rang undang-undang....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Takkan saya tidak nampak teks usul Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat tidak perlu memberi notis sebelum ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Walau tiada teks pun, boleh check dalam *Hansard* bahawa....

**Seorang Ahli:** Undi dahulu!

**Tuan Lim Kit Siang:** ....perkara seperti ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat baca dengan teliti Peraturan Mesyuarat 54(2) Yang Berhormat memang boleh mengemukakan usul, tetapi secara rapi, dan saya kena mengemukakan masalah ini bagi diputuskan oleh Majlis yang mulia ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Usul saya ialah bahawa rang undang-undang ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan, dan saya sekarang mahu memberi sebab....

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Lim Kit Siang:** ....Kenapa satu perbincangan korupsi semua begitu takut. Mereka minat sahaja Seksyen 20.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan terpesong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Saya mahu memberi sebab kenapa rang undang-undang ini dirujuk kepada Select Committee, dan ini saya pernah buat dalam Dewan ini bukan kali yang pertama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya tahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Dan ini convention yang saya ikuti. Kita hormati tradisi konvensi Parlimen. Kita habit of the heart.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, jangan terpesong. Yang Berhormat boleh buat, tetapi secara rapi....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** ....bukan hendak berhujah macam hendak berbahas lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu habit of the democratic heart. Ingat apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata kalau kita mahu satu masyarakat madani.

Memandangkan perbahasan tiga hari semasa Bacaan Kedua rang undang-undang ini, telah gagal memberikan perbahasan yang secukupnya ataupun menumpukan perhatian ke atas aspek-aspek berikut....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Ini usulkah ataupun hujah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab-sebab usul ialah bahawa rang undang-undang ini dikemukakan kepada Select Committee, tetapi sekarang saya mahu memberi sebab-sebab kenapa rang undang-undang ini perlu dirujuk kepada Select Committee.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Usul, Yang Berhormat, bukannya berhujah. Saya sudah cakap cukup jelas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, usul saya ialah bahawa ini dirujuk kepada Select Committee.

*[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cukup jelas. Saya kena mengemukakan ini untuk diputuskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu. Mengikut tradisi dalam Dewan ini bahawa kita boleh kemukakan sebab-sebab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sepatutnya Yang Berhormat, kalau mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2) usul ini tidak perlu dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan untuk dibahas, tetapi untuk dikemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, faham. Dalam hujah-hujah....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak berbahas, ini untuk dikemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, memang. Usul itu boleh Yang Berhormat kemukakan, tetapi bukan dengan hujah-hujah dan juga perbahasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan perbahasan. Usul ini dengan hujah-hujah kenapa ini patut disokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Cuba padatkan, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini memang saya rasa mirip kepada perbahasan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya beri secara tepat dan padat sebab-sebab. Apa yang mustahak oleh kerana semasa Bacaan Kedua rang undang-undang ini, perbahasan telah gagal memberikan perhatian yang secukupnya ataupun menumpukan perhatian ke atas aspek-aspek berikut dan merupakan aspek-aspek yang penting sekiranya kita mahu melihat perang segenap penjurong mengenai rasuah ini berjaya. Pertama, graviti rasuah yang semakin bertambah di negara ini khasnya apa yang diuraikan sebagai grand corruption pegawai-pegawai politik dan awam atasan di mana jerung hanya akan berjaya ditangkap, perkara ini tidak ditumpukan, difokuskan.

Kedua, pentingnya semangat politik pucuk pimpinan tertinggi dalam usaha memerangi rasuah di mana sahaja gejala ini timbul dan menawarkan diri untuk mereka diperiksa selia. Ketiga, mengapakah wujudnya perasaan sceptic terhadap perang segenap penjurong menentang rasuah ini, sungguhpun hukuman ke atas kesalahan rasuah telah ditambah dari hukuman penjara mandatori enam bulan tetapi akan dipinda ke 20 tahun, dan dendanya tidak kurang dari lima kali ganda suapan yang diterima ataupun yang ditawarkan mengikut mana yang lebih tinggi. Pada keseluruhannya orang yang berpendapat hukuman operasif yang seberat ini hanya akan dikenakan ke atas ikan bilis dan bukan ikan jerung.

Keempat, alasan-alasan jalan-jalan keluar serta insentif-insentif yang menggalakkan amalan rasuah di semua peringkat. Kelima, bagaimana kita boleh memastikan bahawa kuasa tambahan yang diberikan kepada BPR untuk memerangi rasuah tidak akan membawa kepada impak negatif yang menyebabkan kebebasan peribadi serta hak asasi manusia rakyat jelata dipijak dan ditindas....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Keenam....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat, saya sudah beri peluang kepada Yang Berhormat untuk mengemukakan usul.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sudah kemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Yang Berhormat, hujah-hujah, butir-butir yang dilafazkan itu saya rasa tidak lain berbeza daripada apa yang pernah Yang Berhormat berbahas tempoh hari.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya huraikan sebab-sebab kenapa saya kemukakan usul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Apa perlunya Yang Berhormat hendak ulangi point-point ataupun butiran-butiran yang sama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu, saya kemukakan usul itu, oleh kerana nampaknya sungguhpun kita mahu luluskan satu Anti-Corruption Bill, kita tidak begitu, enggan mengadakan satu perbincangan yang lebih mendalam, saya kemukakan usul bahawa rang undang-undang ini dirujukkan kepada Select Committee.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, bersabit dengan Peraturan Mesyuarat 54(2) satu usul telah pun dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat dari Tanjong. Sekarang saya kemukakan ini bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Rang undang-undang diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tajuk Panjang - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**5.43 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa pindaan yang di mana notis telah diberi bahawa *Tajuk Panjang dipinda di mana 'Anti-Corruption Agency' menjadi 'Independent Anti-Corruption Agency'*.

Sebenarnya kumpulan lima pindaan ini adalah satu tujuan yang bersama ialah untuk menegakkan, untuk memastikan bahawa kita ada satu Badan Pencegah Rasuah yang bebas. Dengan pindaan yang saya mahu kemukakan, nama panjang itu ialah berbunyi “Suatu akta untuk menubuhkan Badan Pencegah Rasuah, untuk membuat satu peruntukan yang lebih lanjut dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tentangnya atau yang berkaitan dengannya.” Bukan sahaja di Bahagian I dan Bahagian II Seksyen 2, 3, 4, 5 dan 6, sungguhpun saya akan kemukakan satu demi satu, saya minta kebenaran oleh kerana ini bersabit dengan ciri kebebasan BPR bahawa boleh sekaligus untuk menegaskan mengenai betapa pentingnya kita ada satu BPR yang bebas supaya tidak perlu ulangi dalam setiap pindaan. Kalau mahu saya ulangi dalam setiap pindaan pun bolehlah. Boleh?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Satu demi satu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, hujah-hujah. Oleh kerana saya harap tidak perlu saya ulangi hujah-hujah yang sama dalam setiap pindaan, oleh kerana bersangkutan-paut dengan prinsip mengadakan satu BPR yang bebas.

Ini mustahak oleh kerana bukan sahaja mustahak kita ada namakan BPR sebagai bebas. Namanya bebas oleh sebab lebih mustahak ialah isinya sebenarnya ialah bahawa BPR bebas dalam setiap segi operasi supaya mendapat keyakinan rakyat Malaysia. Ini juga mengapa saya mencadangkan supaya ditambah Seksyen 3(10) yang baru yang sebenarnya juga sedia ada dalam Akta Badan Pencegah Rasuah 1982 yang berbunyi: *“The Director General shall have all the powers of Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the Agency.”*

Wujudnya perasaan prihatin di kalangan badan kehakiman, bekas hakim, bekas pendakwa dan ahli-ahli akademi bahawa dalam Undang-undang Pencegahan Rasuah yang baru ini, kedudukan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah telah diturunkan pangkatnya, dirampas darinya bukan hanya kuasa mendakwa mana menaklukkan kebebasan operasinya dikawal oleh Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Ini merupakan satu isu yang sungguh penting memandangkan pada masa kini masalah BPR yang

paling besar adalah kekurangan keyakinan orang ramai terhadap kebebasan, keadilan dan hasil daripada itu tahap profesionalismenya.

Semalam Yang Berhormat dari Alor Gajah, seorang bekas pegawai BPR mencadangkan bahawa dalam sebarang perbincangan ataupun seminar mengenai rasuah, parti-parti pembangkang janganlah hanya mempelawa bekas-bekas pegawai BPR yang berjawatan tinggi seperti bekas Ketua Pengarahnya, Tan Sri Harun Hashim untuk hadir berucap, tetapi harus juga mempelawa pegawai-pegawai BPR yang mempunyai pengalaman langsung dalam kerja memerangi rasuah.

Beliau berkata bahawa BPR termasyhur pada awal tahun ia ditubuhkan bukan kerana Tan Sri Harun Hashim sendiri, tetapi dari hasil kerja kuat dan komitmen para pegawainya dan bahawa semangat mereka semua ini telah mempertingkatkan kredibiliti BPR melalui penangkapan ikan-ikan besar khususnya dalam tahun 70-an.

Yang Berhormat sekurang-kurangnya mengakui apa yang dibangkitkan oleh saya dalam perbahasan saya iaitu semasa Tan Sri Harun Hashim menjawat jawatan Ketua Pengarah BPR dari 1967 ke 1971, nama baik BPR sebagai badan yang bebas adalah paling tinggi sekali. Kredibilitinya dalam tempoh 30 tahun sejarah BPR.

Dan selepas zaman Tan Sri Harun Hashim, BPR nampaknya tidak lagi memiliki keyakinan orang ramai yang sebegitu tinggi. Jika tidak, BPR seharusnya telah menjadi Badan Pencegah Rasuah yang paling hebat di dunia dan bukannya ICAC Hong Kong dan ditubuhkan tujuh tahun selepas penubuhan BPR iaitu dalam tahun 1974. Kini ICAC telah mencatatkan reputasi baik di arena dunia kerana kejayaannya yang menangani isu-isu rasuah di

kedua-dua sektor awam dan swasta sehinggakan Malaysia kini terpaksa mempelajari dari ICAC.

Sungguhpun ia harus berbaik bagi ICAC mempelajari dari BPR, inilah sebab mengapa Timbalan Commissioner ICAC Hong Kong, Tony Kwok Man-wai telah dianggap sebagai satu catch dalam muafakat memerangi rasuah pada 19 Julai. Bagaimanapun, masa telah tiba bagi kita mencipta syarat dan suasana supaya negara-negara lain yang ingin melancarkan perang ke atas rasuah juga akan menganggap pegawai-pegawai BPR kita sebagai tetamu khas, sebagai catch mereka untuk berucap di seminar dan persidangan menentang rasuah negara-negara mereka.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah bahawa semua pegawai BPR di bawah pimpinan Tan Sri Harun Hashim mesti diberi kredit atas kedudukan kredibiliti BPR yang tinggi kerana kerja keras serta komitmen mereka. Sungguhpun saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat juga seorang pegawai BPR di bawah pimpinan Tan Sri Harun Hashim.

Kerana adalah jelas sekali kita tidak mungkin bergantung kepada seorang sahaja, sungguhpun beliau seorang ketua pengarah yang cemerlang untuk menegakkan kredibiliti dan reputasi sesebuah organisasi tanpa kumpulan kerja yang berdedikasi dan komited. Bagaimanapun dengan mengemukakan alasan bahawa BPR dihormati ramai semasa berada di bawah pimpinan ketua pengarahnya, yang pertamanya bukanlah disebabkan oleh Tan Sri Harun

Hashim tetapi atas hasil kerja dan komitmen para kakitangan di dalam BPR, maka Yang Berhormat telah melakukan in justice besar kepada para pegawai BPR yang bertugas di BPR selepas zaman Tan Sri Harun Hashim dengan memfitnah soal komitmen, menyoalkan ketekunan dan keupayaan pegawai-pegawai ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti sekejap!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sekarang ini kita dalam peringkat jawatankuasa. Lagipun Yang Berhormat mencadangkan pindaan terhadap tajuk panjang dan saya tidak nampak logiknya Yang Berhormat, kenapa hendak jawab, hendak ungkit-ungkitkan apa yang dikemukakan ataupun yang disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah.

Saya rasa itu tidak logik Yang Amat Berhormat. Yang penting itu Yang Berhormat boleh memberi hujah-hujah ya, mengapa pindaan ini dikemukakan dan bukannya Ahli Yang Berhormat seolah-olah Ahli Yang Berhormat hendak berbahas kembali.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan berbahaskan apa Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah cakap, tetapi isu-isu yang dia kemukakan mengenai kebebasan yang ditimbul di mana kita perlu boleh faham masalah kebebasan BPR sama

ada atau tidak atau masa dahulu ada, sekarang tidak ada, itu kenapa? Itu sebagai alat sahaja bukan jawabnya Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah tidak mustahak, tetapi hujah-hujahnya mustahak untuk kita faham mengenai menganggap masalah kebebasan.

Benar, bahawa kita tajuk ini sahaja, sebab itu saya tadi ada minta bahawa oleh kerana kumpulan pertama, enam pindaan ialah mengenai kebebasan BPR, saya meminta bahawa kebenaran untuk mengemukakan hujah-hujah sekali gus supaya saya tidak perlu ulangi dalam setiap pindaan. Itu satu supaya kita menjimatkan masa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat. Seperti sedia kala pindaan-pindaan itu dibuat oleh ....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, tetapi hujah-hujah setiap pindaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebab itulah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sebab itu tak payah, enam kali saya memberi, saya menjimat masa daripada segi itu, bukan .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Ahli Yang Berhormat jangan lupa, Ahli Yang Berhormat tengah mencadangkan, bukannya hendak membahaskannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mencadangkan dan berbahas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Mencadangkan!

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum berbahas?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini kena ikut prosedur Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, cadang dan lepas itu bahas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, belum lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum lagi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, belum lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh! Saya lebih cepat, baik, saya berhenti sekejap, saya teruskan. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa cadangan pindaan sepertimana yang dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Belum lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Sepatutnya tadi, *[Ketawa]* saya kemukakan dahulu sebelum dirujuk kepada Dewan. Tidak mengapalah!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sabar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay. *[Ketawa]* Sebab itu saya mahu bertanya, sungguhpun kita menggunakan satu hujah seseorang bukan untuk beliau mustahak, tetapi ini mustahak, adakah Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah membayangkan bahawa selepas beliau meninggalkan BPR iaitu setelah jari

beliau digigit oleh seorang yang cuba menelan wang diperolehi melalui amalan rasuah, pegawai-pegawai BPR tidak lagi berjaya menunjukkan komitmen kerja mereka yang sama dan inilah yang merupakan sebab mengapa dalam sesuku abad ini BPR tidak berupaya mengekalkan ataupun memperkukuhkan lagi keyakinan orang ramai terhadap kedudukannya yang bebas, adil serta profesional.

Saya rasa ini satu disservice kepada pegawai-pegawai BPR. Saya rasa beliau harus meminta maaf secara terbuka kepada semua pegawai BPR yang telah mendedikasi nyawa mereka dalam perang menentang rasuah di bawah keadaan yang penuh cabaran dan rintangan ini dalam tempoh sesuku abad kerana menyoalkan tentang komitmen ketekunan, keupayaan malah integriti mereka.

Persoalannya adalah mengapakah dengan adanya pegawai-pegawai BPR yang sama, jika tidak lebih komited, tekun dan upaya dari Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah semasa beliau berkhidmat dalam BPR, BPR tidak berupaya juga untuk mengebalkan atau memperkukuhkan maintain or enhance keyakinan dan kehormatan orang ramai terhadapnya sebagaimana yang pernah dinikmati dalam tempoh pimpinan Ketua Pengarah yang pertama.

Ahli Yang Berhormat telah gagal memberikan satu jawapan yang tepat ke atas soal mengapa BPR dihormati dalam zaman Tan Sri Harun Hashim dan tidak begitu dalam suku abad yang lepas. Beliau melakukan kesilapan yang

paling besar apabila beliau mengatakan bahawa Tan Sri Harun Hashim bukannya sebab memberi kejayaan kepada BPR dalam mendapatkan keyakinan orang ramai dalam tempoh jawatannya sebagai ketua pengarah.

Sebenarnya Tan Sri Harun Hashim merupakan satu faktor yang penting dan kritikal pada ketika itu. Ini bukan hanya disebabkan oleh sifat integriti Tan Sri Harun Hashim sendiri kerana dalam senarai Ketua-ketua Pengarah BPR, ramai lagi seperti Tan Sri Zulkifli Mahmud yang merupakan orang impacable integriti jawapannya terletak kepada kebebasan yang diberikan kepada Tan Sri Harun Hashim, sebagai Ketua Pengarah BPR, sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Tan Sri Harun Hashim dalam meja bulat II mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah di Kuala Lumpur pada hari Ahad yang lepas, beliau telah diberikan kebebasan yang sepenuhnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu, Almarhum Tunku Abdul Rahman di mana beliau memiliki kuasa bukan sahaja untuk melakukan penyiasatan malah kuasa untuk melakukan pendakwaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan bahawa itu bercakap dasar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, mengenai BPR, kenapa perlu bebas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi, nanti dahulu Yang Berhormat. Sepatutnya dalam peringkat Jawatankuasa, Yang Berhormat kenalah berhujah tentang apa sebabnya Ahli Yang Berhormat mencadangkan pindaan itu. Pindaan yang bersabit dengan Independent Anti-Corruption Agency sepertimana yang dicadangkan dan bukannya Yang Berhormat hendak mengungkit-ungkitkan cerita lama, cerita lapuk buat apa? Apa logiknya, apa hubungkaitnya Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini mengenai cadangan pindaan kenapa kita perlu satu sebenarnya BPR yang independent, bukan cerita lapuk, cerita lama kalau ini boleh memberi perkhidmatan, sumbangan kepada Dewan yang mulia ini untuk faham begitu penting mengadakan satu independent BPR, ini relevan, ini dasar mengenai pindaan, bukan dasar mengenai rasuah. Dasar mengenai pindaan, ini bukan kata dalam Jawatankuasa kita boleh bincang dasar. Tetapi kepada dasar mengenai pindaan itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai kebebasan BPR.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hujah-hujah itu kalaulah bukan dalam peringkat Jawatankuasa, saya akan membenarkan, saya akan izinkan. Tetapi sekarang ini secara khusus, Yang Berhormat kenalah berhujah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Khusus mengenai .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu keputusan saya dan bukan saya sengaja hendak mempertikaikan ataupun tidak hendak memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk berhujah, tetapi balikkah kepada tajuk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukannya hendak ungkit-ungkitkan contoh demi contoh, cerita demi cerita. Itu tidak ada hubungkaitnya secara langsung, walaupun tidak langsung mungkin ada kena mengena secara tidak langsung.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, student of history, kita perlu belajar - learn the lesson from his history, kalau kita tidak mahu mengulangi kesilapan history.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, boleh minta penjelasan sedikit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Student of history not during the Committee Stage, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Student of history at all stages. You don't stop being a student of history even during Committee Stage, otherwise you get lost in Committee. Ya, ini khusus, saya bersetuju khusus kepada isu kebebasan BPR. Saya tidak lari.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sepatutnya Yang Berhormat, bolehlah bawa cerita ataupun contoh tadi itu dalam perbahasan awal, perbahasan sebelum ini dan bukannya pada peringkat ini Yang Berhormat. Tidak kena Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak ada, ini khusus. Tetapi, tidak mengapa, saya boleh gulungkan mengenai bahagian ini khasnya supaya ini boleh difahami lebih mendalam perkara ini, dalam fasal ini.

Akhirnya bahawa perkara ini, saya percaya sekiranya kesemua Ketua Pengarah BPR selepas Tan Sri Harun Hashim diberi kebebasan yang tidak diganggu, bebas menjalankan tugas penyiasatan serta pendakwaan adalah juga di antara mereka yang akan mencapai kejayaan lebih ketara dalam tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ketua Pengarah BPR yang mungkin lebih baik lagi dari pencapaian Tan Sri Harun Hashim.

Dan saya berhenti di sini dan kemukakan mengenai pindaan pertama.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Itulah silapnya Yang Berhormat Tanjong, patutnya tadi bila Ahli Yang Berhormat mencadangkan pindaan itu kenalah bercakap macam itu. Sekarang ini dalam peringkat perbahasan. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya akan kemukakan pindaan kedua nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

5.57 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli Yang Berhormat di sebelah situ tidak berminatlah untuk menyaksikan BPR yang benar-benar bebas. Walau bagaimanapun, kami di DAP sokong usaha ini untuk membentangkan rang undang-undang hari ini, cuma kita nampak ada ruang-ruang yang kita boleh perbaiki. Walaupun hari ini saya nampak tidak ada ramai yang akan menyokong pindaan seumpama ini tetapi pada masa hadapan kita dapat mengubah meminda cocok dengan perkembangan.

Tuan Pengerusi, cadangan untuk menjadikan BPR suatu agensi yang benar-benar bebas bukan sahaja disebutkan pada hari ini sahaja, kita bertahun-tahun, berdekad-dekad sudah kita membangkitkan hal ini supaya BPR bukan bertanggungjawab semata-mata kepada Dewan Rakyat sahaja, itu memang satu hasrat DAP dan ramai orang di luar Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, sungguhpun usaha yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah usaha yang baik kerana kita hendak menyaksikan BPR yang benar-benar mempunyai taring, mempunyai keberkesanan untuk melaksanakan tugas ini.

Kalau kita boleh tukar nama pun, ini memang satu langkah yang lebih progresif lagi, ini memang bukan sahaja daripada segi rang undang-undang bahkan dari segi tindakan memang bebas.

Tuan Pengerusi, setakat ini keraguan yang wujud di kalangan ramai termasuk Ahli-ahli DAP ialah apabila timbulnya masalah pendakwaan ke atas

orang yang disyaki menerima rasuah, maka timbullah syak wasangka kerana ada ramai yang mengatakan mungkin perkara ini tidak dibawa ke mahkamah kerana ia dirujuk kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan perkara ini memang ada dalam budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin ada pilih kasih, mungkin ada gejala yang lain yang menghalang beliau membuat keputusan bahawa kes ini dihadap ke mahkamah, mungkin. Saya tidak ada kes yang boleh menunjukkan, cuma beberapa kes yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengenai kes-kes yang dianggap satu diskriminasi.

Walau bagaimanapun, untuk menyelesaikan masalah syak wasangka orang ramai mengenai kebebasan BPR, patutlah kita tukarkan. Bukan sahaja tukarkan istilah, bahkan juga di dalam segala tindakan BPR itu kita hendak nampakkan satu kebebasan, satu independence yang benar-benar dilakukan. Itu memang satu hasrat dan hari ini kita sekali lagi mengemukakan hasrat DAP dan juga ramai di luar Dewan yang mulia ini.

Yang keduanya, mengenai kuasa Ketua Pengarah, ini kita teruskan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat, belum lagi Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Belum lagi? Ha, belum lagi saya tunggu. Memang saya berharap Alor Gajah, Jelebu dan ramai lagi termasuk Parit Sulong tidak ada, mungkin tidak berminat.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu terpulang kepada mereka.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkin tidak berminat. Walau bagaimanapun, saya berharap rakan-rakan saya di sebelah situ boleh mengambil bahagian untuk memaparkan hasrat menyaksikan satu BPR yang benar-benar bebas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat, minta jawab.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, bebasnya BPR itu bukan pada nama tetapi pada kekuatan undang-undang dan juga tindakan yang akan diambil. Oleh yang demikian, kita tidak bersetuju dengan cadangan 'independent' di situ kerana bagi kita peruntukan ini dan kekuatan pada undang-undang dan kepada tindakan penguatkuasaan dan perimbangan kuasa yang ada di antara BPR dengan tindakan Pendakwa Raya cukup kuat dan bebas.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Pindaan "Anti-Corruption Agency" menjadi "Independent Anti-Corruption Agency"*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Tajuk Panjang** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 1 - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa Fasal 1 dipinda di mana "Anti-Corruption Agency" menjadi "Independent Anti-Corruption Agency". Saya setuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa 'independent' bukan dalam nama sahaja tetapi khasnya dalam menjalankan kuasa tetapi kalau nama pun takut menjadi bebas, mana ada itu content. Cadangan bahawa diletakkan 'bebas' oleh kerana sampai sekarang tidak ada kebebasan, tidak ada keyakinan orang ramai bahawa ACA bebas, untuk menegaskan bahawa satu bab baharu bermula dengan Anti-Corruption Bill ini, berani tegaskan ini bebas, bebas bukan sahaja dengan kuasa tetapi dengan tugas, fungsi tetapi kalau ini pun kita segan, inilah tidak begitu promising dan isu ini bukan 'trivial', ini satu isu yang mustahak oleh kerana kalau ACA mahu berjaya, ia perlu mendapat sokongan orang ramai dan kalau keyakinan orang ramai kurang, tentulah ia tidak boleh berjalan sangat jauh dan ICAC kita dapati bahawa ada boleh dapat selepas 22 tahun keyakinan orang ramai, ada public opinion poll di mana ada satu baru-baru ini 1996, public opinion poll lebih daripada 90% orang yang ada diundi di Hong Kong dapat bersetuju bahawa ICAC ialah deserved support orang ramai.

Adakah kita berani mengadakan satu poll di Malaysia - ACA baik pun sama ada orang ramai setuju ACA has done a good job, ACA deserved support, ACA dapat keyakinan orang ramai supaya kita tahu atau ini bukan untuk main-main, supaya kita tahu mengenai perception, perception orang

ramai oleh kerana inilah satu kriteria yang penting akan menentukan kejayaan usaha kita hari ini untuk meluluskan rang undang-undang ini untuk mencegah rasuah dan kalau kita mendapat hasil daripada opinion poll bahawa kurang orang ramai yang yakin kepada ACA kita perlu cari satu strategi untuk mengatasi masalah ini. Kita rela berani dapat pandangan, perception, feedback daripada orang ramai dan mungkinlah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak boleh kata dengan secara terbuka bahawa ini satu masalah tetapi saya harap ini ditangani dengan serius sebagaimana boleh memenangi hati, heart and mind of the people untuk menyokong BPR untuk memerangi rasuah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum cadangan pindaan yang tadi itu terbuka untuk dibahas, ini ada satu usul.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan keputusan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 atau sehingga jam 6.30 petang mengikut yang mana kemudian dan selepas dari itu ucapan penangguhan akan dibuat”.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mengemukakan masalah bagi diputuskan. Ahli-ahli yang bersetuju kata bersetuju.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak dengar, boleh baca sekali lagi, saya tidak dengar usul itu. Boleh baca sekali lagi, boleh kita faham apa yang kita hendak lulus, tidak tahu usul apa itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak dengarkah tadi, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak dengar, tidak dengar. Boleh baca lagi sekali?

**Datuk Lim Ah Lek:** Kemungkinan Yang Berhormat Tanjong tadi tidur sekejap.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Datuk Lim Ah Lek:** Saya akan ulangi usul yang hendak saya baca seperti berikut:-

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, baik.

**Menteri Sumber Manusia [Dato' Lim Ah Lek]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 atau sehingga jam 6.30 petang mengikut yang mana kemudian dan selepas dari itu ucapan penangguhan akan dibuat”.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Datuk Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:-

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 atau sehingga jam 6.30 petang mengikut yang mana kemudian dan selepas dari itu ucapan penangguhan akan dibuat”.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan ke atas Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 atau sehingga jam 6.30 petang mengikut yang mana kemudian dan selepas dari itu ucapan penangguhan akan dibuat”.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN RASUAH 1997**

*Perbahasan disambung semula.*

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**6.09 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, nampaknya tidak ramai yang berminat. *[Disampuk]* Kalau hendak sokong sahaja tidak payah, kita ada Dewan yang mulia ini. Kita memang ada perbezaan pendapat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat diingatkan bahawa perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa tidak perlu ada sebarang mukadimah. *[Ketawa]* Teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak perlu? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya nampak bukan sahaja di Hong Kong bahkan di negara-negara lain termasuk Australia yang menggunakan Independent Commission Against Corruption, ini bermakna negara-negara seumpama ini mempercayai kepada, bukan sahaja tidak tambahkan juga di dalam undang-undang, hendak menentukan ini memang benar-benar bebas.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan kata di Hong Kong ataupun di Australia, aktiviti rasuah itu tidak berlaku, memang masih berlaku, kecuali ada

undang-undang yang lebih ketat untuk mengatasi aktiviti-aktiviti seumpama ini dan di Malaysia walaupun Yang Amat Berhormat tadi sudah mengatakan tidak setuju dengan istilah, hanya hendak melakukan melalui tindakan. Itu saya setuju, tindakan memang mesti membayangkan kebebasan, bahkan juga cadangan daripada Yang Berhormat Tanjong itu adalah wajar untuk menunjukkan bukan sahaja yang tersurat, bahkan tersirat pun benar-benar bebas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong Karang.

**6.11 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebenarnya memang berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai pindaan ini tetapi bila saya lihat yang membawa usul ini pun, dia dalam keadaan kelam-kabut, khayal dan tidak tahu apa yang dia cakap, lebih-lebih lagi usul yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri pun dia boleh tidak faham, jadi saya rasa saya tidak perlulah hendak bercakap membuang masa. Saya nyatakan tidak perlulah disokong usul ini. *[Tepuk][Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kerana Hong Kong disebut, ICAC ini sekarang ini CAC sahaja, 'independent' sudah dikeluarkan, sama ada namanya Independent CAC

ataupun CAC, dia independent juga. Kalau kita kata DAP ini parti yang independent tidak perlu nama Independent DAP [*Ketawa*]. Jadi, oleh yang demikian, pada saya nama tidak penting, kalau tidak semua kita kena sebut Independent IRB, Independent semua. Jadi, panjang cerita juga, jadi saya ingat memadailah dengan Badan Pencegahan Rasuah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan. Pindaannya seperti berikut:

*Pinda "Anti-Corruption Agency" menjadi "Independent Anti-Corruption Agency"*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 1** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 2** - [*Pindaan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri*]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Pindaan Fasal 2 dalam takrif 'ajen' adalah bertujuan untuk memperjelas bahawa ruang lingkungannya meliputi pegawai badan awam.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, walaupun Tuan Pengerusi mengatakan bahawa tidak payah hendak bahas di sini, cuma saya hendak menarik perhatian Yang Amat Berhormat tadi dan juga pada hari Isnin sudah mengatakan di dalam beberapa peruntukan di sini jelas mengatakan pegawai awam dan dengan sedemikian, Fasal 14 tidak diperlukan. Maka kalau itulah hujahnya, mengapa kita perlu lagi dengan Fasal ini dipinda kepada perkataan 'badan awam atau pegawai' kerana itulah yang disebutkan dan baru petang ini juga mengulangi bahawa semua itu lengkap untuk mencakup semua pegawai termasuk Ahli Parlimen. Mengapa kita perlu lagi pindaan kalau itulah keadaannya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, kena faham bahasa, ia hendak memperkemas, badan awam itu adalah badan awam - ramai; pegawai itu adalah pegawai, ada dua. Jadi, hendak memperjelaskan takrif itu. Itu sahaja, kalau fahamlah, kalau tidak, tidak upayalah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 2 - takrif “ejen” -*

*Masukkan selepas perkataan “pegawai” perkataan “badan awam atau pegawai”.*

*Fasal 2 - takrif “kesalahan ditetapkan” -*

*Dalam perenggan (d), gantikan angka “61” dengan angka “60”.*

The English Translation is as follows:

*Clause 2 - definition of “agent” -*

*Insert after the word “officer” the words “of a public body or an officer”.*

*Clause 2 - definition of “prescribed offence” -*

*In paragraph (d), substitute for the number “61” the number “60”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Fasal 2** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 3 (1) hingga (9) - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan kepada Fasal 3 seperti yang sudah diedarkan, khususnya mengenai subseksyen (10) baru. Di bawah undang-undang yang sedia ada kini, Ketua Pengarah BPR memiliki semua kuasa seorang Timbalan Pendakwa Raya mengikut Kanun Keseksaan. Dan mengikut seksyen 5(1) Akta Badan Pencegah Rasuah yang menyatakan:

“The Director General of the Agency shall have all the powers of Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the Agency”.

Kuasa Ketua Pengarah BPR ini sebagai Timbalan Pendakwa Raya bukan sahaja termaktub dalam Akta BPR.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Silap lagi, Yang Berhormat. Sekarang ini kita berada dalam peringkat jawatankuasa, seksyen 3(1), (2) dan (9).

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukannya seksyen 3(10) sepertimana Yang Berhormat cadangkan. Itu belum lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, sudah lompat. Okay, terlalu banyak pindaan, oleh kerana masa yang terlalu singkat, [*Disampuk*] untuk orang yang tidak mahu baca tak apalah, satu hari pun boleh.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu tidak timbul.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, ini timbul, ini mustahak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Saya mahu beri masa yang cukup untuk Yang Berhormat bantangkan dan membahaskannya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya. Saya.....

**Seorang Ahli:** Adakah atau tidak ada? Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Sabar, sabar.....

**Seorang Ahli:** Nampak kelam-kabut.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, all mixed up because of so little time given to everybody.

**Seorang Ahli:** Kepong tolonglah boss.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong.....

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat, No. 5, itu pun tidak faham pindaan sendiri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak.

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat, tengok No. 5.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar, sabar. Yang Berhormat, jangan keliru.

**Tuan Lim Kit Siang:** (1), (2) dan (9).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, sebenarnya itu pun lebih kurang sama juga dengan seksyen 1.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oh, (1), (2) dan (9), okay. Ini dalam senarai saya, dibawahlah, saya kemukakan pindaan itu. Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa tidak perlulah perkataan “independent” oleh kerana kita mahu badan itu sebenar-benarnya independent.

Pindaan ini timbul oleh kerana BPR tidak independent, oleh kerana orang ramai tidak percaya ia independent, sebab itu ada pindaan. Kalau badan itu benar-benar independent, tidak payah perkataan itu. Kita berharap bahawa dengan bab baru ini ditekankan dan nama itu secondary, saya setuju, tetapi

kita berharap ini boleh memperkukuhkan, memperkuatkan trust yang sekarang kita mahu mengadakan untuk kempen membanteras rasuah. Maka dengan sebab itu, cadangan ini ada dikemukakan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Seksyen 3 (1), (2) dan (9):*

*Pinda “Anti-Corruption Agency” menjadi “Independent Anti-Corruption Agency”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 3 (10) - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan yang ada diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Di bawah undang-undang yang sedia ada kini, Ketua Pengarah BPR memiliki semua kuasa seorang Timbalan Pendakwa Raya mengikut Kanun Keseksaan. Maka Seksyen 5 (1), Akta Badan Pencegah Rasuah menyatakan:

*“The Director General of the Agency shall have all the powers of Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the Agency”.*

Kuasa Ketua Pengarah BPR ini sebagai Timbalan Pendakwa Raya bukan sahaja termaktub di dalam Akta BPR 1982, malah juga termaktub di dalam Akta Biro Siasatan Negara 1973 yang telah dimansuhkan dalam Akta BPR 1982 untuk menukar nama badan berkenaan.

Seksyen 376(3), Kanun Keseksaan menyatakan bahawa seorang Timbalan Pendakwa Raya *“may exercise all or any of the rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by or under this Code or any other written law except any rights or powers expressed to be exercisable by the Public Prosecutor personally.”*

Seksyen 376(4) berbunyi:

*“The rights and powers vested in or exercisable by the Public Prosecutor by subsection (3) and section 68(2), 184(2), 38(1), 38(5) and 38(6) shall be exercisable by the Public Prosecutor personally.”*

Memandangkan enam seksyen yang dibangkitkan berkenaan hak dan kuasa Pendakwa Raya yang perlu dilaksanakan sendiri dan tidak boleh diagihkan kepada Timbalan Pendakwa Raya tidak ada kena-mengena dengan Undang-undang Pencegahan Rasuah, maka ini bererti di bawah Akta BPR 1982, Ketua Pengarah BPR mempunyai kebebasan penuh bukan sahaja dalam segi pendakwaan tetapi juga dalam segi operasi, misalnya penyiasatan, pemeriksaan, perampasan ataupun penangkapan.

Persoalannya adalah mengapa sempena Ulang Tahun Ke-30 BPR ini kuasa penting yang diberikan kepada Ketua Pengarahnya selaku Timbalan Pendakwa Raya telah dimansuhkan dan kedudukannya pula diturunkan sungguhpun rang undang-undang ini dikemukakan di Parlimen sebagai tindakan melancarkan perang segenap penjuru menentang rasuah.

Alasan yang dikemukakan bagi penghapusan kuasa Ketua Pengarah adalah bahawa untuk memastikan check and balance yang sewajarnya supaya kuasa penyiasatan diberikan sepenuhnya kepada Ketua Pengarah BPR, manakala kuasa pendakwaan diputuskan oleh Peguam Negara selaku Pendakwa Raya.

Saya tidak pernah mencadangkan supaya Ketua Pengarah BPR diberi kuasa kekebalan dalam sistem check and balance yang memastikan tidak berlakunya salah guna kuasa. Inilah mengapa saya juga mencadangkan pindaan ke atas Seksyen 3, rang undang-undang ini supaya ditambah subseksyen (11) baru yang berbunyi:

*“The Director-General shall be answerable only to Parliament and shall submit an annual report to Parliament.”*

Sekiranya kuasa Ketua Pengarah BPR.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti. Belum lagi sampai ke Seksyen 3 (11).

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum lagi, sebab tadi kenapa saya sebut argument ini ialah bahawa saya setuju dengan pandangan bahawa perlu satu check and balance, sebab itu ada Seksyen 3 (11) mengikut hujah-hujah.

Sekiranya kuasa Ketua Pengarah BPR selaku Timbalan Pendakwa Raya dihapuskan, maka sekurang-kurangnya beliau harus diberi kebebasan beroperasi yang sepenuhnya dan beliau harus diberi kuasa melaksanakan kuasa dalam Bahagian V, rang undang-undang ini berkaitan dengan penyiasatan,

pemeriksaan dan perampasan tanpa memerlukan kelulusan dari Pendakwa Raya dan hanya perlu membuat keputusan pada akhir penyiasatan BPR sama ada pendakwaan harus dimulakan.

Inilah alasan-alasan bagi 9 pindaan ke atas Bahagian IV dan V untuk memberikan kebebasan operasi sepenuhnya kepada Ketua Pengarah BPR dalam kerja penyiasatan rasuah tanpa perlu merujuk kepada Peguam Negara sama ada dalam segi pemeriksaan dan perampasan, pemeriksaan akaun bank, akaun saham, akaun pembelian, akaun perbelanjaan, kandungan peti deposit selamat, mengeluarkan notis untuk menjelaskan pemilikan harta yang berlebihan dari pendapatan sah, perampasan harta tetap dan tidak tetap ataupun penyekatan bahan-bahan pos, mesej telekomunikasi dan mendengar sebarang perbincangan.

Mereka yang bercakap banyak mengenai perlunya wujud sistem check and balance di atas kuasa Ketua Pengarah BPR dan menjelaskan pentingnya pembahagian kuasa di antara penyiasatan dan pendakwaan di mana BPR diberi kuasa penyiasat dan Pendakwa Raya diberi kuasa mendakwa, haruslah menyokong pindaan semacam ini untuk menidakkan pihak Pendakwa Raya mencampuri kuasa operasi dan penyiasatan BPR.

Sungguhpun saya mengakui perlunya wujud sistem check and balance di atas kuasa Ketua Pengarah BPR, tetapi saya tidak pula mendapat konsensi dari para Ahli Parlimen yang menyetujui syarat ini supaya sistem check and balance dikenakan juga ke atas kuasa budi bicara Peguam Negara khasnya berikutan dengan kes-kes pendakwaan pilih kasih yang dilakukan oleh Peguam Negara masa kini yang tidak berupaya dipatahkan sama ada dalam mahupun di luar Parlimen.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberi penjelasan dalam masa menggulung kenapa gugurkan kuasa DPP untuk Director General ACA, saya rasa ini tidak cukup untuk menunjukkan kenapa kalau begitu kita tidak memberi kuasa kebebasan operasi yang sepenuhnya, sebaliknya menggugurkan kuasa-kuasa DPP. Sebenarnya apa yang mustahak ialah Director General ACA dilihat sebagai master in his own house dalam BPR sungguhpun ada panel resident DPP yang ditempatkan dalam BPR patutlah di bawah Director General BPR supaya kewibawaan jawatan ini adalah diberi segala tempat yang sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memberikan sokongan ke atas pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kerana seperti yang sedia dimaklumkan bahawa selagi Ketua Pengarah BPR terhilang kuasa pendakwaannya, Peguam Negara akan sekali lagi menjadi orang yang menentukan segala-galanya.

Tadi saya telah sebutkan satu kes tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah elak daripada menjawab soalan itu, iaitu di mana ada satu kes yang amat jelas sekali bahawa satu amalan rasuah telah berlaku, kes yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri di mana beliau dalam tahun 1994 meluluskan 1.5 juta saham Universal Leader dan 4 juta saham FACB kepada menantunya, Fazrin Azwar. Di sini, bukankah ini menunjukkan bahawa apabila satu kesalahan rasuah berlaku, tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak Peguam Negara. Dan jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila saya bertanyakan perkara ini di Parlimen ialah bahawa sungguhpun pihak kerajaan mengakui Yang Berhormat Menteri telah membuat satu kesilapan tetapi ia hanya merupakan satu kesalahan teknik yang tidak perlu didakwa di mahkamah.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Kalau begitu, saya rasa ini membelakangkan undang-undang kerana adalah nyata sekali bahawa undang-undang mestilah dilaksanakan dengan sama rata. Kalau ada kesalahan teknik pun, ia mesti juga dibawa ke mahkamah. Mengapa dalam perkara ini Peguam Negara boleh membelakangkan undang-undang, menolak syor-syor yang dibuat oleh pihak BPR bahawa tindakan diambil. Dengan kehilangan kuasa BPR untuk membuat pendakwaan, adalah jelas kalau ada bukti yang kukuh menunjukkan satu kesalahan berlaku tetapi kerana mereka tidak ada kuasa mendakwa, pihak Peguam Negara boleh menidakkan dengan begitu senang sahaja, dengan sewenang-wenangnya menidakkan keputusan siasatan oleh BPR.

Tanpa kuasa pendakwaan oleh pihak Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), saya takut bahawa penyalahgunaan kuasa akan berlaku di mana Peguam Negara akan memastikan bahawa atas unsur-unsur politik seperti kes Yang Berhormat dari Kuala Kangsar, atas kepentingan politik dan tidak berlandaskan undang-undang, amalan rasuah akan berleluasa dan bukan seperti yang diharapkan

oleh kesungguhan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dapat dibanteraskan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya bangun untuk menyokong pindaan ke atas Seksyen 3 dan tambahkan subseksyen (10). Sebenarnya subseksyen ini adalah berkaitan dengan subseksyen (11) yang akan dibahaskan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah meneliti peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini. Misalnya Fasal 32 berkaitan dengan subseksyen ini, penyiataan akaun syer pembelian dan sebagainya. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau mana-mana rukun undang-undang pendakwa raya, jika dia berpuas hati bahawa perlu bagi maksud apa-apa penyiataan tentang sesuatu kesalahan di bawah akta ini boleh memberi kuasa secara bertulis seseorang pegawai badan yang berpangkat Penolong Penguasa atau yang lebih tinggi untuk menjalankan perhubungan dengan mana-mana bank yang dinyatakan dalam pemberi kuasa itu segala kuasa penyiataan yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

Tuan Pengerusi, yang pertama, di dalam rang undang-undang ini ada termaktub di dalamnya bahawa kuasa pendakwa raya, iaitu Peguam Negara adalah lebih besar daripada Ketua Pengarah, ini jelas menunjukkan. Yang kedua, walaupun Yang Amat Berhormat sudah menerangkan bahawa akan adakan 10 Timbalan Pendakwa Raya, akan diadakan dalam BPR, itu satu langkah yang betul. Walau bagaimanapun, ini tidak mencukupi untuk menjamin bahawa Ketua Pengarah BPR boleh melaksanakan segala tugasnya yang termaktub di dalam rang undang-undang ini dengan lebih berkesan. Sebab itulah Yang Berhormat dari Tanjong mengemukakan subseksyen ini untuk menentukan bahawa Ketua Pengarah apabila rang undang-undang menjadi akta kelak, dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Selepas rang undang-undang ini diluluskan, satu-dua tahun akan datang mungkin Yang Amat Berhormat akan kembali ke sini supaya meminta untuk dipindahkan. Tetapi walau bagaimanapun, kita mencadangkan hari ini supaya subseksyen ini diterima beri kuasa lebih sedikit kepada Ketua Pengarah supaya beliau dapat menjalankan tugas dengan baik. Sekian, terima kasih.

**6.34 ptg.**

**Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berikan pendapat mengenai pindaan ini yang mana saya sudah dengar dengan teliti hujah-hujah yang

diberikan. Saya beri dua sebab mengapa saya tidak menyokong pindaan ini. Yang pertama, daripada hujah yang diberi jelas menunjukkan bukannya persoalan check and balance yang pihak pembangkang hendak memasukkan subseksyen (10) ini. Tetapi kerana pihak pembangkang tidak puas hati dan rasa marah dengan kononnya Peguam Negara ini menjalankan pendakwaan pilih kasih, lebih-lebih lagi apabila DAP sendiri terkena pada batang hidung dia, tetapi dia tidak nampak bahawa orang di sebelah Barisan Nasional ini pun ada juga yang kena dakwa. Jadi, kalau sudah terkena batang hidung sendiri dia sangat marah.

Saya menyatakan ini bahawa dia memang ada personal dengan pihak Peguam Negara daripada dahulu. Apa sahaja akta yang kita bincang mesti dia akan menghentam dan tidak puas hati dengan Peguam Negara, kerana kuasa yang ada pada Peguam Negara telah pun termaktub dalam Perlembagaan. Kalau sekarang ini ada, saya rasa tidak menjadi kesalahan kalau kita pinda, kerana biar betul-betul kita ikut supervision of power bagi AG full power untuk mendakwa. Hari ini dia tidak puas hati dengan AG, esok dia tidak puas hati dengan Ketua Polis Negara pula. Bila sampai masa kita akan meminda kuasa-kuasa Ketua Polis Negara, dia akan minta pula Ketua Polis Negara nanti akan ada kuasa DPP, esok Kastam dan sebagainya. Siapa sahaja esok apa kita akan pinda undang-undang ini, selagi dia tidak puas hati dengan Peguam Negara, dia akan minta kuasa DPP ini diberi kepada pihak-pihak yang hari ini kita ada badan penyiasat, polis, kastam, ini kuasa menyiasat, biarlah mereka ini yang menyiasat. Itu ada check and balance, dia sudah siasat, serah kepada AG, AG akan teliti sama ada ada kes yang lengkap ataupun tidak.

Yang kedua, saya tidak setuju, ini bukannya idea dia sendiri, Tuan Pengerusi. Ini kerana dia terpengaruh dengan ucapan dan boleh jadi huraian-huraian Tan Sri Harun Hashim yang dahulu merupakan bekas Ketua Pengarah BPR. Saya tidak nafikan memang benarlah, waktu Tan Sri Harun Hashim memang ada latar belakang undang-undang. Kalau betul-betul hendak dipinda, saya hendak tanya mengapa tidak dipinda Seksyen 3(2). Seksyen 3(2) ini kalau hendak diterima seksyen yang dicadangkan tadi, subseksyen 10, dia kena pinda juga subseksyen 2. Seksyen 3(2) kita kena baca, “bahawa kuasa atas nasihat Perdana Menteri melantik seorang Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah dari kalangan anggota Perkhidmatan Awam....” Bukannya macam latar belakang hendak melantik Peguam Negara mesti ada latar belakang Peguam Negara, mesti ada latar belakang undang-undang,

mesti ada pengetahuan undang-undang, tetapi ia daripada Perkhidmatan Awam. Bermakna hari ini kalau Perdana Menteri memikirkan bahawa bekas tentera pun layak, dia boleh jadi Ketua Pengarah. Besok dia tengok bekas seorang guru, bekas seorang kakitangan awam - yang dimaksudkan dengan anggota Perkhidmatan Awam, ini sama seperti tafsiran dalam Perlembagaan. Dia tidak mengatakan mesti dipilih daripada orang-orang yang ada perundangan. Jadi, kalau esok datang daripada tentera, daripada cikgu, orang-orang yang tidak ada latar belakang perundangan, saya tidak berapa yakin bahawa nanti bila kuasa DPP ini diberi kepada Ketua Pengarah yang tidak ada latar belakang perundangan nanti akan timbul jurang ketidakadilan, sekali lagi pembangkang akan bangun dia akan hentam lagi kita. Dia kata sebab ini tidak adil kerana orang yang menjadi Ketua Pengarah tidak ada bidang undang-undang.

Jadi, saya hendak menyatakan di sini cadangan yang hendak dikemukakan ini satu cadangan yang tidak lengkap. Kalau hendak cadang bagi kuasa DPP, Seksyen 3(2) mesti dicadang, tetapi dia hanya beri subseksyen (11) answerable to Parliament. Jadi, saya hendak menyatakan kita tidak boleh menyokong pindaan ini kerana cadangan yang dibuat itu tidak dikaji dengan begitu teliti.

**Tuan Pengerusi:** Hendak jawab. Tidak jawab pun tidak mengapa, hendak jawab pun boleh, dalam Jawatankuasa.

**6.38 ptg**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun dijelaskan dan kita masih pertahankan Perkara 145 dalam Perlembagaan. Atas semangat itulah yang kita berikan, dan saya percaya pada kewibawaan Ketua Pengarah BPR dan juga kebijaksanaan Peguam Negara, terutama kerana Timbalan Pendakwa Raya, 10 jawatan telah pun diwujudkan di bawah tanggungjawab BPR sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan. Pindaannya seperti berikut.

*Tambahkan subseksyen (10) baru seperti berikut:-*

*“10. The Director General shall have all the powers of Deputy Public Prosecutor under the Criminal Procedure Code and all the powers of an officer of the Agency”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 3(11)** - *[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]*

**6.39 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, inilah satu aspek mengenai tugas fungsi Ketua Pengarah BPR yang sangat mustahak oleh kerana kita sudah bahas tadi satu masalah besar mengenai keyakinan orang ramai terhadap BPR ialah mengenai kebebasan, impartiality dan profesionalisme. Kita pun mahu satu mekanisme di mana negara kita menganggap korupsi sebagai maha penting. Kalau begitu, kita perlu memperkuat keadaan ini dengan kewajipan BPR mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen supaya ini menjadi satu annual peringatan tahunan kepada orang ramai mengenai betapa penting tugas membanteras rasuah.

Dalam laporan tahunan ini pun boleh menjadi satu pendidikan kepada orang ramai, satu usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai usaha membanteras rasuah. Sebenarnya ada tiga aspek yang sangat penting menjadi bukan sahaja tajuk laporan BPR kepada Parlimen, tetapi bukan sahaja kepada Parlimen, Parlimen ialah satu medium sahaja, melalui Parlimen kepada negara, kepada masyarakat khususnya dari segi penyiasatan tahun itu. Kedua, mengenai pencegahan oleh kerana akhirnya apa yang mustahak untuk membanteras rasuah, sungguhpun itu penting tetapi most important untuk punish the corrupt. Apa yang mustahak ialah untuk tukar mekanisme kerajaan, jentera, birokrasi, untuk mencegah rasuah, minimise potensi rasuah.

Ketiga, untuk menukar sikap orang ramai supaya ada satu intolerant kepada rasuah adalah satu budaya integrati yang baru dengan zero tolerant kepada rasuah. Ini patut menjadi tugas BPR yang setiap tahun kemukakan laporan kepada Parlimen. Sekarang ada banyak jabatan ada laporan tahunan untuk menegaskan keseriusan mereka sama ada mengenai environment, environment report, labour, dan kalau rasuah begitu penting, kalau kita mahu menganggap rasuah sebagai public enemy number one, kita perlu mempertingkatkan kedudukan semua usaha membanteras rasuah.

Kita mahu tahu apakah cara-cara BPR sudah lakukan untuk penyiasatan, untuk pencegahan dan untuk pendidikan orang ramai. Ini sebagai satu check and balance. Ahli-ahli Parlimen kata perlu ada satu check and balance, kita mahu tahu apa itu kemajuan penyiasatan, berapa orang , berapa kes di siasat, berapa kes ditutup, berapa kes dikemukakan kepada Peguam Negara untuk prosecution dan kedua apakah tindakan yang diambil untuk mencegah rasuah. Ini sangat penting sama ada disiasat apa-apa option yang boleh diadakan khasnya kita baca baru-baru ini ada jabatan top ten yang korup, apa tindakan diambil baik pun oleh BPR atau atas nasihat BPR untuk internal mekanisme untuk mencegah rasuah.

Isu-isu yang patut menjadi tajuk laporan tahunan seperti apa langkah untuk melaksanakan sistem pengawalseliaan harta, pendapatan, liability para pegawai yang memegang kuasa membuat keputusan berkesan, memperkenalkan had yang bersesuaian ke atas pengajian lepas perkhidmatan awam di sektor swasta, membekalkan saluran-saluran aduan untuk membolehkan para pegawai peringkat rendah mengemukakan aduan mengenai amalan rasuah pihak atasan mereka, memberikan ganjaran kepada mereka yang berkelakuan baik, meninjau persepsi orang ramai terhadap mutu perbekalan perkhidmatan kerajaan secara berkala, membentuk sistem pemerolehan awam yang terbuka, kompetitif serta tulus, memeriksa amalan masa kini yang bertentangan dengan konsep amalan terbaik serta peraturan-peraturan yang

dilaksanakan dalam sistem-sistem paling telus dan memaksa proses membuat keputusan yang pantas supaya menghapuskan masalah kelambatan kerja yang menggalakkan amalan rasuah.

Segala aspek tunjuk kita serius, penyiasatan, pencegahan, pendidikan. Ini perlulah sebagai tindakan susulan kepada akta ini dan lepas itu mungkin kita perlu mengadakan jawatankuasa Parlimen untuk memeriksa laporan tahunan BPR semacam kita ada PAC untuk memeriksa Laporan Ketua Audit Negara. Inilah langkah-langkah yang comprehensive yang kalau kita mahukan menggerakkan masyarakat kita kepada tahap supaya kita boleh rasa bangga among the ten least corrupt nation in the world. Ini mustahak supaya Parlimen ada memainkan satu peranan yang mustahak dalam usaha mencegah rasuah.

Kita juga mahu ACA memberi laporan bagaimana cara-cara atau kemajuan yang dibuat untuk membanteras rasuah di lain-lain negara, kedudukan kita di antarabangsa kita dapati BPR adalah berkerjasama dengan Transparency International, apakah kemajuan - kalau tidak silap Transparency International hari ini akan mengemukakan indeks persepsi tahun ini, saya dapati bahawa indeks Malaysia tidak begitu baik, saya tidak tahulah apa kedudukannya tidak begitu baik, itu semua perlulah mendapat perhatian Parlimen ini supaya kita boleh dapat input daripada BPR dan melaksanakan satu kempen raksasa dan serius mengenai membanteras rasuah. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Kota Melaka. Minta jangan panjang sangat Yang Berhormat, apa yang diucapkan oleh Tanjong itu telah pun menyeluruh.

**6.47 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tadi saya pun tidak panjang. Tuan Pengerusi di sini adalah perlu bahawa BPR hanya accountable kepada Parlimen dan bukan seperti sekarang di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri suapaya kita boleh memastikan bahawa BPR benar-benar bebas, bukan seperti sekarang sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa BPR ada kebebasan untuk menyiasat tetapi selagi ia tidak accountable kepada Parlimen kebebasan ini tidak tulen hanya celup sahaja. Oleh demikian saya ingin meminta bahawa Yang Amat Berhormat boleh menyokong pindaan ini supaya BPR boleh bebas bertindak ke atas sesiapa pun tanpa mengira kedudukan atau statusnya, tanpa kira kawan atau lawan.

Selagi BPR tidak perlu accountable kepada Parlimen tetapi di bawah sebahagian Jabatan Perdana Menteri, kita akan melihat keadaan di mana BPR tidak boleh menjalankan fungsinya dengan baik tetapi terkongkong oleh faktor-

faktor tertentu. Sebagai satu contoh, apabila saya perhatikan baru-baru ini apabila saya membuat pertanyaan kepada Perdana Menteri tentang siasatan yang BPR jalankan ke atas pelbagai kes, sama ada ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka tentang beberapa projek tanah, projek kompleks sukan negeri ataupun perlantikan konsultan tanpa mengikut aturcara kewangan yang betul. Jawapan yang diberikan adalah standard sekarang, sama dengan soalan-soalan yang saya tujukan ke atas kes-kes lain, contohnya siasatan ke atas enam orang menteri atau dua orang timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen yang dijalankan ke atas mereka. Apakah tindakan yang diambil ke atas mereka. Jawapan yang standard yang dibuat oleh BPR adalah seperti berikut,

*'Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar BPR untuk tidak mmebincangkan atau mendedahkan butir-butir berkaitan kes yang sedang disiasat kerana ini tidak adil kepada pihak berkenaan, juga boleh menimbulkan satu subjudice kelak.'*

Tuan Pengerusi, inilah jawapan standard oleh BPR apabila kita tanya jumlah bilangan yang sedang disiasat. Itulah jawapan standard yang dibuat oleh BPR sekarang dan Yang Berhormat dari Bagan pun menerima jawapan yang sama tentang kes rasuah penyelewengan anak syarikat RISDA, PERWAJA dan PUSPAKOM, tak sebut secara individu tetapi secara am. Jawapan seperti ini telah diberikan. Ini menunjukkan bahawa BPR telah mula mengamalkan prinsip menutup amalan-amalan rasuah atau yang sedang disiasat.

Saya rasa rakyat atau Parlimen ini berhak tahu bilangan siasatan yang dijalankan ke atas bahagian-bahagian kerajaan. Saya tidak faham mengapa jawapan standard seperti ini diberikan kerana ini tidak menggalakkan usaha-usaha bahawa amalan rasuah ini dijadikan sebagai perbuatan jijik yang dapat diketahui umum. Kalau ini ditutup seperti ini macam mana kita akan berjaya menghapuskan rasuah. Oleh sebab itu ia mestilah hanya akauntabel kepada Parlimen. Kalau tidak, apa yang dibuat akan ditentukan oleh faktor-faktor politik tertentu. Di sini perlunya satu laporan tahunan dibuat kepada Parlimen. Kalau satu laporan tidak dibuat, macam mana kita tahu dan boleh ukur prestasi BPR. Macam mana kita boleh tahu BPR menjalankan tugasnya dengan bebas, adil, bersih cekap dan amanah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, cukuplah itu. Apa Yang Berhormat ucapkan sekarang ini serupa dengan apa yang Tanjong ucapkan tadi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan, ini ialah mengenai laporan tahunan. Tadi saya cakap tentang accountable kepada Parlimen, sekarang saya cakap tentang perlunya satu laporan tahunan kerana sekarang apabila kita tanya tentang bilangan siasatan yang dibuat oleh BPR mereka tidak mahu berikan sekarang. Ini macam ada satu komplot untuk menutup atau tidak mahu memberitahu rakyat bilangan siasatan yang dijalankan. Mengapa BPR sekarang menjadi ‘Badan Penutup Siasatan Rasuah’, bukan Badan Pencegah Rasuah dan tentu

Ahli Parlimen Barisan Nasional tidak minat kerana mereka ini lebih suka kalau ia ditutup, itu yang jadi masalah.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu lagi satu hujah Tuan Pengerusi yang saya rasa telah dipersetujui dalam beberapa persidangan meja bulat termasuk yang Yang Berhormat dari Parit Sulong sendiri pun bersetuju. Tapi nampaknya sekarang bisu seribu sebab, saya tidak tahulah apa sebabnya.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Sebab hang merapu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini Jelebu tidak payah tengoklah

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat satu lagi tu, berucaplah kalau nak ucap.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, satu lagi tapi itu Jelebu suka kacau. Di mana dalam persidangan meja bulat malah dalam satu Persidangan Muafakat Menentang Rasuah pun ada disebutkan bahawa perlunya satu mekanisma untuk menjamin kebebasan BPR dan cara yang paling baik ialah bahawa satu daripada langkahnya selain akauntabel kepada Parlimen adalah membuat satu laporan tahunan seperti mana yang dibuat oleh ICAC dan Yang Berhormat dari Parit Sulong - BBC bersama dengan 'think tank'nya bersetuju, tetapi sekarang tidak bersetuju. Itu yang jadi sebab. Mana konsistensi atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selalu menggalakkan. 'Kita mesti bersikap tuntas'. Mana sikap tuntas anak-anak buahnya? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, dalam peringkat Jawatankuasa janganlah kita berucap seolah-olah kita berucap dalam peringkat dasar. Kepong.

**6.55 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya akan pendekkan hujah saya. Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan ini.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Yalah, sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hendak pendekkan tapi nampaknya rakan-rakan tidak mahu. Itulah masalah kita mesti adakan satu pindaan seumpama ini, subseksyen (11) - yang jelasnya ada dalam kertas ini. Tuan Pengerusi, saya sokong atas dua sebab, pertamanya, kami pun ada mengemukakan subseksyen (10) yang memberi lebih kuasa sedikit kepada Ketua Pengarah BPR dan memang kita mesti wujudkan satu keadaan kawalan danimbangan.

Kedua, Tuan Pengerusi, di dalam rang undang-undang memang terdapat beberapa peruntukan dan tugas kewajipan Ketua Pengarah BPR dan setakat ini kita nampak pengawalseliaan ke atas Ketua Pengarah tidak begitu ketat dan Peguam negara memang menjadi salah satu pengawal selia (overseer). Bagi kami itu tidak mencukupi yang paling baik itu Parliamentary overseer lebih penting. Sebab itulah kita hendakkan Dewan ini meluluskan pindaan ini supaya

Parliamentary overseer dapat mengawasi segala aktiviti yang ditangani oleh Ketua Pengarah termasuk aduan-aduan rasuah, termasuk perlindungan ke atas pemberi-pemberi maklumat. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** sila jawab.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menerima kerana pertamanya kita masih beranggapan bahawa BPR bebas. Walaupun di bawah Jabatan Perdana Menteri kita yakin dengan kewibawaan dan kebijaksanaan Perdana Menteri yang telah menyatakan komitmen secara terbuka dan jelas tentang usaha membanteras rasuah. Berikutnya saya hendak tegaskan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat masih punyai wawenang dan kebebasan untuk menyuarakan pandangan mereka dalam Parlimen secara seluas mungkin.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Tambahkan subseksyen (11) baru seperti berikut:*

*“11. The Director-General shall be answerable only to Parliament and shall submit an annual report to Parliament.”*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal- 4 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

**Fasal 8(e)** - *[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang bahawa fasal 8 dipinda dengan subseksyen (e) seperti berikut:

*Tambahkan selepas perkataan 'advise heads of public bodies' perkataan-perkataan 'and private sector organisations'.*

Tuan Pengerusi, Malaysia mesti menetapkan satu matlamat bukan hanya untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang bersih tetapi juga sektor swasta yang bersih. Adalah berguna dalam perkara ini untuk merujuk kepada apa yang diterangkan oleh Timbalan Commissioner ICAC, Tony Kwok Man-wai dalam kertas pembentangannya *The Hong Kong Experience in Fighting Corruption* di Persidangan Muafakat Memerangi Rasuah pada 19 Julai, di bawah bahagian A Vigilant Private Sector:

*“Thirdly, we now have a private sector that is fully alert to the dangers of corruption and is vigilant against it. This was in sharp contrast to the early years when some parts of the business community were hostile towards the ICAC and were uncooperative in our investigations. Some even branded our work as ‘interference with the free market economy’. Since the late 80s, some 54% of corruption report concern the private sector. More business organisation are now seeking our advice on corruption prevention. They realise that prevention is better,*

*and cheaper, than cure. Over the past ten years or so , some 1,800 of them did just that. A few years ago the ICAC started encouraging some 2,600 publicly-listed and large private companies to adopt corporate codes of conduct to improve their business ethics. 68% have now done so, a healthy figure by world standard.'*

Secara kontra, dalam kertas pembentang Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya, di bawah tema *Eradicating Corruption: The Way Forward* pula beliau hampir tidak menyentuh soal menanam budaya integriti yang bertoleransi sifar terhadap rasuah dalam sektor swasta.

Ini saya berpendapat, merupakan alasan yang kukuh untuk pindaan memperluaskan tugas BPR supaya merakumi sektor swasta. Sebenarnya perkara ini menjadi lebih mendesak lagi di Malaysia memandangkan proses penswastan dengan kadar pantas yang sedang mengambil tempat di negara ini yang turut menswastakan masalah rasuah berikutan bertambahnya peluang amalan rasuah dalam sektor swasta. As a result of privatisation, dengan izin, we are also privatise the corruption. Kita perlu adakan satu jurisdiction, satu tanggungjawab yang jelas dalam peruntukan seksyen 8 di mana BPR bukan sahaja menasihatkan ketua-ketua badan-badan kerajaan tetapi juga sektor-sektor private mengenai cara untuk mencegah rasuah khususnya, bukan sahaja nasional ataupun timbul transnational corruption practices. Saya rasa ini adalah sangat mustahak supaya kita boleh menuju kepada satu corruption free society. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**7.01 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong pindaan ini yang menambahkan perkataan “and private sector organisations”. Tuan Pengerusi, setahu kita pemberi dan penerima rasuah sama-sama ke neraka, maksud Riwayat Al-Thabrani dan sektor awam dan sektor swasta yang terbabit dengan rasuah sama-sama ke mahkamah. Itu memang maksud kami kerana seperti saya sebutkan semalam, BPR bukan sahaja mengawasi segala aktiviti rasuah di kalangan 820,000 kakitangan, bahkan juga ke atas semua aktiviti yang berlaku di sektor awam. Ini memang perlu dan dengan adanya penambahan perkataan ini, jelas mengatakan bahawa ini untuk semua lapisan masyarakat yang terbabit dengan rasuah memang disiasat dan kalau ada bukti dikemukakan di mahkamah. Sebab itu saya sokong pindaan ini.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, sebab mengapa perkara ini tidak dapat diterima. Pertama, dalam Perkara 8 ini ia mencakup, walaupun tidak diberikan penjelasan yang teliti tentang sektor swasta. Yang kedua, jenayah swasta ini banyak melibatkan juga jenayah komersial dan ini memang termaktub di bawah jenayah komersial dan ini di bawah kedua-duanya pihak swasta dan pihak polis, memang tegas dan jelas dalam perkara ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Pinda subseksyen (e) seperti berikut:*

*Tambahkan selepas perkataan “advise heads of public bodies” perkataan-perkataan “and private sector organisations”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 8(h) -[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan Fasal 8 untuk tambah subseksyen 8(h) untuk “Promote a national culture of integrity for zero tolerance for corruption”. Kali

pertama kita adalah menggariskan bidang tugas atau duties bukan sahaja Ketua Pengarah tetapi juga pegawai-pegawai BPR, saya rasa kita perlu dengan jelasnya untuk memberi garis-garis mengenai tanggungjawab BPR dan kalau kita ada tujuan dan matlamat panjang untuk mengadakan ‘corruption-free Malaysia’ bahawa kita perlu menegaskan dalam undang-undang yang kita mahu luluskan bahawa antara tugas dan tanggungjawab BPR adalah untuk memupuk satu budaya nasional, satu budaya integriti yang ada toleransi sifar kepada rasuah supaya ini boleh menjadi satu landasan di mana boleh menggerakkan segala lapisan masyarakat untuk membanteras rasuah dan bukan sahaja untuk generasi ini, bahkan juga untuk generasi-generasi yang akan datang dan dengan pindaan ini, dengan skop yang begitu luas, ini boleh menjadi asas untuk masyarakat kita membincang bagaimana dan BPR berbincang bagaimana boleh memberi panduan kepada memupuk budaya itu - lihat bagaimana negara-negara yang lain, ajaran-ajaran mereka sungguhpun nampaknya ada di kalangan kita yang tidak begitu seronok mendengar mengenai lesson yang boleh kita pelajari di Hong Kong tetapi saya rasa ini sikap yang tidak patut diadakan, mana-mana tempat yang baik, tidak kira mana-mana negara kita perlulah pelajari dan ini pun boleh menjadi satu asas untuk memungut pendapat umum mengenai keadaan dan perkembangan mengenai rasuah. Saya harap ini boleh difikir dan diterima dengan baik bahawa kita ada subseksyen 8(h) ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Pendekkanlah ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pendek sahaja. Saya mengikut peraturan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi:** Tidak apalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat ‘Pokok Angsana’ sentiasa sibuk dengan Coxsackie sahaja. Tuan Pengerusi, saya sokong kerana yang pertama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sentiasa menyarankan bahawa kita di

Malaysia, semua lapisan masyarakat mestilah mewujudkan budaya antirasuah bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya dan Ketua Pengarah BPR, Dato' Shafie bin Yahya juga yang mengakuri saranan tersebut. Yang keduanya, saya diberitahu bahawa hasrat Ketua Pengarah dan juga hasrat Yang Amat Berhormat ialah menjadikan BPR agensi pembanteras rasuah yang terunggul di dunia. Itu hasrat. Kalau kita hendak mencapai satu tahap yang begitu tinggi, yang terunggul ini, maka perlulah kita memaktubkan di dalam rang undang-undang ini satu pindaan di mana kita hendak menggalakkan atau mewujudkan budaya antirasuah dan supaya semua lapisan masyarakat dapat memahami apakah maksud budaya antirasuah dan juga daripada rebung lagi kepada liang lahad kita dapat mewujudkan satu nilai.....

**Tuan Pengerusi:** Apa yang bersangkutan dengan international cooperation itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang, memang. National culture of integrity. Satu culture Tuan Pengerusi, memang. Memang ada sangkut paut kerana Ketua Pengarah pun mengakui....

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Yang itu bukan culture Yang Berhormat. Itu 8(i) promote international cooperation, yang bawah itu.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan, bukan. Tuan Pengerusi, (h). (i) itu international cooperation - (h), sebelum itu Tuan Pengerusi, sebab dikacau oleh Yang Berhormat 'Pokok Angsana' dan juga yang lain sehingga mengelirukan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okay, sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Memanglah, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya menyeru supaya semua ahli di sini menerima pindaan ini supaya sama-sama kita dapat mewujudkan satu budaya antirasuah di Malaysia ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, kes terperinci ini sudah mencakup termasuk cadangan yang baru dikemukakan nanti tetapi saya hendak mengambil kesempatan Tuan Pengerusi dan juga berkaitan dengan kes sebelum ini dan juga Perkara 8 ini, membetulkan kesilapan Ahli Yang Berhormat tadi bila menyebut tentang kenggan BPR memberi maklumat kepada Parlimen tidak benar sama sekali. Maklumat tentang siasatan, angka ditangkap itu diberikan, yang tidak

diberikan ialah maklumat yang boleh menjejaskan nama baik orang dalam proses penyiasatan atau yang subjudice dalam kes yang dihadapkan ke mahkamah. Janganlah pula diputar belit kenyataan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Tambahkan subseksyen (h) baru berikut:*

*“8(h) Promote a national culture of integrity with zero tolerance for corruption”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

#### **Fasal 8 -**

**Tuan Pengerusi:** Yang lastnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Lastnya Seksyen 8. Tambahkan subseksyen (i) berikut - “promote international cooperation in combating transnational corruption” - Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan beliau pun ada menyebut mengenai betapa pentingnya sekarang mengenai kerjasama antarabangsa khasnya oleh kerana ciri-ciri national corruption yang berlaku dan kalau tidak ada transnational cooperation tentulah keberkesanan apa-apa kempen antirasuah pun tidak begitu didapati dan sebab itu saya pernah mencadang dan oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada di sini, saya mahu ulangi bahawa kalau kita ada pindaan ini, ini akan memberi BPR satu basis untuk memainkan peranan antarabangsa dalam bidang rasuah yang lebih giat. Dalam bulan September ada satu International Anti-Corruption Conference (IACC) dan saya pernah bercadang bahawa Malaysia patut menjadi host IACC kali yang ke-9 di tahun 1999. Ini akan menunjukkan usaha dan komitmen kita untuk membanteras rasuah bukan sahaja di Malaysia tetapi di bidang antarabangsa dan saya haraplah bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberi pertimbangan ke atas perkara ini dan bukan sahaja untuk boleh meng‘host’kan The Ninth International Anti-Corruption Conference yang boleh bukan sahaja meningkatkan martabat kita di dunia tetapi tentu akan menjadi satu insentif tambahan kepada BPR supaya kita boleh memberi ‘deliver results’ oleh kerana fokus antarabangsa akan ke Malaysia dan kalau kita meng‘host’kan IACC di tahun 1999 tentulah kita akan lebih komited lagi dalam usaha membanteras rasuah.

Di sini saya rasa satu lagi bidang di mana BPR patut memainkan peranan ialah untuk ‘contribute’ kepada suasana antarabangsa mengenai usaha membanteras rasuah dan kita tahu di beberapa ‘atmosphere’ - rantau, adalah konvensyen-konvensyen dalam persidangan mereka mengenai rasuah supaya memperkukuhkan komitmen-komitmen kerajaan dan masyarakat masing-masing tentang membanteras rasuah - semacam Inter-American Convention Against Corruption. Mungkin masa sudah sampai untuk Malaysia mencadangkan ada satu Asean Convention Against Corruption, kenapa tidak boleh, oleh kerana tentulah kita tidak mahu rasuah menjadi ‘a way of life’ atau diterima sebagai ‘a way of life’ kita mahu ada sikap menunjukkan kepada region bahagian-bahagian dunia lain bahawa di Asian, kita rela mempelopori dalam bidang anti-corruption.

Saya haraplah bahawa sekurang-kurangnya kita perlu memainkan satu peranan yang aktif, cergas dalam bidang antarabangsa mengenai rasuah. Akhirnya, saya harap bahawa kerajaan boleh memberi pertimbangan mengenai cadangan Malaysia bid untuk menjadi Tuan Rumah Ninth International Anti-Corruption Conference. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Amat Berhormat hendak jawab terus?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, tanpa memasukkan subseksyen (i) ini memang peranan BPR adalah untuk promote international co-operation dan sekarang ini pun ada collaborative effort, dengan izin, untuk dapat maklumat dan beri kerjasama. Soal spesifik yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong tentang kemungkinan kita menaja, kita boleh memberikan pertimbangan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Seksyen 8 -*

*Tambahkan subseksyen (i) berikut:*

*“8(i) Promote international co-operation in combating transnational corruption”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 8** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 9 hingga 13** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan*

**Jawatankuasa]**

**Fasal 14 - [Pindaan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri]**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 14 dipotong dan dimansuhkan kerana dalam Fasal itu telah diperkatakan secukupnya dalam pelbagai Fasal dalam rang undang-undang, seperti Fasal 11. Seterusnya, kesemua Fasal yang berikutnya iaitu dari Fasal 15 hingga 63 dipinda dengan menomborkan semula Fasal-fasal tersebut masing-masing sebagai Fasal 14, 15, 16, 17, 18, 19 dan begitulah seterusnya hingga Fasal 62 dan segala angka yang berkenaan digantikan dengan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, bagaimana pindaan boleh sekali gus dibuat, oleh kerana akan melibatkan pindaan-pindaan yang lain, bukan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya suka memberikan penjelasan. Kerana yang saya sebut 'yang berikutnya' itulah nombor-nombor sahaja, bukan substantive provision, hanya nombor. Kerana bila No. 14 itu dibatalkan, jadi yang No. 15 jadi No. 14, itu sahaja. Tetapi kalau hendak ikut satu persatu, saya cadangkan Tuan Pengerusi baca sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, provided tidak ada melibatkan pindaan-pindaan di mana notis ada diberikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan untuk memotong Fasal 14 hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 14 - Dipotong.*

The English Translation is as follows:

*Clause 14 - Deleted.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Fasal 14** dimansuhkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk memudahkan perbahasan kita selepas daripada ini, maka saya membuat ruling bahawa Fasal-fasal yang disebut di dalam cerai pindaan hendaklah dikekalkan.

**Fasal 15 dan 16** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 16A - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya kemukakan pindaan kepada Seksyen 16 dengan peruntukan Seksyen 16 A yang berikut:

*"16A - Possession of unexplained property*

*(1) Any person who, being or having been an officer of a public body, -*

(a) *maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emolument; or*

(b) *is in control of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emoluments,*

*shall, unless he gives a satisfactory explanation to the court as to how he was able to maintain such a standard of living or how such pecuniary resources or property came under his control, be guilty of an offence.*

(2) *Where a court is satisfied in proceedings for an offence under subsection (1) (b) that, having regard to the closeness of his relationship to the accused and to other circumstances, there is reason to believe that any person was holding pecuniary resources or property in trust for or otherwise on behalf of the accused or acquired such resources or property as a gift from the accused, such resources or property shall, until the contrary is proved, be presumed to have been in control of the accused.*

(3) *Where a person is convicted on indictment of an offence under subsection (1) (b) the court may, in addition to any penalty imposed by any other section under this Act, order the confiscation of any pecuniary resources or property -*

(a) *found at the trial to be in his control as provided in subsection (1); and*

(b) *of an amount of value not exceeding the amount or value of pecuniary resources or property in acquisition of which by him was not explained to the satisfaction of the court”.*

Tuan Pengerusi, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata tidak ada substantive different antara Fasal 33 (3) dengan apa hasrat beliau pada awalnya mengenai kekayaan luar biasa, khasnya untuk seorang public officer. Sebenarnya ada substantive different yang besar antara Fasal 33 (3) dengan peruntukan ini ialah sebenarnya mengikut Seksyen 10, Prevention of Bribery Ordinance.

Semalam kita dengar ada satu hujah bahawa apa yang menjadi korupsi di Hong Kong tidak semestinya menjadi korupsi di Malaysia. Saya rasa ini satu hujah yang sangat shocking. Bagaimana apa yang dianggap sebagai korupsi unexplained wealth boleh dianggap bukan korupsi di Malaysia. Ini bukan berlaku apa-apa tukar onus of proof. Apa yang kita tetapkan kalau kita ada peruntukan ini ialah bahawa sesiapa public officer yang ada kekayaan atau cara kehidupan yang luar biasa daripada emolument mereka ialah satu kesalahan kalau mereka tidak boleh menjelaskan cara halal.

Tentu tidak ada sesiapa yang mahu tukar onus of proof di mana bererti tidak perlu satu penyiasatan di mana seorang dibawa ke mahkamah. Tentu cara Prevention of Bribery Ordinance di Hong Kong ialah seorang yang ada kekayaan luar biasa, live beyond his means, ICAC perlu siasat, perlu ada bukti. Dalam siasatan, tentulah akan beri keterangan, peluang kepada seseorang yang disiasat, peluang untuk menjelaskan bagaimana beliau dapat kekayaan itu. Kalau beliau boleh memberi penjelasan yang memuaskan, tentulah kes ini tidak pergi ke mahkamah. Kalau kes semacam ini pergi ke mahkamah, ini abuse of power. Memang itu abuse of power bahawa kalau didapati sahaja seorang ada kekayaan luar biasa tanpa dalam proses siasatan tidak beri masa untuk accuse atau sasaran target subject investigation untuk memberi penjelasan. Dan kalau penjelasan memuaskan, lagi pergi ke mahkamah, saya rasa tentu itu abuse of power dan kita mahu keadilan untuk semua pihak. Ini bukan tujuannya.

Oleh kerana Fasal 33(3) is a very diluted form of a Section 10 of Prevention of Bribery Ordinance atau apa yang saya cadang di sini sehingga saya rasa bahawa Fasal 33(3) tidak akan berkesan, oleh kerana Fasal 33(3) akan digunakan, perlu dua syarat baru boleh digunakan, satu siasatan mengenai korupsi bahawa ada kesalahan rasuah berlaku. Kalau seorang ada kekayaan luar biasa, itu pun bukan dalam definisi ini, tidak menjadi offence of corruption.

Selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberi penjelasan bahawa orang yang ada kekayaan luar biasa boleh menjadi satu subjek ACA report oleh sesiapa, bolehkah? Kalau boleh, baru ACA boleh memulakan siasatan. Kalau tidak, sesiapa yang pergi buat satu laporan kepada ACA bahawa Menteri A atau Menteri Besar A atau Ketua Menteri A atau Exco A ada harta RM100 juta, buat laporan ACA. Boleh buktikan dengan senarai yang sepenuh dia ada RM100 juta dan tidak mungkin beliau ada cara yang halal (lawful means) untuk dapat RM100 juta.

Okay, oleh kerana boleh kaji setiap bulan apa emolumen dia, multiply tiga tahun, lima tahun, tidak boleh sampai, mungkin RM1 juta, tetapi dia ada rekod tunjuk ada RM100 juta. Bolehkah laporan dibuat oleh a concerned public spirited citizen kepada ACA dan adakah ACA akan memulakan siasatan? Saya tidak tahu, tetapi rakyat ada hak untuk tahu keadaan semacam itu.

Adakah ini dianggap oleh ACA sebagai cukup untuk memulakan siasatan di bawah Seksyen 33(1) atau 33(3), can stand on its own without subject to 33(1). Itu saya rasa kita perlu. Kalau keadaan semacam ini di mana public spirited citizen ada bukti seorang top political leader or top public officer ada RM100 juta harta, tidak mungkin kita dapat through lawful means, tidak boleh buat laporan atau sungguhpun buat laporan, BPR (ACA) tidak boleh buat siasatan oleh kerana bukan kesalahan? Bukankah ini bukan sahaja satu lacunae, satu kelemahan besar dalam Prevention of Corruption Act yang kita luluskan.

Itulah sebab saya kata apa yang kita perlu ialah pindaan yang saya kemukakan supaya kalau sesiapa tidak boleh memberi penjelasan yang cukup mengenai punca daripada unexplained wealth and property, beliau perlu menghadapi tuduhan kesalahan rasuah.

Syarat yang kedua, kalau ikut sekarang apa yang kita ada dalam Seksyen 33(3) ialah perlu dapat persetujuan atau kebenaran Public Prosecutor atau Peguam Negara selaku Public Prosecutor sebelum Seksyen 33(3) digunakan, kenapa perlu dua restriction? Saya cadangkan ini bukan untuk ketepikan Seksyen 33(3) tetapi sebagai satu tambahan Seksyen 16A oleh kerana ini boleh mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi di mana ada bukti public spirited citizen report RM100 million wealth, tidak mungkin (impossible) dapat melalui cara yang halal, inilah BPR boleh memulakan siasatan. Ini adalah tambahan. Kita kekalkan Seksyen 33(3), tetapi kita tambah Seksyen 16A supaya kredibiliti anti-corruption effort tidak jatuh oleh kerana sebab ini.

Sebenarnya peruntukan inilah - Possession of unexplained property dan 16B - Declaration of assets by Members of Parliament, ialah dua cara yang penting - powerful, kalau kita mahu usaha menentang rasuah berjaya dan Malaysia menjadi teladan kepada dunia. Ini yang mustahak. Kalau kurang kedua-dua peruntukan ini, saya rasa sungguhpun pada kertas kita ada improve mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Rasuah tetapi tidak begitu menunjukkan kita ada kemahuan politik yang tegas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

**7.30 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan sokongan ke atas pindaan yang dicadangkan tadi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kerana memang seperti yang dimaklumkan bahawa kekayaan para pemimpin kerajaan menjadi satu tajuk hangat di kalangan rakyat, sehingga apabila seseorang dipilih menjadi wakil rakyat, malah ada diduga bahawa tidak berapa lama lagi mereka akan memiliki harta yang banyak dan kekayaan yang luar biasa. Oleh sebab itu, saya rasa kalau pindaan seperti ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidaklah dipersetujui oleh Dewan yang mulia ini, rakyat akan mempertikaikan keberkesanan BPR untuk melawan pemilikan atau pengumpulan harta benda dan kekayaan luar biasa yang melebihi gaji terkumpul ataupun gaji rasmi mereka.

Malah ada setengah-setengah pihak yang menyatakan kalau pihak kerajaan benar-benar jujur, apa yang kerajaan patut lakukan ialah pecat semua menteri yang terlibat dalam rasuah ataupun yang mempunyai kekayaan luar biasa melebihi gaji rasmi mereka sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung menerusi saudara-mara atau sekutu mereka. Saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya fahamlah atas sebab-sebab politik dalamannya, beliau tidak mahu jawab langsung soalan yang saya tujukan kepada beliau tadi tentang kes Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Yang Berhormat tidak mahu jawab langsung, elak sahaja. Saya faham kerana ini susah dijawab mengapa Peguam Negara tidak ambil tindakan. It is difficult to justify the unjustifiable, dengan izin.

Tetapi saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun mesti mengambil berat tentang perkara-perkara seperti ini, kerana ada rakyat biasa yang amat tidak puas hati mengapa saudara-mara menteri boleh mendapat saham, sedangkan orang biasa tersisih atau tidak diberikan hak yang sepatutnya diperuntukkan untuk mereka. Di sini saya rasa perasaan tidak puas hati rakyat yang tidak diuruskan dengan lengkap oleh pihak kerajaan, hanya menambahkan persepsi bahawa

kerajaan condoned, dengan izin, rasuah. Kalau tidak dengan pindaan ini, ia akan digambarkan bahawa kerajaan tidak serius.

Baru-baru ini ada satu kes, satu laporan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang terhadap seorang menteri, di mana Yang Amat Berhormat pun sedia maklum, apabila anak seorang menteri mampu dalam masa yang sangat singkat sahaja, dalam masa tiga bulan mampu membeli saham-saham dalam empat buah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL dengan harga yang bernilai RM1.28 bilion. Saya rasa perkara ini bukan satu perkara biasa atau perkara kecil apabila ia ditanyakan oleh semua rakyat, khususnya ahli-ahli biasa parti menteri tersebut, di mana mereka bertanyakan macam mana seorang yang hanya dengan usia muda, 27 tahun mampu membeli syarikat bernilai RM1.28 bilion. Ini bukan jumlah yang kecil.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Menteri bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Pengerusi, satu tuduhan telah dibuat oleh Ketua Pembangkang terhadap anak saya, iaitu anak saya telah terlibat dalam rasuah. Saya menganggap ini adalah suatu tuduhan yang serius yang telah dibuat kepada ACA atau BPR. Apa yang penting pada ketika ini adalah untuk memberi kerjasama yang penuh kepada BPR untuk membolehkan mereka menjalankan tugasnya dengan licin dan untuk membolehkan mereka menyempurnakan tugas mereka. Oleh kerana saya anggap BPR badan yang terpenting di negara ini, oleh kerana tugasnya adalah penting dan mustahak untuk mencegah dan membasmikan rasuah di negara ini. Oleh kerana itu, pada ketika ini saya tidak ingin bercakap apa. Saya hanya hendak memberi kerjasama yang penuh kepada pihak BPR untuk menjalankan tugas mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, sekarang kita dalam Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Apa Yang Berhormat buat contoh macam itu adalah dasar. Saya minta Yang Berhormat kembali kepada Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak sebutkan sesiapa....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kita ada peruntukan tertentu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi nampaknya 'siapa yang makan cili dia rasa pedas'.

*[Menyampuk]* Di sini saya hanya ingin....

**Seorang Ahli:** Apa, hang ingat kita bodohkah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hanya betulkan. Saya rasa janganlah macam kurang ajar seperti ini. Ini tidak bagus.

**Tuan Noh bin Omar:** Ini point of order, saya tidak payah sebut, dia sebagai Ahli Parlimen lama dia mesti tarik balik. Janganlah cakap 'kurang ajar'.

**Tuan Lim Guan Eng:** You jangan tunjuk sini, saya tidak tuju kepada siapa. Bila saya timbul perkara ini janganlah berlagak macam ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya suka memperingatkan perkataan itu memang Yang Berhormat tahu tidak boleh digunakan dalam Dewan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi apa yang mereka cakap tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang keduanya, Yang Berhormat, kita kena kembali kepada tajuk perbahasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu yang saya hendak betulkan sedikit apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, kerana apa yang dilaporkan ialah "to give top priority to investigation into Ling Hee Leong phenomenon 'cater pop' into the billion ringgit in corporate status Peer and to establish whether they have been any improper political or ministerial influence involving his father."

Tadi dia cakap bahawa ada rasuah, itu satu perkara baru bagi saya, kerana di sini untuk meminta BPR siasat. Tetapi Yang Berhormat Menteri cakap ada unsur-unsur rasuah. Kalau beliau menyatakan bahawa adalah perlu untuk tidak membuat sebarang komen supaya BPR dapat siasat dan beliau bersetuju untuk memberikan sokongan penuh, tentulah. Itu satu sikap yang harus dilakukan oleh seorang Menteri. Tetapi pada masa yang sama kita pun harus tanya, kalau anaknya boleh menyatakan

dalam satu temu bual terbuka, “our 99% of the time everything I do I have to get the blessing of my father.”

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, kita dalam Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu, tetapi itu ditanyakan tadi oleh Yang Berhormat Menteri dan saya kena jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, keputusan saya sebagai Pengerusi, bahawa perkara itu tidak boleh dibincangkan sekarang dalam Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bukan. Tetapi ini ada kaitan, kerana beliau sendiri yang timbulkan. Saya rasa ada hak saya timbulkan perkara ini, ini satu perkara penting, kerana bila saya cakap secara contoh, beliau sendiri bangun untuk menjelaskannya. Memandangkan beliau menjelaskannya, saya ada hak untuk menjawab, kerana ini isu penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sebagai Pengerusi, Yang Berhormat, saya ada keputusan yang muktamad. Kita dalam Jawatankuasa....

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tahu, saya hormati...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekejap. Dalam perbincangan dasar Yang Berhormat telah bercakap tentang perkara ini, kita tidak tegah kerana itu dasar. Tetapi kita tertakluk kepada peraturan Jawatankuasa.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak cakap....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak ada kuasa untuk memberikan perkara yang lebih daripadanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya tidak cakap perihal dasar. Saya cakap perihal spesifik.

**Seorang Ahli:** Halau dia keluar!

**Tuan Lim Guan Eng:** Specific case anak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, kerana rakyat sekarang bertanya-tanya. Ini yang menjadi perkara penting. *[Menyampuk]* Macam mana dalam 3 bulan 90 hari boleh membeli.....

**Seorang Ahli:** Rakyat tidak bertanya pun, anak beranak sahaja yang tanya.

**Tuan Lim Guan Eng:**.....saham syarikat bernilai RM1.28 bilion. Kalau kita beli loteri menang hadiah pertama RM2 juta berturut-turut 90 hari baru setakat RM180 juta sahaja, mana ada lebih daripada itu.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]* Yang Berhormat fahamkah saya angkat buku ini. You duduklah saya angkat buku ini!

**Tuan Lim Guan Eng:** Orang macam ini tidak patut difahamkan.

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat, point of order!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak patut difahamkan.

**Tuan Noh bin Omar:** Point of order, tidak tahu undang-undangkah! Awak fahamkah point of order?!

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat....

**Tuan Noh bin Omar:** 36(1), duduklah, saya hendak baca!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, duduk sekejap.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Menyampuk]*

**Tuan Noh bin Omar:** Yang Berhormat, saya hendak baca point of order. Ini seorang Ahli Parlimen tidak fahamkah? Dua perkara yang mesti duduk, pertama bila seorang dia beri jalan dia kena duduk. Kedua, bila seorang Ahli Parlimen angkat point of order, fahamlah ini point of order!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat.

**Tuan Noh bin Omar:** Fahamlah 36(1). Tidak tahu undang-undang, bodoh, duduk!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang, minta jelaskan point of order.

**Tuan Noh bin Omar:** “Seseorang ahli hendaklah menghadkan perkataan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan

perkara yang sedang dibincangkan.” Sudah jemu mendengar ucapan dia. Dalam dasar, itulah dia cakap. Sekarang pun dalam Jawatankuasa itu juga dia cakap, mana satu yang betul. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya ingat cukup setakat itu, Yang Berhormat. Saya telah memberi peringatan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya telah memberikan contoh, tetapi kalau Yang Berhormat dari Barisan Nasional takut sangat contoh ini....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Guan Eng:** jelaslah sangat pedaslah. Tidak fahamkah ‘sangat pedas’, itu yang jadi masalah.

**Seorang Ahli:** Tetapi dia sangat bodoh.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, saya rasa saya berikan contoh spesifik ini kerana ia penting. Kalau kita hendak tahu macam mana kekayaan luar biasa ini boleh menimbun, boleh berlonggok, itu penting. Contoh yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, baik - bila dia dengan berani mengisytihar atau menunjukkan senarai harta benda kepada saya. Dia tidak ada apa-apa yang dia takut untuk disembunyikan, kerana semua secara halal. Tetapi mengapa ini tidak boleh dicontohi oleh orang-orang lain. Selagi peruntukan ini tidak dimasukkan, apa yang berlaku di mana kita ada boy wonder ataupun miracle corporate man, ajaib, tokoh perniagaan yang ajaib. Di sini saya rasa itu satu kejayaan yang saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh anaknya dalam usia 27 tahun boleh jadi billionaire.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada yang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini saya kena ucapkan tahniah. Nanti saya habiskan dahulu, duduk. Saya kena ucapkan tahniah. Saya harap beliau boleh berikan sedikit tips...

**Seorang Ahli:** Sit downlah.

**Tuan Lim Guan Eng:** ....macam mana anaknya boleh mencapai kejayaan sedemikian. Ini bukan permintaan daripada saya. Ini permintaan daripada 600,000 ahli.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka...

**Tuan Lim Guan Eng:** ....parti Yang Berhormat. Kerana mereka pun ingin tahu supaya anak mereka pun sama-sama boleh berjaya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Guan Eng:** Dalam tiga bulan mampu membeli syarikat yang bernilai RM1.28 bilion. Ini bukan perkara sembarangan. Tuan Pengerusi, macam mana kita boleh mengumpul harta benda dengan begitu senang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada topik yang lain yang hendak dibahaskan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini mengenai....

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Tuan Lim Guan Eng:** .....kekayaan luar biasa. Yang tidak suka hanya akan jerit-jerit sahaja. Tetapi itu perkara penting, kerana semua rakyat bertanya. *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Lu sama bapa sahaja tanya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang pekak, yang bisu, yang buta mata dan hati sahaja yang tidak mahu tanya. *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, kita telah jauh keluar, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana mereka kacau. Tetapi di sini saya rasa saya pernah menyatakan secara terbuka bahawa semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjadi Pemangku dalam masa dua bulan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil cuti. Kesungguhannya untuk membanteras dan membongkarkan rasuah, saya rasa harus mendapat pujian. Tetapi pada masa yang sama, saya tidak tahulah sama ada ia hanya coincidence. Tetapi selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri balik, nampaknya berlainan sedikit. Di sini mungkin Yang Berhormat Menteri rasa Yang Berhormat. Menteri yang berkaitan yang terlibat tadi rasa lega sedikit. Itu sebab pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang adalah sangat perlu. Kita boleh berikan sokongan penuh. Tetapi kalau BPR tidak siasat, kalau BPR memainkan peranan 'Badan Penutup Rasuah' saya rasa ini tidak bermakna langsung. Lebih-lebih lagi Peguam Negara tidak memainkan peranan yang penting kerana ada contoh seperti yang saya tunjukkan tadi, kes Yang Berhormat Menteri

Perdagangan Antarabangsa dan Industri, macam mana kita boleh dapat jaminan bahawa ia tidak diulangi lagi dalam kes Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Macam mana kita tahu.

Oleh sebab itu kerana saya dapat akur kepada Tuan Pengerusi, saya akan cakap setakat itu sahaja tetapi sekali lagi meminta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bolehlah dengan izin, address the issue. Janganlah apabila menjawab hanya berikan satu, dua ayat sahaja. Kalau boleh akauntable kepada Parlimen berikan jawapan secara ikhlas dalam hati, dengan izin, from your heart, not from your political heart.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, ada yang mahu ambil bahagian.

**Tuan Noh bin Omar:** Ya saya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Si Cheng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sebentar ya. Tidak tahu yang mana satu. Ya, yang depan ini. Senai.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini menyatakan keluhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak munasabah dan menyalahgunakan kuasa dan masa kita semua, kerana jika Yang Berhormat dari Kota Melaka ingin mengambil kesempatan ini menanya perkara daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, mengapa bapanya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendak buat laporan kepada BPR?

Jadi, apa yang saya ingin nyatakan apabila laporan sudah dibuat kepada BPR, tidak perlu untuk beliau menanya daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan siasatan sedang dijalankan oleh pihak yang berkenaan. Jadi, tolonglah jangan membuang masa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun bercakap ini sebab hendak beritahu kepada pihak sebelah sana, kita bukan pekak, kita bukan buta, kita bukan bisu, sebaliknya dia yang baghal! Saya bagi dua sebab, yang pertama, saya cabar, ucapan yang dia cakap Tuan Pengerusi, adalah sama macam dia cakap semalam. Saya dengar semalam dia bercakap ucapan yang sama. Boleh check *Hansard*. Mengapa masih di‘reverse’? Semalam dasar, petang ini committee. Apa beza dasar dengan committee? So, kalau dia tahu, kalau dia tidak baghal, kalau dia tidak buta, dia tidak akan ulang ucapan yang sama. [*Tepuk*] Itu yang pertama.

Yang kedua, saya hendak beritahu sebab dia kata kita buta, kita hendak beritahu, kita celik, kita dengar apa dia cakap. Dia hendak main silap mata. Bila tadi Yang Berhormat Menteri jawab dia kata: “Oh, siapa tadi, siapa makan cili dia terasa pedas.” Dia pusing-pusing, seolah-olah mahu perli kita.

Kita tahu, itulah ucapan dia, bapakkah, anakkah itulah ucapan yang mereka cakap. Semalam itu juga dia cakap. Itu mukadimah.

Tuan Pengerusi, jadi, saya hendak mengambil bahagian mengenai 33 ini. Saya hendak tengok di sini cadangan yang dibuat oleh pihak pembangkang mengenai Seksyen 16 ini tidak ada bezanya dengan Seksyen 33(3), tidak ada beza. Matlamatnya sama. Sesiapa sahaja yang mempunyai harta yang berlebihan, kekayaan yang berlebihan mesti didakwa, tinggal lagi prosesnya sahaja yang berbeza. Kalau 16B yang dicadang, ini hendak tiru Hong Kong, tiru bulat-bulat dari Hong Kong. Kalau Hong Kong kita kena pergi court, kalau Seksyen 33, kita hanya boleh bincang dengan Pendakwa Raya sahaja. Saya ingat dia punya method pelaksanaan sahaja yang agak berbeza, tetapi matlamatnya adalah sama iaitu untuk memastikan tidak ada seseorang anggota awam yang akan mempunyai harta atau kekayaan daripada gaji ataupun pendapatan yang diperolehi. Dan saya hendak menyatakan kekesalan saya sebab seolah-olah bila dia cadangkan 16B, suruh Ahli-ahli Parlimen declare.

Kita mahu memberitahu dia janganlah menganggap korupsi atau rasuah ini hanya Ahli-ahli Parlimen. Sebelum ini tidak pernah Ahli-ahli Parlimen ditafsirkan sebagai pegawai badan awam. Kalau kita mahu tolak, kita lebih majoriti, kita boleh tolak tetapi kita terima walaupun kita sebenarnya bukan pegawai badan awam tetapi kerana kita menghormati hasrat kerajaan

memastikan bahawa semua pegawai badan awam tidak kira siapa mesti akur kepada undang-undang ini. Jadi, hari inilah hendak cadang 16B.

Saya hendak beritahu, sebab itu bila saya cakap Seksyen 20, dia pusingkan cakap saya, seolah-olah Seksyen 20 ini ditujukan kepada pembangkang. Hari ini saya hendak nyatakan seolah-olah Seksyen 16 dan Seksyen 33 yang dicadangkan ini dia tujukan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional. Dia sebut tadi Menteri A, Exco A, Exco B dia sebut. Apa, pembangkang mana ada jadi menteri, pembangkang mana ada jadi Exco, terutama daripada DAP. Jadi, niat dia jahat. Ini kalau kita terima segala cadangan yang dibahaskan di dalam Parlimen, answerable to Parliament, di dalam Parlimen pun dia hendak putar belit. Jadi, kalau sudah pembangkang itu, apa sahaja yang kita buat dia tidak akan setuju.

Jadi, saya hendak nyatakan bahawa 33, yang telah dirancang dan disusun begitu baik oleh kerajaan kita, adalah lebih baik daripada yang dicadangkan pada 16B. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Sudah habis?

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Noh bin Omar:** Tidak, saya hendak beri jalan. Saya tidak takut!

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah buat satu pengakuan (confession)?

**Tuan Noh bin Omar:** Saya hendak cakap, you ni sudah nyanyuk. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah baca usul. Kita semua dengar, dia suruh baca sekali lagi. Itu saya cakap, dia yang pekak, dia yang buta tetapi dia kata kita. Ini dia pekak, dia buta, dia tidak faham apa yang saya cakap. Bukan macam DAP hendak cakap belit-belit, straight forward kita cakap. Jangan hendak berpusing-pusing. Saya hendak ulaskan bahawa 33 ini lebih baik dan lebih tersusun, berkesan untuk dilaksanakan. Tadi dia ada tanya macam mana perlaksanaan dibuat, dia kata: “Adakah boleh dilapor sahaja, BPR akan siasat?” Kalau macam ini, dilapor sahaja, BPR akan siasat - letih BPR. Letaklah dua, tiga ribu anggota BPR, tidak akan boleh siasat sebab nanti pembangkang kerja dia, duduklah di luar Parlimen dia tengok, Ahli Parlimen Tanjong Karang pakai Mercedes - report! Kita semua ada 192 Ahli Parlimen, tolak pembangkang dia akan report.

Kemudian pegawai-pegawai kerajaan yang dia tengok lebih sedikit, dia akan report. Macam kata Kubang Kerian semalam, konduktor bas yang dapat duit lebih pun kena report, jangan kata Ahli Parlimen. Jadi, kalau ini konsep dan fahaman seorang Ketua Pembangkang mengenai memahami ini, sudah berapa kali buat round table, round table I, II dan macam-macam buat, pun tidak faham-faham lagi. Mestilah ada cara kita membuat laporan. Misalnya ada laporan mengatakan, okay, Ahli Parlimen ini ada dua juta, mestilah

tunjukkan bukti ada dua juta, tiga juta mestilah tunjukkan bukti barulah kita boleh siasat.

Jadi, saya amat berharap dan ingin memberi amaran kepada pembangkang jangan sekali-kali gunakan Seksyen 33 ini untuk kepentingan politik pembangkang. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, .....*[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Kepong tidurlah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Fasal 16 yang sedia ada dan juga 33 adalah tidak cukup untuk menangani masalah peralihan aset yang tidak dapat dijelaskan dan kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang mempunyai Mercedes atau apa sahaja yang boleh diterangkan dan itu daripada waris dia ataupun daripada punca yang sah tidak jadi masalah. Kita pun tidak mahu mengambil tindakan.

Ha, tidak payah takutlah! Kalau semua itu sah dan semua itu diperolehi dengan cara yang betul, tidak payah takut, cuma saya setuju dengan pindaan ini kerana bagi saya setelah membaca beberapa kali kesalahan mengguna kedudukan untuk mendapat suapan dan juga mengenai 33, terutamanya 33(3) mengenai kuasa Pendakwa Raya untuk mendapat maklumat dan sebagainya bagi saya ini memang tidak mencukupi, tetapi adalah lebih baik daripada undang-undang yang sedia ada. Satu kemajuan sebab sekurang-kurangnya

Yang Amat Berhormat menyedari bahawa kita perlu mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang mendapat suapan ataupun aset yang tidak dapat dijelaskan mengikut rang undang-undang ini dan selepas penguatkuasaannya mungkin Yang Amat Berhormat mempertimbang semula bahawa peruntukan-peruntukan yang telah diwujudkan ini tidak mencukupi untuk menangani masalah dan sebab itulah saya sokong pindaan ini bahkan juga susah untuk kita membuktikan - sangat susah! Bagaimana seseorang itu mendapat hadiah ataupun suapan yang dimaksudkan itu. Saya berharap semua Ahli Parlimen yang tidak melakukan kesalahan itu, saya percaya semua yang tidak melakukan kesalahan terhadap rang undang-undang ini akan menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada apa-apa hendak tambah Yang Amat Berhormat?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Pertamanya, kita bincang peringkat Jawatankuasa, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali pembangkang menghormati Parlimen. Semasa peringkat Jawatankuasa jangan banyak merujuk dan menyeleweng ke bahagian-bahagian yang lain. Dan saya rasa tidak boleh kita pertikai semangat perbahasan. Selama ini kita beri masa dan waktu yang panjang dan kebebasan yang cukup luas.

Merujuk kepada 16A saya telah jelaskan sebenarnya semangatnya sudah terkandung dalam Perkara 33, bahkan Perkara 33 juga mengambil kira

peruntukan Seksyen 10 dalam undang-undang pencegahan rasuah Hong Kong, cuma bezanya adalah kita ada mempertahankan prinsip perundangan dan sebab itu bila saya tanya dan rujuk perkara ini. Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tidak bersedia untuk bangun kerana profesion guaman umumnya merasa bimbang kalau ada resersal principle tersebut. Dan kita ada ini sebenarnya dari segi mempertahankan peraturan, prosedur supaya lebih terkawal dan teratur. Dan ini sahaja yang kita perlukan, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat terutama dari Kota Melaka berulang kali membangkitkan soal kes-kes spesifik dan saya rasa kesal kerana seluruh usaha kita sekarang ini ialah meningkatkan kewibawaan dan kredibiliti Badan Pencegah Rasuah. Kita tahu bahawa Badan Pencegah Rasuah dengan peruntukan rang undang-undang ini cukup 'kukunya' dan kuasa untuk mengambil tindakan dan saya tidak pertikai sama sekali keupayaan mereka walaupun undang-undang dan soal rasuah ini berhubung dengan prinsip keadilan dan moral, bezanya dengan pembangkang ialah dia buat tuduhan dan dia hukum.

Saya mengatakan di sini bahawa sesuatu tuduhan ada kes-kes yang rumit, seperti PERWAJA, tanya sahaja, kalau salah tangkap. Tetapi bila kita tanya BPR dan tekan, mengapa laporan belum siap, dia ada alasan-alasannya kena ada kerjasama institusi, syarikat dan orang yang berkenaan di negeri yang berkenaan, negara luar dari Malaysia yang akan memberikan kerjasama dan ini tidak. Sebab itu saya fikir kita harus adil, jangan kita baca kenyataan akhbar

kemudian buat kenyataan akhbar dan kita hukum. Nasib baiklah, kalau tidak malang bagi rakyat Malaysia kalau DAP perintah. Dia tuduh dan dia hukum.

*[Tepuk]*

Dalam kes ini, termasuk kes yang melibatkan anak Menteri Pengangkutan, saya rasa maksimum yang kita boleh harapkan ialah kesediaan yang didakwa/dituduh dan kesediaan menteri berkenaan buat kenyataan terbuka, memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada BPR. Saya anggap ini kenyataan yang tegas dan berani, lebih daripada itu siapalah kita hendak buat hukuman sebelum BPR selesai dengan siasatan. Saya tidak peduli dia ada wang dan dia salah, dia kata dia akan beri kerjasama. Saya tidak peduli kerjasama itu. Dia adalah salah. Ini bezanya penmbangkang dengan kerajaan yang adil. *[Tepuk]* Kota Melaka bangkitkan juga kes yang melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dari maklumat dan kenyataan Peguam Negara, walaupun ada kes iaitu berkaitan dengan soal-soal yang boleh ditanya dan disiasat tetapi dia kata tidak cukup untuk dibawa dan didakwa. Bagaimana untuk saya menyatakan keadaan yang lebih daripada itu kerana ia berbeza dengan kenyataan umum, menteri meluluskan dengan bila siasatan dibuat kerana ada kaedah, prosedur dan jawatankuasanya keadaan di mana beliau meluluskan.

Saya tidak mempertahankan apa-apa kes spesifik, cuma saya hendak katakan tidak adil kita gunakan Parlimen, kita sebut satu kes, kita hukum orang yang disiasat. Kita tidak peduli sama ada ada prinsip keadilan atau tidak ....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia tidak beri jalan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** .....bahawa semangat undang-undang ini .....

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh minta jalan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tidak boleh Yang Berhormat, dia tidak beri!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** ....semangat dari rang undang-undang ini bukan rang undang-undang yang memberikan laluan kepada kita untuk gunakan undang-undang ini mencekik, menghina dan mengaibkan orang. Rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang menampakkan ketegasan kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ambil keputusan sama ada saya memangku dua bulan atau tidak, semua keputusan kita buat bersama dalam Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ketiadaan dia, saya pengerusikan. Tetapi nyata bahawa semangat yang kita buat ialah untuk memastikan bahawa amalan rasuah dibanteras di negara ini.

Saya ambil kesempatan berganjak sedikit, beralih sedikit daripada Jawatankuasa ini kerana sudah berulang kali saya sebutkan kepada mereka untuk hormat prinsip peraturan dan committee stage, peringkat Jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, saya ingat sudah cukuplah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana saya ada sebut satu kes mengenai .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tahu dalam Jawatankuasa boleh tetapi pertimbangan Pengerusi mengikut masa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, saya mahu tahu dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sahaja. Oleh kerana tadi saya ada sebut satu kes yang mustahak, bukan, it is practical mengenai pemakaian Seksyen 33(3) di mana seorang yang ada bukti bahawa seorang ada RM100 juta luar daripada emolumen beliau, bolehkah beliau pergi buat laporan kepada BPR - bukan tanpa bukti, ada bukti yang cukup. Okay, yang pertama, adakah beliau boleh buat laporan kepada BPR? Kedua, bolehkah BPR di bawah undang-undang yang kita ada ini memulakan siasatan? Ha, itu saya mahu tanya, semua bukti yang ada bahawa dia ada lebih jauh daripada 'known means of income', seratus peratus kali lebih daripada 'known means of income'. Bolehkah laporan dibuat dan lebih mustahak, apabila laporan dibuat bolehkah BPR di bawah undang-undang ini memulakan siasatan?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya rasa peruntukan kita jelas. Sebaik sahaja dilapor dan diberikan maklumat, tidak ada sebab mengapa BPR melengah-lengahkan siasatan. Saya tidak faham apa sebenarnya yang dikaitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong? Apakah maknanya bahawa sekiranya kita beri laporan bahawa orang itu mengumpul RM100 juta lebih, padahal ia tidak mampu mengumpul sedemikian, maka BPR tidak melakukan siasatan. Tidak benar sama sekali, peruntukan yang diberikan ialah membolehkan peruntukan tidak ada sebelumnya, Yang Berhormat dari Tanjong boleh akui - terpaksa akui bahawa peruntukan ini walaupun ada di satu, dua buah negara tertentu tidak ada umumnya di mana-mana negara membangun di dunia dan ini dimulakan di Malaysia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tanya oleh kerana Seksyen 33(3) tidak 'come into play' sehingga Seksyen 33(1) 'come into play' dan undang-undang sekarang tidak berbeza daripada undang-undang yang kita mahu gantikan di mana seorang yang ada kekayaan luar biasa tidak menjadi kesalahan rasuah. Sebab itulah saya tanya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, Seksyen 33(1) cukup jelas. Yang dimaksudkan di sini "izin Pendakwa Raya" ialah "pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar" - Itu adalah prosedur yang ditetapkan tetapi siasatan dan hak BPR untuk memulakan siasatan itu tidak tergugat sama sekali dengan peruntukan ini. Yang kita tetapkan ialah sebaik sahaja pernyataan yang dikehendaki tentang ikrar ataupun sumpah untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki tentang

harta alih atau tak alih, keseluruhannya yang terperinci di bawah Seksyen 33(1)(a)(i) adalah untuk memastikan bahawa prosedur ini dihormati.

Tuan Pengerusi, kita juga tahu bahawa kalaulah peruntukan pada peringkat awal kita tetapkan Ketua Pengarah BPR boleh menyiasat, ada kuasa Pendakwa Raya, ada kuasa untuk menggunakan semua peruntukan, Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti Pembangkang juga akan bangun dan mengatakan bahawa ini akan merupakan satu bentuk ‘power crazy’ menumpukan kuasa pada satu orang sepertimana tuduhan yang sama kepada Peguam Negara. Now that kita betulkan supaya kita ada ‘check and balance’ dia kata “look, ini dilution of the power of the D-G”, mana buat pun - ‘bor’, kena punyalah! *[Ketawa]*

Jadi, sebab itu saya katakan prinsipnya yang tidak boleh dipertikaikan oleh parti Pembangkang ialah bahawa kita masukkan, incorporate dalam provision undang-undang ini peraturan dan kuasa yang cukup kuat. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tanjong terkeluar daripada pertimbangan politik parti, tidak boleh dinafikan bahawa peruntukan ini - Seksyen 16 dibaca sekali gus dengan Seksyen 33 merupakan peruntukan yang cukup kuat dan saya belum tahu mana-mana negara membangun atau berkembang yang memperkenalkan peruntukan seperti ini - kukuh dan kuat dalam undang-undang pencegahan rasuah. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat] :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti manayang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 16B - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang tambahkan Seksyen 16B seperti berikut:

***“Declaration of Assets by Members of Parliament***

*16B. (1) Every member of Parliament shall furnish to Parliament which shall be kept in a register accessible to the public, a sworn declaration of assets, income and liabilities.*

(2) *A declaration shall be furnished pursuant to sub-section (1) within three months of becoming a Member of Parliament in respect of his assets, income and liabilities for the year ended on the previous 31st December;*

*and thereafter on the 31st December in each year that he is a Member of Parliament, in respect of his assets, income and liabilities as at the 31st day of December in that year, so, however, that a declaration required to be furnished on the 31st day of December in any year shall be deemed to comply with the requirements of this sub-section if it is furnished before the 1st day of March next following that date;*

(3) *Every declaration furnished pursuant to this section shall be verified by sworn affidavit as to the truth and accuracy of the contents of such declaration.*

(4)(i) *A declaration required under this Act shall include such particulars as are known to the declarant of the assets, income and liabilities of himself, of his spouse and of his children:*

*Provided that -*

(a) *if the spouse was not ordinarily living with the declarant for a continuous period of three months during the period in relation to which the declaration is made; or*

(b) *if a child of the declarant was not ordinarily living with the declarant at any time during the period in relation to which the declaration is made;*

*the particulars required to be furnished by this sub-section shall be limited to assets held by the spouse or child (as the case may be) in trust for, or as agent of the declarant.*

(ii) *A declaration may be accompanied by a statement of affairs certified by a chartered accountant if the declarant so thinks fit.*

(iii) *Where a Member of Parliament holds money or other property in trust for another person, he may so state in his declaration, but shall not be required to disclose the terms of the trust.*

- (iv) *For the purposes of a declaration under this Act, the income, assets and liabilities of a Member of Parliament include the income, assets and liabilities acquired, held or incurred by any other person as his agent or on his behalf.*
- (5) *Any Member of Parliament who*
- (a) *fails without reasonable cause, to furnish a declaration under this section; or*
- (b) *knowingly makes any false statement in such declaration,*  
*shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding RM20,000 or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both such fine and imprisonment”.*

Tuan Pengerusi, saya terperanjat apabila Yang Berhormat dari Tanjong Karang berkata bahawa cadangan ini - Seksyen 16A dan 16B ditujukan targetnya ialah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, Menteri-menteri, Exco-exco, seolah-olah dia ada buat ‘confession’ bahawa Menteri-menteri, Ahli-ahli Exco dan mungkin Ahli-ahli Barisan Nasional boleh tertangkap kalau ada 16A, 16B, kalau mereka ‘innocent’, apa takut, nampaknya mereka takut! Oleh kerana takut kalau Seksyen 16A dan 16B diadakan, mereka boleh kena, boleh ditangkap, dibawa ke mahkamah, dipenjarakan. Sebab itu saya kata ini satu ‘confession’ - ‘confession of fear’ dan apa yang kita dengar bahawa nampaknya apa yang kita luluskan khasnya oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ialah ‘doing the country a great favour, a great service’ - ini tanggungjawab kita, kalau kita mahu satu masyarakat yang bersih, sama ada Seksyen 16A atau 16B, kita sokong. So kita sokong rang undang-undang ini - Anti-Corruption Bill bukan oleh kerana kita ‘doing the nation a great favour’, ini tanggungjawab kita.

Kenapa nampaknya masyarakat dan negara perlulah tunjukkan gratitude kepada kita. Tidak! Ini tanggungjawab kita dan sebenarnya peruntukan ini adalah sangat mustahak sama ada Seksyen 16A atau 16B adalah dua peruntukan yang sangat penting kalau kita mahu usaha kita membanteras rasuah berjaya. Sebenarnya ini bolehlah disifatkan sebagai ‘sunshine legislation’ di mana matahari boleh menerangkan segala tempat-tempat yang ‘dark and black’, sebab itu saya boleh katakan sebagai satu ‘sunshine provision’ - kedua-dua boleh meletakkan negara kita sebagai satu tempat yang tinggi di dunia

dan menjadi contoh, Anti-Corruption Law kita menjadi contoh untuk seluruh dunia sama ada yang sedang membangun atau yang sudah membangun.

Oleh kerana akhirnya kalau kita mahu berjaya dalam kempen membanteras rasuah, kita kena tunjukkan 'political will' pucuk pimpinan atas, tinggi dan termasuk Ahli Parlimen. Kenapa kita tidak rela untuk memberi satu teladan untuk declare assets, income, liabilities yang menunjukkan kita boleh membuat satu teladan. Saya buat cadangan ini bukan oleh kerana kita syak wasangka, kita suspect sesiapa corrupt, tidak! Bukan untuk target sesiapa tetapi apabila ada orang rasa mereka jadi target, something is wrong! Saya tidak pernah ada hasrat target cadangan 16A atau 16B terhadap sesiapa tetapi apabila seorang Ahli Parlimen boleh berdiri dan kata dia rasa dia target, apa ertinya ini? Dan itulah sangat mustahak supaya apa-apa keterangan mengenai ketelusan, transparency ada dibuat.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkata apa yang kita boleh mengharapkan selain daripada semacam kes tadi ada disebut kes Lim Hee Leong - selain daripada seorang menteri yang disabit kata dia rela bekerjasama dengan BPR, saya rasa ini tidak cukup! Ini tidak cukup! Kata rela bekerjasama dengan BPR sahaja tidak cukup oleh kerana dia pun ada satu tanggungjawab, akauntabiliti kepada rakyat bagaimana peristiwa itu berlaku.

Yang Berhormat dari Senai ada tanya mengenai kenapa saya buat laporan. Saya buat laporan oleh kerana saya di 'provoke' oleh Yang Berhormat dari Labis. Dia buat satu tuduhan bahawa saya ada melakukan rasuah oleh kerana kutip wang di Teluk Intan, saya kata, baik, sama-sama pergi ke BPR, beliau boleh buat laporan panggil BPR siasat sama ada saya lakukan rasuah kutip RM3 juta masuk poket RM2.9 juta dan saya buat laporan bagaimana Lim Hee Leong, 27 tahun boleh dapat RM1.2 bilion harta korporat dalam tiga bulan tanpa corporate track record. Ini fair and square!

Kenapa Yang Berhormat tidak berani pergi ke BPR? Lagi boleh pergi tetapi yang mustahak ialah kenapa perkara ini Yang Berhormat mahu hide - tutup di bawah. Oh, saya akan cooperate dengan BPR oleh kerana dia ada satu lagi tanggungjawab kepada orang ramai, akauntabiliti. Bagaimana ini boleh berlaku?

Sebab itu saya tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berkata bahawa rela bekerjasama dengan BPR, cukup! Cukup, selesai tanggungjawabnya! Tidak, tidak

cukup untuk selesai tanggungjawab, akauntabiliti, ketelusan kepada orang ramai bagaimana anaknya boleh dalam tiga bulan tanpa track record RM1.2 bilion corporate position. Tidak cukup!

Sebab itu kita mahu declaration of assets dan di sini saya rasa mustahak. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh ambil ingatan kenapa apabila saya cadangkan Seksyen 16A dan 16B baru, ada Ahli Parlimen Barisan Nasional rasa mereka menjadi target. Mereka takut, mereka kata, inilah cadangan DAP untuk nab mereka, kenapa ada ini? Adakah ini bererti mereka ada perkara yang perlu disiasat? Saya harap BPR boleh ambil perhatian. Orang yang rasa takut tentulah ada masalah, patut dapat disiasat, start dengan Yang Berhormat dari Tanjong Karang kenapa dia takut? Saya tidak tahu. *[Ketawa]* Langsung bukan untuk dia, tetapi dia takut.....

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh, boleh.

**Tuan Noh bin Omar:** Sudah habis?

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, tetapi saya beri jalan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang bukan hendak minta laluan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan mahu minta laluan?

**Tuan Noh bin Omar:** Kalau beri jalan, sila duduk.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tak ada, tak ada. Di sini saya harap bahawa kedua-dua tambahan seksyen ini jangan dianggap sebagai targetting sesiapa, tetapi untuk membuat satu landasan system basic national integrity. Ini mustahak, oleh kerana saya baru dapat laporan supaya kita boleh mengadakan sistem national integrity yang baik, yang boleh jadi teladan semua negara bangun atau sedang membangun (develop atau developing). Kedua-dua Seksyen 16A dan 16B ini mungkin hari ini tidak boleh diterima, tetapi ia adalah dua pre-conditions sunshine legislation yang membolehkan Malaysia as a model nation, model Anti-Corruption Law for all developing and develop nation. Thank you very much.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Belum lagi, Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong, sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak mula mukadimah ini dengan pepatah Melayu mengatakan, ‘bapa borek anak rintik’, inilah yang ada pada DAP.

Saya hendak mengulangi dan saya cabar Yang Berhormat Ketua Pembangkang, pada masa pembentangan bacaan kali kedua, bila saya bangun mempertahankan Seksyen 20, Yang Berhormat telah memusing mengatakan bahawa Seksyen 20 itu ditujukan kepada Yang Berhormat. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat takutkah dengan Seksyen 20 ini? Tadi Yang Berhormat mengatakan Seksyen 33 itu saya takut. Jadi, kalau bercakap berputar balik, berputar balik ini susahlah jadi Ahli Parlimen. Saya tadi mengulangi, sebab itu lagi sekali saya cabar. Hari Isnin kita tengok *Hansard*. Yang Berhormat sendiri yang menuduh tadi, Exco A, Exco B, Menteri A, Menteri B. Apakah dengan menyebut Exco A, Exco B, mengapa tidak mahu cakap Ahli Parlimen DAPkah, Ahli Parlimen PASKah? Mengapa ditujukan kepada Menteri dan Exco? Siapa Menteri dan Exco ini, DAPkah? DAP mana ada chance hendak jadi Menteri? Menteri ini semuanya daripada Barisan Nasional.

Saya memetik dan mengulangi apa Yang Berhormat cakap. Jadi, Yang Berhormat, jangan ingat macam anak Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan kita pekak dan buta. Sebab kita tidak pekak dan tidak buta inilah kita bangun beritahu Yang Berhormat supaya Yang Berhormat boleh memahami apa Yang Berhormat cakap.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh mengenai cadangan yang dibuat. Cadangan daripada parti pembangkang ini dia hanya sekadar buat cadangan tanpa memikirkan akibat sama ada rasional ataupun tidak dengan cadangan yang dibuat. Kalau cadangan ini betul, mengapa hanya suruh Ahli-ahli Parlimen sahaja declare, mengapa ADUN-ADUN tidak declare? Tetapi di dalam definisi ‘anggota badan awam’ termasuk Ahli Parlimen, termasuk ADUN. Ini menunjukkan kerajaan lebih jauh memikirkan kesan-kesannya, sebab akta ini bukan dipakai oleh Ahli-ahli Parlimen sahaja, ADUN pun akan pakai.

Kalau kita tengok daripada kuasa-kuasa kita, ADUN lebih banyak kuasa daripada kita. Kita sebagai Ahli Parlimen dalam Jawatankuasa Tanah pun tidak duduk, Jawatankuasa Majlis Perbandaran

pun tidak duduk, Jawatankuasa Majlis Daerah pun tidak duduk. ADUN itu semua jawatankuasa dia duduk, kalau hendak dikira, tidak kira Parlimenkah, ADUNkah, mesti sama sepertimana yang telah dibuat oleh kerajaan. Sebab itu saya nyatakan tadi bahawa kita tidak takut. Kalau kita takut, kita Ahli Parlimen yang ramai ini boleh menolak Ahli Parlimen dan ADUN ini masukkan sebagai anggota badan awam, tetapi kita bersedia dan menyokong.

Tuan Pengerusi, saya hendak nyatakan cadangan Ahli Parlimen ini, saya rasa Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen ini sudah pun declare aset dia, malah Kerajaan Negeri Selangor pun tidak payah disuruh, semua ADUN sudah declare.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Rompin bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hendak bertanya sedikit. Katakanlah kita tidak ada Seksyen 16 ini yang Ketua Pembangkang cuba cadang hendak jadi juara politik kononnya boleh mendapat satu mileage politic dengan rakyat. Adakah peruntukan-peruntukan yang ada yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cukup mendakwa kalau ada di kalangan Ahli Parlimen yang disyaki rasuah. Adakah peruntukan yang ada cukup atau tidak? Kalau cukup, bermakna tidak perlu ada Seksyen 16. Seksyen 16 ini Ketua Pembangkang sudah tidak ada modal, bercakap pun bukan cara dahulu. Ini bila bercakap satu benda, macam ada satu nyawa baru. Ini benar-benar kata dapat satu pulangan politik yang murah. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju, kalau tidak ada Seksyen 16 ini, akta ini lebih daripada cukup. Saya difahamkan ini akta yang paling keras sekali. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan tadi bahawa tidak ada dalam dunia pembangunan dan negara membangun yang keras macam ini, hendak apa lagi? Seolah-olah bila pemikiran mengatakan rasuah ini bagi otak DAP - Ahli Parlimen, politician.

Kita hendak tanya DAP ini, daripada mana dia dapat duit untuk mengendalikan parti dia? Berapa ramai ahli DAP, dengan pejabatnya, ada pentadbirannya, duit daripada mana dia dapat? Boleh kita suruh BPR siasat DAP daripada mana dia dapat? Declare, kalau berani, daripada mana dapat duit? *[Tepuk]* Hendak harap elaun daripada 30% dipotong daripada gaji ataupun elaun Ahli-ahli Parlimen,

berapa orang Ahli-ahli Parlimen DAP kalau 30% sekalipun gaji kakitangan semua? Elaun wakil rakyat kita pun sama. Ketua Pembangkang lebih berapa daripada saya? Lebih sedikit sahaja daripada saya. Saya yang Ahli Parlimen biasa ini pun rasa-rasa hendak maintain pejabat, hendak bayar gaji kerani, hendak bayar gaji staf kita dua tiga orang pun rasa-rasa sudah kering poket. Ini Ketua Pembangkang lebih RM500 daripada Ahli Parlimen biasa hendak tunjuk berlagak macam banyak duit. Kita hendak cabar di mana DAP dapat duit? Mungkin ada unsur-unsur luar yang memang ada daripada luar negarakah yang memang menanam jarum-jarum supaya DAP ini hendak meracun pemikiran rakyat Malaysia. Jadi, jangan terlalu mudah memikirkan bahawa Ahli-ahli Parlimen, politician, termasuk Yang Berhormat ini mudah terlibat di dalam rasuah.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong dan tidak bersetuju dengan cadangan yang dibuat. Akta yang sedia ada sudah cukup lengkap dan cukup keras untuk dilaksanakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik. Yang Berhormat Kepong. Tetapi sebelum Yang Berhormat Kepong berucap, inginlah saya memberi nasihat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas nanti, kalaulah ada sesuatu yang bersabit dengan politik kepartian itu, saya rasa itu tidak ada kena-mengena dengan peruntukan yang kita bahaskan. Cukuplah, Yang Berhormat, setakat ini, berbalik kepada apa yang kita hendak bahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini bukan politik kepartian. Saya hendak ucapkan holistik dan menyeluruh, termasuk.....[Disampuk] [Ketawa] Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat diingatkan, sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang saya setuju. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang menyarankan supaya DAP mengisytiharkan aset-aset DAP, saya setuju, jadi kita buka, bukan kepartian. Semua parti politik termasuk UMNO, MCA, Gerakan, kita mengisytiharkan harta, jadi bukan politik kepartian. Ini politik keseluruhannya. Itu caranya. Dan Yang Berhormat Rompin pun sangat aktif di dalam komersial. Mungkin kita anggap dia isytiharkan harta ini, dia takut sedikit.....

**Seorang Ahli:** Dengkikah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payah takut, Rompin. Kalau benar-benar tulus, benar-benar.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kita tidak ada masa untuk melayan apa yang tidak ada berkaitan dengan tajuk.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang berkaitan, ini mengenai pengisytiharan aset Ahli Parlimen dan aset saya, aset Rompin, Tanjong, Tanjong Karang dan semua aset kita mesti isytiharkan.

Tuan Pengerusi, sebab semangat.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Apa masalah, coxsackiekah? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dua perkara daripada Yang Berhormat Kepong. Pertama, niat dia bangun ini sama ada hendak menyokong ini ataupun terpaksa bercakap kerana Ketua Pembangkang dia buat usul pindaan ini? Saya ingin menerangkan kepada beliau bahawa niat kerajaan membuat akta ini adalah untuk membasmikan rasuah di negara ini, tetapi pindaan ini adalah dengan niat jahat tertentu kepada sesuatu parti. Bukan niat untuk kepentingan negara, tetapi niat untuk kepentingan diri. Saya selalu katakan dalam ucapan saya dahulu, niat itu tidak berapa bagus, daripada tadi saya tengok semua pindaan ini adalah dengan niat yang tidak berapa baik. Saya ingin penjelasan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya akan jelaskan dengan sejelas-jelasnya, ini bukan niat persendirian, bukan niat DAP sahaja, ini niat nasional. Memang niat nasional, kita ada semangat. Saya setuju Yang Amat Berhormat, ini satu langkah yang baik. Dan bukan sahaja baik, Fasal 16 dan Fasal 33 memang menuju ke arah yang betul. Walau bagaimanapun, ini bukan satu rang undang-undang yang begitu sempurna, seolah-olah ada Ahli-ahli Parlimen yang kata ini sempurna seperti al-Quran.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan.....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kita tidak ada masa untuk bercakap dasar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya faham. Saya pun tidak ada masa juga. *[Ketawa]* Cuma itu sahaja, saya sokong pindaan ini. Saya berharap 'Pokok Angsana' pun boleh sokong, kerana dia kata niat baik, niat suci, niat yang hendak menyaksikan rang undang-undang ini dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan berkesan. Kita semua di sebelah sini menyokong pindaan ini atas satu prinsip

utama. Kita hendak semua lapisan masyarakat mengamalkan budaya antirasuah. Kita hendak BPR berlaku dengan adil dan dengan berkesan. Yang pertama, kita Ahli Parlimen tunjukkan kita tidak ada hendak sembunyi, aset daripada Rompin, Kepong, Tanjong ataupun Permatang Pauh boleh semua kita umumkan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Rompin bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada masa, mengikut Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sedikit sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sedikit ya, kita demokrasi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab Yang Berhormat Kepong menyokong usul pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tanjong. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Kepong, Seksyen 16 (4) (iii) di mana kalaulah wang itu dipegang oleh satu orang yang lain, dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin:

*“(4) (iii) Where a Member of Parliament holds money or other property in trust for another person, he may so state in his declaration, but shall not be required to disclose the terms of the trust.”*

Ini mengandaikan macam DAP ini mungkin dia ada wang yang dipegang dalam trust, sebab itu usul dia berbunyi seperti begini.

Saya hendak bertanya sedikit, kalau benar-benar apa yang dalam hati yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi, boleh dalam menyokong Yang Berhormat Kepong, saya tidak bersetuju, tetapi Yang Berhormat Kepong menyokong, bolehkah diterangkan subseksyen (4) (iii) ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Oh, subseksyen (4) (iii). Tuan Pengerusi, sebab banyak angka yang dia sebutkan, saya hendak tengok - ha, (4) (iii).....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan supaya Yang Berhormat Rompin boleh buat pindaan, kita akan terima. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Boleh pindahkan ke atas pindaan ini, kita akan terima.

Tuan Pengerusi, saya nampak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun tidak begitu sabar lagi mengenai gangguan seumpama ini.

Tuan Pengerusi, saya dengan prinsip yang utama kita hendak melaksanakan satu undang-undang yang baik walaupun ada kecacatan sedikit di sana-sini, tetapi kita mesti tunjukkan sebagai Ahli Parlimen, kita benar-benar beriltizam. Satu cara untuk menunjukkan kita beriltizam ialah kita mengisytiharkan harta kita sendiri. Ahli-ahli DAP pun walaupun ada.....

**Tuan Ahmad Husni**

**bin Mohd. Hanadzlah:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tunjuk apa, Tuan Pengerusi. Ada pertunjukan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, saya berharap....

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada sebarang point yang barukah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya memang ada point baru, tetapi ada pertunjukan di situ.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tambun.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tak payahlah dilayan sangat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya. Saya tidak mahu layan, saya tengok Tuan Pengerusi, ya. Saya berharap semua Ahli Parlimen ikhlas mengenai hasrat kita beriltizam mengatasi masalah korupsi di negara ini. Dengan itu, saya berharap semua ahli Parlimen boleh sokonglah. Kita isytiharkan semua aset Ahli Parlimen dan kita tunjuk kepada negara, tunjuk kepada dunia begitu berkesan Dewan Rakyat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Senai. Selepas itu.....

**8.31 mlm.**

**Tuan Lim Si Cheng [Senai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan supaya apa yang dibentangkan oleh Ketua Pembangkang itu ditolak, kerana apa yang dibentangkan oleh beliau adalah dengan niat tidak baik, niat tidak bagus, tidak jujur. Sebenarnya kepada saya kebersihannya dipersoalkan, beliau 'cakap tak serupa bikin.' Saya telah menerangkan beberapa kali, apabila pihak DAP mengadakan majlis makan malam, mereka akan bawa tong, bawa kotak minta derma, ada resit, ada akaun.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, itu pun saya pernah dengar kelmarin.

**Tuan Lim Si Cheng:** Jadi, saya ingin memaklumkan kita tidak boleh memberikan kepercayaan kita kepada mereka. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya apa yang dibentangkan ini ditolak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 17 - [Pindaan oleh Y.B. Timbalan Perdana Menteri]**

**8.33 mlm.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Pengerusi, saya pohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Perenggan (a) adalah dipinda untuk menggantikan tempoh minimum pemenjaraan daripada “enam bulan” kepada “empat belas hari.” Sementara peruntukan yang dicadangkan ini adalah berat, tetapi ada juga kes-kes yang kita tahu yang mungkin dianggap ringan. Oleh yang demikian, pemenjaraan minimum enam bulan itu dianggap terlalu berat bagi kes-kes yang ringan. Tetapi pindaan ini tidak bercadang untuk memperkecilkan masalah, kerana kita mahu supaya kesalahan yang besar itu mendapat hukuman yang setimpal, tetapi mengurangkan menjadi dua minggu atau empat belas hari ialah semata-mata untuk menjaga supaya prinsip keadilan itu dapat dilaksanakan bagi kes-kes yang didapati oleh hakim sebagai kes-kes yang melibatkan jumlah sabit kesalahan yang kecil atau jumlah yang rendah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang terbuka untuk dibahas. Tanjong.

**8.34 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Pengerusi, saya mahu tanya sahaja. Oleh kerana saya pernah buat satu pindaan mengenai seksyen yang sama, bolehkah kedua-dua dibahas sekaligus, oleh kerana sama seksyen atau satu demi satu?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Satu demi satu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kalau begitu saya tunggu pindaan saya.

**8.35 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menanya Yang Amat Berhormat, kecuali kes-kes yang didapati kesalahan itu sangat kecil, apakah rasional yang lain yang merangsangkan Yang Berhormat untuk mengurangkan kepada empat belas hari sahaja. Bolehkah terangkan?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, selain daripada rasional yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebut sebentar tadi kadangkala kita lihat bahawa wang jumlah suapan itu mungkin terlalu rendah, sehinggakan kadangkala mahkamah mengambil keputusan tidak mahu mengenakan enam bulan, dan mereka ini di'bound over'. Jadi, kita merasakan apabila di'bound over', maknanya kita tidak dapat untuk memerangi rasuah. Katalah sebagai contoh, kes di hadapan hakim itu suapan berjumlah RM1,000 dan hukuman yang rendah ialah enam bulan. Adakah kita merasakan kes suapan RM1,000 itu patut dikenakan dengan hukuman enam bulan?

Jadi, kadangkala ada hakim memikirkan bahawa RM1,000 punya hal hendak kena hukuman sampai enam bulan tidak kena. Apabila perkara seperti ini berlaku lazimnya kita lihat mahkamah akan bound over dan tidak dikenakan hukuman. Sebab itu kita turunkan kepada dua minggu, kerana kita hendak memastikan bahawa soal rasuah ini yang hendak dikenakan hukuman bukan sahaja mereka yang terlibat dengan jumlah beribu-ribu, tetapi yang RM1,000 itu juga merupakan suapan dan kita mahu mereka ini dikenakan hukuman dan tidak di'bound over' seperti yang berlaku di masa-masa yang lepas. Jadi, ini rasionalnya mengapa kita turunkan daripada enam bulan kepada dua minggu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya adalah seperti berikut:-

1. *Nomborkan semula sebagai fasal 16.*
2. *Gantikan perkataan "14, 15 dan 16" dalam nota birai dengan perkataan "14 atau 15".*
3. *Gantikan perkataan "14, 15 atau 16" dalam fasal itu dengan perkataan "14 atau 15".*

4. Dalam perenggan (a), gantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “empat belas hari”.

*The English translation is as follows:*

- “1. Renumber as clause 16.
2. Substitute for the words ‘14, 15 and 16’ in the marginal note the words ‘14 and 15’.
3. Substitute for the words ‘14, 15 or 16’ in the clause the words ‘14 or 15’.
4. In paragraph (a), substitute for the words ‘six months’ the words ‘fourteen days’.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### **Fasal 17 - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

##### **8.38 mlm.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Saya kemukakan pindaan kepada seksyen 17 berbunyi:

“17. Any person who is found guilty of an offence under section 10, 11, 13, 14, 15 or 16 shall on conviction be liable to a fine not exceeding one million ringgit or to imprisonment for a term not exceeding twenty years or to both.”

Ini sebenarnya ada bersangkutan-paut dengan pindaan tadi. Saya tidak begitu senang hati mengenai, pertama, peruntukan yang asal mengenai minimum mandatory jail sentence enam bulan. Sekarang sungguhpun ada dicadang sudah dipinda kepada 14 hari, saya pun tidak begitu senang hati oleh kerana kita patut memberi mahkamah budibicara atau discretion untuk menetapkan hukuman. Sungguhpun kita ada asas sampai sekarang mahkamah tidak cukup beri perhatian yang berat mengenai kes-kes rasuah, di mana kita ada statistik data-data yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam masa membentangkan usul rang undang-undang mengenai kes-kes satu hari sahaja penjara. Tetapi sungguhpun begitu, apa yang kita perlu ialah memberi satu mesej yang jelas kepada mahkamah bahawa rasuah ialah satu kesalahan yang berat. Mesej yang jelas oleh Legislature bahawa kita mahu perkara ini dipandang berat oleh mahkamah dan tidak patutlah melihat dengan ringan, dengan satu hari penjara kalau rasuah mensabit satu jumlah wang yang agak besar.

Tetapi untuk melucutkan discretion daripada mahkamah untuk menetapkan hukuman, saya rasa tidak begitu wajar dan munasabah, oleh kerana flexibility mahkamah patut dikekalkan. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi contoh RM1,000 - mungkin kalau enam bulan minimum mandatory jail sentence, mahkamah enggan jatuhkan hukuman itu dan menggunakan Seksyen 173A atau 294 dalam Criminal Procedure Code untuk 'bind over'. Inilah pindaan saya akan hujah kedua-duanya, saya tidak akan ulangi oleh kerana kedua-duanya ada berkaitan.

Yang pertama, sebenarnya kita tidak patut memberikan mahkamah satu ruang di mana boleh 'bind over' seorang yang sudah bersalah kerana corrupt practise. Kenapa 'bind over'? Dalam Police Act ada peruntukan yang jelas untuk jelaskan bahawa sesiapa yang salah di bawah Police Act tidak boleh di'bound over'. Sebenarnya peruntukan ini daripada Police Act yang dipinda pada tahun 1988. Ini lebih mustahak untuk kesalahan-kesalahan rasuah kalau ada seorang yang buat kesalahan rasuah tidak patut mahkamah boleh 'bind over'. Kenapa 'bind over', dia ada salah dalam rasuah. Selain daripada insuinating circumstances, dia sangat uzur, tidak boleh tahan penjara, kalau begitu kita patut boleh beri pertimbangan, bukan mahkamah, tetapi oleh clemency powers. Ini bidang yang lain, tidak patut oleh mahkamah.

Sebab itu saya ada cadangan dalam seksyen 17(a) bahawa tidak ada kecualikan "binding over powers" mengenai kesalahan-kesalahan rasuah. Tetapi mengenai hukuman principle, kalau amaan RM100, RM200 pun mahu penjara dua minggu, saya rasa mungkin tidak begitu setimpal. Ini akan menjadi satu masalah besar kalau kita tidak berjaya untuk even-handed pendakwaan dan hukuman semua orang yang bersalah. Mereka yang atasan antara 2 minggu ke- 20 tahun. Mereka yang patut dapat 20 tahun kalau mereka tidak ditangkap, mereka tidak didakwa, mereka dibebas, baru ikan bilis kena, dan semua ikan bilis kena dua minggu dipenjarakan. Mereka tentu rasa tidak adil. Bukan mereka dikenakan hukuman, tetapi oleh kerana ikan yu lepas. Mereka perlu menderita oleh kerana oppressive law. Kalau oppressive law dengan even- handedly administered, mereka pun tidak boleh buat apa-apa kompelin. Tetapi kalau tidak dijalankan, tidak dilaksanakan, dikuatkuasakan dengan adil, mereka akan lepas, tidak ditangkap. Bila tangkap dua minggu penjara sekurang-kurangnya saya rasa akan menimbulkan satu ketidakadilan sosial yang tidak begitu sihat. Sebab itu saya cadangkan bahawa beri discretion kepada mahkamah. Untuk denda kita rela tinggikan sehingga RM1 juta. Saya tidak tahu

kenapa ada orang yang tidak bersetuju, mereka kata apa guna RM1 juta denda. Oleh kerana ini sebenarnya RM1 juta denda bukan satu amaun yang besar apabila kita ada orang yang RM400 juta RM1.2 bilion dan sebagainya. Di Hong Kong mereka sudah berpuluh tahun ada HK\$1 juta fine, tetapi itu adalah 10 tahun dahulu. Sekarang kita patut adakan denda RM1 juta.

Akhirnya, saya rasa sangat kesal bahawa ada Ahli-ahli Parlimen rasa semua cadangan ini berniat jahat. Semua cadangan ini ialah untuk menjadikan rang undang-undang kita lebih baik, lebih sempurna, lebih berkesan. Apabila kita memandangkan mereka yang menentang rasuah sebagai oppositon-minded, mereka yang opposed rasuah sebagai opposed kerajaan, something is wrong with our country. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**8.45 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, apabila kita memerangi rasuah ini, ia bukan memerangi rasuah yang melibatkan ikan jerung sahaja, tetapi kita memerangi rasuah termasuk semua rasuah daripada yang atas sampai ke bawah. Jadi, sebab itu di sebalik daripada apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi, sebenarnya kita memberi ruang begitu luas kepada mahkamah untuk mengambil satu keputusan yang boleh menghukum semua orang iaitu mereka yang rasuah daripada atas sampai ke bawah, sebab itu kita tidak bersetujulah kalau dimasukkan Seksyen 17 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang jelas menampakkan iaitu bahawa kita hendak menghukumkan orang yang ‘jerung’ sahaja, tetapi yang ‘ikan bilis’ ini pun kerana walaupun kecil ia merupakan rasuah dan sebab itu kita mempertahankan iaitu supaya “enam bulan” itu diturunkan kepada “dua minggu” kerana kita hendak juga semua rakyat

Malaysia merasakan bahawa kerajaan berlaku adil kepada mereka dan tidak kerana mereka itu kaya dan mereka membuat rasuah yang besar, mereka sahaja yang menjadi sasaran kita. Rasuah ini daripada atas sampai ke bawah.

Jadi, sebab itulah kita sekali lagi saya suka menyebutkan iaitu bahawa kita sebenarnya memberi ruang kepada mahkamah untuk menghukum mereka yang terlibat dengan rasuah, sebab itu kita beri ruang yang seluas-luasnya iaitu daripada yang rendah dua minggu sampai maksimum 20 tahun. Jadi, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 17A - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan ditambahkan Seksyen 17A seperti berikut:

*“17A. Section 173A and Section 294 of the Criminal Procedure Code shall not apply in respect of an offence under this Section.*

Tadi saya telah berucap dan saya tidak mahu mengulangi lagi. Saya kemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang dibentangkan dalam Kertas Pemberitahu oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

**8.49 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tadi saya ada mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan walaupun dia menekankan begitu penting kita memperluaskan ruang untuk menjerat semua orang yang terlibat dengan rasuah sama ada yang kecil ataupun yang besar.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, denda yang dikenakan bagi orang-orang yang melakukan rasuah dengan besar-besaran tidak mencukupi, bahkan juga yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pun tidak mencukupi untuk dikenakan kepada orang-orang yang melakukan dengan seriusnya. Saya bukan maksudkan kepada ikan-ikan bilis sahaja, saya tujukan kepada jerung dan saya menyokong pindaan ini supaya kita boleh menunjukkan kepada dunia bahawa begitu seriusnya niat kita untuk membanteraskan semua ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Hendak jawab juga ya? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, sebenarnya ia melihat dari segi jumlah wang didenda sahaja, tetapi kalau kita

baca daripada hukuman itu, bukan sahaja denda, kemungkinan mahkamah boleh kena kedua-dua sekali.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Iaitu bahawa jel dan membayar denda. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kepong merasakan bahawa 20 tahun itu tidak cukup, saya ingat cubalah masuk dalam jel dalam lima, enam tahun, saya ingat serik juga. Jadi, saya rasa denda itu adalah berat dan jangan dilihat dari segi hanya jumlah sahaja kerana ia boleh dihukumkan kedua-dua sekali.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya pun pernah masuk dalam jel, saya tahu rasanya. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. Kadang-kadang mahkamah mengambil timbang kepada orang itu, jika sekiranya seorang pegawai kerajaan, dia kena berhenti kerja, jadi, sebab itulah patut ditimbang daripada segala segi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 17** sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 18 dan 19** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 20(1) - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, okay, sekarang Fasal 20(1). Saya mencadangkan Fasal 20(1) ini dipinda seperti berikut:

*Gantikan 'satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya' dengan 'sepuluh ribu ringgit' atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.*

Inilah mengenai false report di mana menjadi satu isu topik yang hangat masyarakat umum oleh kerana ia memberi satu effect, satu kesan menakutkan orang ramai daripada bekerjasama dengan BPR dan sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada memberi penjelasan dan pun jaminan bahawa Seksyen 20 tidak akan dipakai untuk apa-apa laporan yang dibuat kepada BPR, saya harap bahawa Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara dan BPR boleh menimbang semula perkara ini oleh kerana tidak begitu jelas.

Sungguhpun begitu, hukuman masih terlalu berat untuk seratus ribu ringgit dan sepuluh tahun, oleh kerana saya rasa kalau sepuluh ribu ringgit atau dua tahun sudah cukup berat dan tidak guna mengadakan undang-undang yang sangat berat yang akhirnya menakut-nakutkan orang ramai sahaja. Apa yang kita mahu ialah menggalakkan orang ramai untuk bekerjasama dengan ACA untuk membanteras rasuah dan ini sebenarnya satu isu yang menjadi fokus masyarakat dan saya harap boleh memberi pertimbangan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**8.55 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, .....

Ada bahasan?

**Tuan Noh bin Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil bahagian untuk berbahas Fasal 20(1).

**Tuan Pengerusi:** Tidak payahlah! Sudahlah. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya faham, saya tidak mahu menjelaskan dengan lebih mendalam lagi kerana telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong harus sedar iaitu bahawa prosedur yang dijalankan oleh ACA dalam menyoalsiasat terhadap mereka yang dituduh melakukan rasuah adalah satu prosedur yang tedious dan bukan satu prosedur yang mudah, tetapi sebenarnya ia boleh meninggalkan kesan psychological yang begitu mendalam.

Saya tidak mahu menyebut nama tetapi ada saya terima cerita di mana seorang pegawai, dia sudah bekerja selama 25 tahun di dalam civil service, dengan izin, kemudian dia telah dituduh melakukan rasuah dan prosedur soal siasat yang dijalankan oleh ACA ini begitu rapi, boleh berlaku dalam satu hari sampai sepuluh jam dan ini meninggalkan kesan psikologi yang begitu mendalam terhadap orang yang kena tuduh.

Akhirnya, kalau didapati bahawa ia tidak bersalah, kesannya itu akan masih lagi tinggal dengannya dan oleh kerana itu, kita harus juga mengambil kira perasaan orang yang kena disoal siasat yang akhirnya tidak bersalah disabitkan oleh kerana tuduhan yang tidak betul yang dilakukan terhadapnya.

Jadi, sebab itu saya rasa iaitu bahawa denda yang dikenakan sebanyak RM100,000 dan sepuluh tahun penjara itu adalah munasabah setelah kita

mengambil kira juga kesan psikologi yang mendalam terhadap orang yang dituduh palsu tetapi telah melalui proses tuduhan.

Jadi, sebab itu saya rasa bahawa kita akan pertahankan ini dan kita tidak terimalah cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 20 (4) - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya ditambahkan Seksyen 20(4) yang berikut:-

“20(4)

- (a) *Where any officer of public body suspects on reasonable grounds shows or tends to show that, in the exercise of a function conferred or imposed on the public authority or another public official, the public authority or public official has engaged, is engaged or proposes to engage in corrupt conduct under this Act, and makes a statement or disclosure to the Agency, such disclosure of information shall be protected from reprisals.*
- (b) *A person who takes detrimental action against another person that is substantially in reprisal for the other person making a protected disclosure is guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding RM100,000, two years' jail or to both.*
- (c) *In this subsection, “detrimental action” means action causing, comprising or involving any of the following:*

- (i) *injury, damage or loss;*
- (ii) *intimidation or harrassment;*
- (iii) *discrimination, disadvantage or adverse treatment in relation to employment;*
- (iv) *dismissal from, or prejudice in, employment; and*
- (v) *disciplinary proceeding”.*

Inilah satu peruntukan yang boleh disifatkan sebagai whistle blower provision untuk memberi perlindungan kepada mereka yang blow whistle mengenai apabila berlaku apa-apa corrupt practice, apa-apa kecurangan dalam perkhidmatan kerajaan supaya mereka dapat perlindungan dan tidak dianyai, jadi mangsa dan ada satu kes, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai negeri Pulau Pinang, Penang Labour Port di mana dua kakitangan yang memberi laporan kepada BPR mengenai penyalahgunaan kuasa dalam Penang Labour Port, kompelin mereka disampaikan kepada atasan, Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang dan mereka dikenakan tindakan tatatertib oleh kerana memberi laporan kepada BPR.

Saya rasa ini tidak patut berlaku dan kita perlu mencontohi negara-negara yang lain, yang ada whistle blowers legislation di mana menggalakkan kakitangan kerajaan untuk memberi laporan kepada BPR dalam kes mengenai

apa-apa peristiwa yang berbau rasuah dan di mana mereka ditahan dan diberi perlindungan bahawa mereka tidak akan menerima apa-apa konsikuen yang buruk dan ada peruntukan kalau mereka menghadapi detrimental action bahawa itu adalah satu kesalahan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

**9.00 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya menyokong pindaan ini atas sebab kita sekarang beriltizam dengan sesungguhnya untuk menguatkuasakan rang undang-undang untuk membanteras rasuah.

Dan salah satu cara untuk mengatasi masalah rasuah ini ialah melalui para pemberitahu dan para pemberi maklumat (whistle blower) dan di sini kita mesti ada undang-undang yang ketat untuk melindungi 'whistle blowers' ini dan Tuan Pengerusi, bukan sahaja kita hendak melindungi, bahkan juga mesti ada laporan mengenai perlindungan ke atas kes-kes 'whistle blowers' ini. Satu laporan setiap tahun dibentangkan untuk diketahui Parlimen, untuk diketahui umum bahawa peraturan untuk melindungi para pemberi maklumat ini adalah ketat dan tidak dapat dicabar oleh sesiapa sahaja. Sebab itulah saya perlu menekankan di sini bahawa dengan usaha kita untuk mempertingkatkan aktiviti membanteras rasuah, salah satu caranya ialah mementingkan peranan yang akan dimainkan oleh para pemberi maklumat ini (whistle blowers). Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak kerajaan merasakan bahawa perkara ini tidak perlu dimasukkan kerana ianya telah pun dirangkumi oleh peruntukan yang ada dalam Akta Pencegahan Rasuah ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat] :** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 20** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 21** - [*Pindaan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri*]

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Perenggan 21(1)(b) dipinda dalam teks Bahasa Kebangsaan bertujuan untuk memberikan padanan yang lebih tepat bagi ungkapan “preparatory to or in furtherance of”.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang ini terbuka untuk dibahas.

[*Tiada Perbahasan*].

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaannya seperti berikut;

*Dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan 1(b), gantikan perkataan ‘persediaan atau untuk membantu’ dengan perkataan “persediaan untuk atau untuk menggalakkan”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Fasal 21** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 22** - [*Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang tambahkan sub-seksyen (6) baru seperti berikut:

“6. Any person may make a complaint to the Agency concerning the commission of an offence under this Act. A letter to the Agency from a person in custody, confined in

*a hospital or in an institution under the control of a government body shall not be opened by any person other than an officer of the agency or a person authorized by the Agency, and the person in charge of the place where the correspondent is in custody or is confined shall make all facilities available that may be necessary to have the letter properly forwarded.”*

Tuan Pengerusi, cadangan peruntukan ini sangat ‘the self-explanatory’ untuk mereka khususnya dalam penjara atau dalam custody di mana mereka ada

kompelin-kompelin supaya kompelin mereka boleh disampaikan kepada BPR dan tidak di ‘hijack half way’. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ringkasnya saya setuju dengan pindaan ini kerana di dalam rang undang-undang tidak termasuk perkara ini yang begitu penting bagi sesiapa sahaja yang ditahan ataupun di dalam hospital ataupun di institusi awam dan perlulah kita beri satu saluran supaya surat mereka dapat disampaikan tanpa gangguan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, di bawah akta ini telah kita nyatakan bahawa segala aduan yang dibuat itu adalah dirahsiakan. Jadi, kita merasakan bahawa tidak perlu diadakan peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 22 - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan tambahkan Seksyen 22(6) baru seperti berikut:

*“22(6). The Agency may investigate the assets and properties of any public officer where there are reasonable grounds to believe that such public officer:-*

- (a) *maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emolument;*
- (b) *is in control of possession of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emolument;*
- (c) *is in receipt of the benefit of any service which he may reasonable be suspected of having receive corruptly or in circumstances which amount to an offence under this Act.”*

Peruntukan ini untuk memperkuat Seksyen 33(3) oleh kerana satu masalah besar ialah dalam undang-undang sekarang yang ada dan mengikut rang undang-undang yang baru kita luluskan mempunyai harta luar biasa bukan merupakan satu kesalahan rasuah bersih dan ini adalah untuk mengatasi segala masalah. Sungguhpun tadi saya ada bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai perkara ini, saya rasa ‘in law it is still an open question’ tetapi dengan peruntukan ini saya rasa kita boleh mengatasi segala masalah dan Seksyen 33(3) tidak akan menjadi satu ‘by and large’ or ‘dead letter’. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya sokong pindaan ini dan seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat dari Tanjong memang Seksyen 33(3) dan juga 16 tidak cukup jelas dan untuk memudahkan penguatkuasaannya, saya percaya tambahan Seksyen 22(6) ini memang diperlukan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, peruntukan di dalam rang undang-undang ini sudah mencukupi dan kita merasakan tidak perlu untuk ditambahkan dengan cadangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 22** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 23** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 24** - *[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang menggantikan “Pendakwa Raya” dengan “Ketua Pengarah”. Cadangan ini dengan cadangan-cadangan yang lain dalam bahagian (4) dan (5) ialah untuk menentukan bahawa Ketua Pengarah BPR adalah ‘operational independent’. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Sila jawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, perkara ini telah dijelaskan dengan begitu mendalam dalam perdebatan rang undang-undang ini dan saya tidak ada tambahan dan kita tidak bersetuju dengan cadangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 25 hingga 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-fasal 32 - 39** - *[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]*

**Tuan Pengerusi:** Ini ada pindaan kepada 32(1), 33, 34, 35, 36, 38 dan 39. Yang Berhormat Tanjong, oleh sebab kita telah bersetuju bahawa di bawah Seksyen 24 itu tidak dipinda “digantikan Pendakwa Raya dengan Ketua Pengarah”, maka lain-lain pindaan yang ‘subsequence’ bercanggah dengan persetujuan yang telah pun dicapai tidak boleh dikemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini sebenarnya Seksyen-seksyen yang berlainan, tidak....

**Tuan Pengerusi:** Tidak, perkataan 32(1) “gantikan Pendakwa Raya dengan Ketua Pengarah”, Seksyen 33 “gantikan Pendakwa Raya dengan Ketua Pengarah”, jadi jika sekiranya sudah dipersetujui di bawah Seksyen 24 bahawa tidak payah digantikan, maka lain-lain pindaan yang serupa tidak patut dikemukakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Seksyen 32(1), 33, 34, 35, 36, 38 dan 39 sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 33 - [Pindaan oleh Y.B. Timbalan Menteri]**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Perkataan “sworn”, dengan izin, dalam perenggan 33 (1) (a) dalam teks bahasa Inggeris dipotong bagi membetulkan satu kesilapan taipan, dan subfasal (2), perenggan (3) (a), dan perenggan (4) (a) adalah dipinda untuk menggantikan tempoh minimum pemenjaraan daripada “enam bulan” kepada “empat belas hari”.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 33 -*

*Dalam teks bahasa Inggeris, dalam perenggan 1 (a), potong perkataan “sworn”.*

*Dalam subfasal (2), gantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “empat belas hari”.*

*Dalam perenggan (3) (a), gantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “empat belas hari”.*

*Dalam perenggan (4) (a), gantikan perkataan “enam bulan” dengan perkataan “empat belas hari”.*

The English translation is as follows:

*Clause 33 -*

*In the English text, in paragraph 1 (a), delete the word “sworn”.*

*In subclause (2), substitute for the words “six months” the words “fourteen days”.*

*In paragraph (3) (a), substitute for the words “six months” the words “fourteen days”.*

*In paragraph (4) (a), substitute for the words “six months” the words “fourteen days”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Fasal 33** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 34** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang boleh masuk Fasal 40, ya. Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, ada lagi, *[Ketawa]* pasal saya tunggu dipanggil oleh Setiausaha.

**Fasal 35 -** *[Pindaan oleh Y.B. Timbalan Menteri]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya mohon membuat cadangan supaya rang undang-undang ini dipinda sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu yang telah diedarkan terlebih dahulu. Teks bahasa Kebangsaan adalah dipinda dalam Fasal 35 (1) dengan menggantikan perkataan “harta alih” dengan perkataan “harta tak alih” bagi membetulkan kesilapan taipan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul untuk memindahkan Fasal 35 seperti yang dicadangkan itu terbuka untuk dibahas.

*[Tiada Perbahasan]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang telah diedarkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan. Pindaannya seperti berikut:

**Fasal 35 -**

*Dalam teks bahasa Kebangsaan, dalam subfasal (1), gantikan perkataan “harta alih” dengan perkataan “harta tak alih”.*

The English translation is as follows:

Clause 35 -

*In the national language text, in subclause (1), substitute for the words “harta alih” the words “harta tak alih”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Fasal 35** sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 36 hingga 39** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 40** - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]

**Tuan Pengerusi:** Ya, Fasal 40.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang tambahkan subseksyen (7) baru berikut:

*“(7) Provided that the authorisation to intercept communications made under this section shall not exceed a period of more than thirty days without an order from a Magistrate”.*

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa dalam usaha kita untuk memerangi rasuah kita perlu mempertahankan hak-hak asasi setiap orang dan inilah mustahak bahawa ada satu check and balance supaya satu tindakan yang mencero bohi hak-hak setiap orang mengenai confidentiality message atau perbualan-perbualan telekomunikasi tidak dicabuli dengan sewenang-wenangnya tanpa apa-apa check.....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bukankah itu Seksyen 41?

**Tuan Lim Kit Siang:** Seksyen 40 - Kertas Pemberitahu yang berwarna biru ini - banyak warna oleh kerana tidak cukup masa.

Ini ialah untuk memastikan bahawa hak asasi seperti confidentiality, telecommunication message and conversation tidak dicerobohi, dicabuli dengan tindakan sewenang-wenangnya dan kita perlu satu check and balance supaya satu masyarakat madani boleh dibangunkan. Kalau perlu, selepas 30 hari kalau mahu membaharui apa-apa tindakan untuk intercept communication perlu dikemukakan kepada seorang Majistret Mahkamah.

Saya harap BPR tentulah akan lebih berjaga-jaga dan isu ini pun sebenarnya pernah dibangkitkan dalam perbahasan bagaimana di negara-negara lain telecommunication intercept telah digunakan untuk menganiayai warganegara mereka dan kita tidak mahu perkara ini berlaku dalam

negara kita dan semua kuasa perlu satu check and balance. Saya rasa ini sangat mustahak kalau kita mahu menjadi civil rights rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, subseksyen (7) ini adalah perlu memandangkan perkembangan teknologi maklumat yang sangat canggih sekarang dan akan bertambah canggih. Kalau ada pemintasan, sentiasa ada gangguan ke atas orang-orang yang disyaki, maka akan menimbulkan banyak masalah, kerugian dan sebagainya dan penyalahgunaan kuasa pun akan menimbulkan banyak gangguan dan masalah. Sebab itu saya sokong ini supaya tiap-tiap tiga hari, kalau perlu, minta memanjangkan tempohnya. Kita perlu mendapat perintah daripada Majistret untuk memastikan pegawai-pegawai yang menjalankan siasatan ini memahami apakah yang mereka lakukan tanpa menjejaskan hak-hak orang yang disyaki itu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, kerahsiaan adalah merupakan asas kepada penyiasatan yang dilakukan oleh ACA. Maka kita merasakan bahawa kalau kita terpaksa pergi ke Mahkamah Majistret untuk mendapatkan keizinan menahan pasport mereka, ini akan melibatkan orang akan tahu bahawa sesuatu akan berlaku terhadap orang yang akan dituduh itu dan sudah tidak ada kerahsiaan lagi dalam penyiasatan ini dan ianya boleh menjejaskan nama baik orang itu kerana dia dalam proses penyiasatan. Maka oleh kerana itu, kita merasakan bahawa perkara untuk dibawa ke Majistret ini tidak perlu dilakukan untuk menjaga kerahsiaan penyiasatan itu. Jadi, kita tidak perlu kepada cadangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan seperti yang dicadangkan oleh Ahli dari Tanjong itu hendaklah dipersetujukan. Pindaannya seperti berikut:

*Seksyen 40 -*

*Tambahkan subseksyen (7) baru berikut:*

*“(7) Provided that the authorisation to intercept communications made under this section shall not exceed a period of more than thirty days without an order from a Magistrate”.*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 40** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 41** - *[Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya mencadangkan bahawa batalkan Seksyen 41 dan digantikan dengan Seksyen 41 yang berikut:

*“Magistrate to order surrender of travel documents”.*

41. (1) *Where the Agency has reason to believe that any person who is the subject of investigation under this Act is about to leave Malaysia, the Agency may apply to a Magistrate for an order requiring such person to surrender any travel document in this possession.*

(2) *A Magistrate may, after hearing the application, order such person by written notice, to surrender his travel documents forthwith to the Director-General of the Agency if he possesses any such travel documents.*

(3) *A travel document which is surrendered to the Director-General of the Agency under this section may be detained for a period of six months from the date on which the Magistrate issues the notice.*

(4) *Where, after the expiry of such period of six months, the investigation has not been completed, the Agency may apply again to the Magistrate for a renewal of the order and detain the travel documents for a further period of six months.*

(5) *Where a person who possesses a travel document fails to comply with such order forthwith, he may thereupon be arrested and taken before a Magistrate, and unless such person complies with the order, the Magistrate shall by warrant commit him to prison to be safely kept there for thirty days and thereafter to remain in prison until the Agency completes the investigation in respect of him.”*

Tuan Pengerusi, inilah untuk menjaga civil rights rakyat Malaysia supaya dalam usaha untuk membanteras rasuah hak-hak asasi adalah juga dijaga dan travel document sangat penting supaya melibatkan hak kebebasan seseorang dan inilah antara tujuan menjaga civil rights setiap orang dalam usaha membanteras rasuah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sepertimana jawapan tadi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Lim Kit Siang:** He jumps the gun. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Seksyen 41. Tadi silap.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 41** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 42 hingga 50** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 51 - [Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong]**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadang tambahkan Seksyen 51A baru berikut:

*“51A. The Public Prosecutor shall co-operate fully with an Review Committee to be set up by Parliament to review cases submitted by the Agency to the Public Prosecutor but never prosecuted to enable the Committee to submit an annual report of its oversight functions.”*

Ini sebenarnya ialah satu di antara 16 point perisytiharan yang dibuat oleh Konferens Muafakat menentang rasuah dan satu cadangan yang baik oleh kerana kita mahu satu check and balance, khasnya mengenai pendakwaan rasuah apabila ada laporan-laporan siasatan yang sudah diselesaikan dan dikemukakan kepada Peguam Negara bahawa perlulah satu oversight committee. Ini bukan satu perkara yang aneh oleh kerana sebenarnya di Hong Kong pun ada satu oversight committee di mana apa-apa kes yang dikemukakan yang tidak diikuti dengan pendakwaan ataupun siasatan kes yang dimulakan dan ditutup perlu dirujuk kepada oversight committee supaya ada satu check and

balance. Itulah mekanismenya dan satu cadangan yang dibuat oleh Konferens Muafakat menentang rasuah. Saya harap bahawa ini diberi perhatian yang berat dan boleh diterima. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pindaan seumpama ini kerana perlulah kita di dalam Parlimen mengadakan jawatankuasa seumpama ini, kerana setakat ini kita tidak memainkan peranan yang lebih aktif.

Bahkan begitu juga, Tuan Pengerusi, saya nampak di Parlimen ini kita kurang kakitangan. Misalnya *Hansard* kita, Pemberita Parlimen dalam establishment itu 15 orang tetapi saya nampak ada 4 orang sahaja. Ini menunjukkan kita perlulah adakan jawatankuasa seumpama ini dan kita mesti tambahkan kakitangan juga untuk menampung keperluan ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, bukan sahaja kita hendak menunjukkan kita begitu aktif dalam hal ini, bahkan juga kalau ada fungsi-fungsi BPR yang telah diabaikan, di'oversight' dan sebagainya, memang ini peluang bagi Parlimen untuk menunjukkan kita benar-benar boleh berfungsi dengan baik, dengan kakitangan yang cukup untuk menangani segala masalah mengenai oversight functions yang dilakukan oleh pihak BPR. Saya menyokong pindaan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri pun akan sokong pindaan ini, termasuk kita tambahkan lebih ramai kakitangan kerana dalam establishment kita mesti adakan cukup 15 orang. Bukan sahaja 15 orang, kerana dengan bertambahnya bilangan Ahli Parlimen kepada 192 orang, tetapi dalam establishment itu 15 orang sahaja dan 15 orang itu pun tidak dapat diisikan. Inilah peluang untuk menunjukkan begitu serius bukan sahaja bagi membanteras rasuah bahkan juga untuk mewujudkan fungsi Parlimen yang lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun dibahas dengan begitu mendalam dan telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa kerajaan tidak menerima untuk ditubuhkan satu majlis untuk mengkaji mana-mana kes yang tidak dibawa. Lagi pun ia memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan yang mana jelas telah menyatakan bahawa Attorney General hanya dia sahaja di atas budibicara dia yang boleh untuk mengambil keputusan sama ada untuk mendakwa ataupun tidak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui. Pindaan seperti berikut:-

“51. *Tambahkan Seksyen 51A baru berikut:-*

51A. *The Public Prosecutor shall co-operate fully with an Review Committee to be set up by Parliament to review cases submitted by the Agency to the Public Prosecutor but never prosecuted to enable the Committee to submit an annual report of its oversight functions.”*

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 51 hingga 54** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 55** - [*Pindaan oleh Yang Berhormat dari Tanjong*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan akhirnya, tambahkan Seksyen 55A baru yang berikut:

“55A. *Costs on acquittal -*

*Where a person is acquitted after trial for an offence under Part III, the court may award costs to that person, such costs to be taxed and paid out of the general revenue.”*

Kita dengar mengenai keadilan kepada setiap orang supaya tidak menjadi mangsa ketidakadilan. Dalam kes-kes kalau berlaku pendakwaan yang tidak adil, tentu mangsa itu akan menghadapi kos yang sangat berat, oleh kerana kos pembelaan bukan murah. Tetapi kalau ada kes yang sangat ketara deleberated case of injustice adalah peruntukan ini di mana mahkamah boleh memerintah bahawa kos dibayar mengikuti yang di'tax'. Peruntukan ini bukan diwajibkan untuk setiap kes kekalahan, setiap kes di mana BPR atau Peguam Negara kalah, tetapi di mana kes yang sangat jelas ada ketidakadilan di mana seorang sungguhpun menang untuk membela diri sendiri daripada pendakwaan rasuah, tetapi akhirnya kalah oleh kerana mungkin perlu go bankrupt oleh kerana bayar kos-kos peguam pembelaan. Saya rasa inilah satu, a basic sense of justice. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sepertimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sekarang terbuka untuk dibahas. Kepong.

**9.34 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, akhir sekali walaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk 'pokok ansana' yang sibuk dengan Cocksackie, tidak boleh tahan, sudah hendak balik. Berapa minit lagi boleh tahan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, sekarang jam 9.30 Yang Berhormat masih ada tenaga untuk berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, memang ada. *[Ketawa]* Satu rang undang-undang yang terpenting sekali untuk malam ini. Saya setuju dengan pindaan ini kerana tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah berkali-kali menekankan bahawa kita perlu melakukan keadilan. Kita perlu diperlihatkan melakukan keadilan. Ini satu pindaan yang benar-benar termaktub di sini hendak menunjukkan kita benar-benar melakukan keadilan. Sesiapa sahaja termasuk 'pokok ansana' kalau dituduh dan tidak ada asas dan dibebaskan, beliau dan orang-orang yang seumpama itu hendaklah diberi pampasan yang secukupnya, kerana penderitaan, kerana kerugian yang ditimpa. Ini termasuk Tambun, walaupun dia ahli perniagaan, kalau dihadap ke mahkamah dan dapati

tidak bersalah, tidak bersabit dengan segala aktiviti rasuah, maka dia dibebaskan, dan dengan kebebasan itu diberi pampasan yang secukupnya.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Pokok Sena masih ada tenaga, bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana. Minta jalan. Tak sibukkah, tak mahu kembali ke rumah?

*[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Pengerusi, saya ingat undang-undang ini kita sudah cukup, saya cuma hendak beritahu isteri dia dok tunggu di luar. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang sangat serius. Saya pun hendak balik juga, tetapi memandangkan masalah yang terpenting, kita mesti bersama-sama meluluskan satu rang undang-undang yang lebih sempurna. Untuk menyempurnakan rang undang-undang ini, satu pindaan untuk memberi pampasan kepada orang-orang yang disalahkan, yang tidak berdosa, maka inilah satu pindaan yang patut diterima. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa, Yang Berhormat?

**9.37 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, pencapaian kejayaan dalam kes yang dibawa ke mahkamah oleh ACA adalah dalam rangka 53%-54%, 47% lagi selalunya acquitted. Jadi, kalau cadangan ini diterima, ini sebenarnya mendatangkan kesan takut bagi pihak ACA untuk membawa orang itu ke mahkamah, kerana bayaran itu akan bertambah besar.

Yang keduanya, Yang Berhormat dari Tanjong bangkit soal Fasal 22 yang akan menakutkan orang yang buat laporan. Dengan adanya cadangan ini akan menakutkan pihak pendakwa untuk bawa kes ke mahkamah. Kerana bila kita pergi ke mahkamah, ada menang ataupun kalah. Jadi, kalau adanya ini, ini akan menyebabkan tidak banyak kes akan dibawa ke mahkamah. Satu lagi kesannya ialah kalau ini dilaksanakan bermakna hanya kes yang 100% boleh sabit kesalahan akan dibawa ke mahkamah. Ini akan mendatangkan satu perasaan takut kepada defendant, kerana apabila kes dia dibawa ke mahkamah sudah tentu dia akan dihukum. Jadi, saya kira cadangan ini kita tidak boleh terima, dan kita tolak cadangan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagaimana yang dinyatakan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan. Pindaan seperti berikut:-

*“Tambahkan Seksyen 55A baru berikut:*

*55A. Costs on acquittal -*

*Where a person is acquitted after trial for an offence under Part III, the court may award costs to that person, such costs to be taxed and paid out of the general revenue.”*

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 55** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal-Fasal 56 - 63** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### UCAPAN PENANGGUHAN

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

*[Ucapan Penangguhan oleh Y.B. Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau) tidak hadir]*

### **Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah Mengamalkan Pendakwaan Pilih Kasih**

**9.40 mlm.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, kerana masa pun sudah lewat dan ucapan sudah pun saya berikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun rasa dia pun penat, saya tidak mahu ucapkan. Saya rasa terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**9.41 mlm.**

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Peguam Negara berpegang teguh kepada dasar bahawa pendakwaan hanya akan dikenakan ke atas seseorang sekiranya terdapat bukti dan keterangan yang mencukupi bagi membuktikan setiap elemen kesalahan. Sama ada bukti dan keterangan itu mencukupi bergantung sepenuhnya kepada siasatan yang dijalankan. Dalam sistem pentadbiran keadilan jenayah negara kita, tugas menyiasat adalah dipertanggungjawabkan kepada agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Badan Pencegah Rasuah. Undang-undang negara umpamanya Kanun Prosedur Jenayah memberi kuasa kepada agensi tersebut untuk mengesan penjenayah serta mengumpul semua keterangan bagi membuktikan kesalahan penjenayah tersebut. Tugas menyiasat dipertanggungjawabkan kepada agensi tersebut bagi mengambil keterangan semua saksi dan mengumpul serta memperolehi barang bukti dan dokumen yang boleh membantu

dalam sesuatu siasatan. Selanjutnya kuasa untuk menangkap seseorang penjenayah terletak sepenuhnya kepada agensi-agensi yang berkaitan.

Mengikut Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Peguam Negara mempunyai kuasa budibicara sama ada untuk mendakwa seseorang atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, kuasa budibicara tersebut hanya boleh dilaksanakan berasaskan hasil siasatan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan. Peguam Negara tidak mempunyai kuasa dan tidak terlibat sama sekali dalam proses menyiasat seperti yang dinyatakan di atas. Peguam Negara hanya boleh melaksanakan budibicaranya di bawah Perkara 145 setelah agensi penguatkuasa berkenaan selesai menjalankan siasatan dan seterusnya mengemukakan hasil siasatan dan menimbangkannya mengikut prinsip undang-undang serta keadilan bagi semua pihak termasuk kepentingan awam dan negara.

Oleh yang demikian, Peguam Negara tidak boleh mengambil sebarang tindakan serta mendakwa orang lain di bawah mana-mana undang-undang sama ada di bawah Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan sekiranya tidak adalah siasatan dijalankan. Dalam hubungan ini, tohmahan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng bahawa Peguam Negara tidak mengambil sebarang tindakan atau mendakwa pihak lain yang membuat kritikan yang lebih keras seperti anak perempuan Perdana Menteri berkaitan dengan kes Tan Sri Rahim Tamby Chik adalah tidak berasas sama sekali, memandangkan tidak ada laporan polis dan siasatan dijalankan terhadap pihak yang berkenaan. Sekiranya laporan siasatan yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa terdapat bukti untuk mendakwa, Peguam Negara tidak akan teragak-agak untuk membuat keputusan mendakwa tidak kira sama ada individu tersebut merupakan pemimpin tertinggi parti pemerintah ataupun pemimpin parti pembangkang.

Berasaskan prinsip-prinsip inilah Peguam Negara antara lain telah membuat keputusan untuk mendakwa Dato' Sahar bin Arpan, bekas Ahli Mesyuarat Negeri Melaka berkaitan dengan tiga kesalahan melakukan perbuatan rasuah di bawah Seksyen 2(1) Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu Darurat) 1970. Demikianlah juga Peguam Negara telah mengambil keputusan untuk mendakwa Senator Dato' Haji Zainal Abidin bin Johari di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan kerana melakukan kesalahan pecah amanah. Empat orang pemimpin Pemuda daripada parti yang memerintah telah juga diarahkan oleh Peguam Negara didakwa di mahkamah kerana kesalahan rusuhan semasa menganggotai

satu perhimpunan haram yang menyalahi undang-undang untuk menggagalkan persidangan Asia Pacific Conference on East Timor II, dengan izin, dan mereka ini telah pun dihukum oleh mahkamah dengan hukuman yang setimpal.

Dalam hubungan ini pertuduhan alternatif yang dikenakan terhadap mereka bukanlah sesuatu yang istimewa malahan pertuduhan yang sedemikian kerap dibuat dalam suatu kes yang sama keadaannya. Seandainya hasil siasatan yang dijalankan oleh agensi penguatkuasa tidak menunjukkan keterangan dan bukti seperti yang ditetapkan itu, Peguam Negara tidak akan mendakwa atau memulakan prosiding jenayah.

Adalah tidak adil sama sekali dan bertentangan dengan prinsip undang-undang dan keadilan bagi Peguam Negara untuk mendakwa seseorang walaupun tiada bukti yang mencukupi. Dalam keadaan yang sedemikian, without fear or favour, dengan izin, Peguam Negara akan mengarahkan kes itu ditutup tidak kira sama ada siasatan itu terhadap pemimpin parti pemerintah ataupun pemimpin parti pembangkang.

Selaras dengan prinsip inilah juga, Peguam Negara mengambil keputusan untuk tidak mendakwa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang kerana disyaki melakukan kesalahan tidak membayar tol berkaitan dengan satu siasatan di bawah Seksyen 25(2)(a) Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1990. Peguam Negara juga mengambil keputusan untuk tidak mendakwa Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang yang terlibat dalam satu

kemalangan jalan raya di mana Yang Berhormat memandu kereta yang berkenaan kerana bukti yang ada tidak memadai.

Peguam Negara juga telah membuat keputusan untuk tidak mendakwa bekas Ahli Dewan yang mulia ini iaitu Encik Wee Choo Keong berkaitan dengan siasatan terhadapnya mengikut Seksyen 182 Kanun Keseksaan kerana membuat laporan polis yang tidak benar. Peguam Negara membuat keputusan yang sedemikian memandangkan tidak cukup bukti untuk mendakwa Encik Wee Choo Keong. Pihak Polis telah juga menjalankan satu siasatan terhadap Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu berkaitan dengan satu ceramah yang telah menimbulkan kekacauan. Namun demikian, Peguam Negara memutuskan untuk tidak mendakwa Yang Berhormat tersebut memandangkan bukti dan keterangan tidak mencukupi.

Begitu juga lebih daripada 60 orang termasuk ahli-ahli parti pembangkang dan ahli-ahli NGOs yang mengambil bahagian dalam Persidangan APCET II tidak dituduh oleh Peguam Negara memandangkan tiada bukti yang mencukupi. Asas yang serupa juga digunakan oleh Peguam Negara untuk tidak mendakwa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz kerana siasatan yang dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah hanya menunjukkan terdapat satu kesilapan teknik yang tidak menjadikan satu kesalahan secara automatik.

Dalam kes ini tiada bukti yang menunjukkan Yang Berhormat Menteri telah menyalahgunakan kuasa.

Berasaskan dengan prinsip yang sama juga, Peguam Negara mengambil keputusan untuk tidak mendakwa Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkaitan dengan satu kes rogol. Dalam kes tersebut, pihak polis telah pun menjalankan satu siasatan terperinci dan menyeluruh. Pihak polis telah mengambil keterangan daripada 42 orang saksi termasuk gadis tersebut serta pakar forensik dari Jabatan Kimia. Dua orang pakar perubatan turut sama membantu pihak polis dalam siasatan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak polis adalah didapati tiada cukup bukti untuk mendakwa Tan Sri Rahim Tamby Chik. Keterangan terhadap 14 orang lelaki lain adalah berbeza sama sekali. Keterangan gadis tersebut disokong oleh pengakuan semua lelaki yang berkenaan serta keterangan mengikut keadaan, dengan izin, circumstances evidence dan berasaskan fakta-fakta inilah pendakwaan dikenakan terhadap mereka.

Jabatan Peguam Negara juga berpegang kepada dasar sentiasa bersedia untuk review dan menimbang semula sesuatu keputusan yang telah dibuat dari masa ke semasa dan secara berterusan demi keadilan untuk semua pihak jika keadaan mewajarkannya. Sejajar dengan dasar inilah, Peguam Negara telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pertuduhan terhadap Encik V.

David dan Encik Zainal Rampak bagi kesalahan pecah amanah di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Keputusan ini telah diambil oleh Peguam Negara setelah menimbang fakta-fakta baru yang timbul setelah mereka dituduh di mahkamah.

Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh dengan sifatnya sebagai Peguam sendiri, boleh mengesahkan bahawa jabatan ini bersedia demi keadilan semua pihak untuk menimbang semula sesuatu kes dan meminda suatu pertuduhan sekiranya terdapat alasan yang munasabah di sisi undang-undang. Banyak kes-kes yang melibatkan anak-anak guam Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh telah ditimbang semula dan dipinda pertuduhannya umpamanya pada 21 Julai 1997 di Persidangan Mahkamah Persekutuan di Kota Bharu, pertuduhan terhadap anak guam Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh telah dipinda daripada Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang membawa hukuman mati kepada Seksyen 6 dibaca bersama dengan Seksyen 39A(2) akta yang sama. Pertuduhan tersebut dipinda oleh Mahkamah Persekutuan dengan persetujuan pihak Peguam Negara memandangkan fakta yang mewajarkan pindaan itu dibuat menurut undang-undang.

Berdasarkan dengan prinsip-prinsip yang sama juga, Peguam Negara telah menimbang semula kes terhadap Yang Berhormat Datuk Jeffrey Kitingan yang menghadapi pertuduhan rasuah. Perbicaraan terhadap Yang Berhormat Datuk Jeffrey Kitingan telah ditangguh beberapa kali kerana pihak

BPR cuba memperolehi keterangan dan bukti di Hong Kong melalui satu Letter of Request.

Permohonan telah dibuat oleh BPR di mahkamah di Hong Kong untuk merekodkan keterangan daripada saksi-saksi penting dan juga untuk memperolehi dokumen-dokumen asal melalui satu judicial hearing, dengan izin, bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu. Kesemua saksi-saksi dan dokumen-dokumen tersebut adalah sangat perlu bagi membolehkan pihak pendakwa membuktikan tuduhan terhadap Yang Berhormat Datuk Jeffrey Kitingan.

Pihak BPR telah gagal dalam usahanya di mahkamah di Hong Kong. Memandangkan kegagalan ini, Peguam Negara telah menimbang semula kes terhadap Yang Berhormat Datuk Jeffrey Kitingan dan mengambil keputusan menarik balik tuduhan terhadap beliau.

Begitu juga dengan kes rasuah terhadap Tan Sri Rahim Tamby Chik di mana setelah pendakwaan dibuat, beberapa maklumat dan keterangan baru telah diperolehi oleh pihak Badan Pencegah Rasuah. Setelah BPR mengesahkan dengan menjalankan siasatan selanjutnya, maklumat dan keterangan baru ini, Peguam Negara telah diminta untuk menimbang semula pendakwaan terhadap Tan Sri Rahim. Peguam Negara setelah meneliti keterangan yang baru ini yang diperolehi oleh BPR mendapati bahawa asas pendakwaan telah terjejas dengan sebegitu serius dan seterusnya akan

menggagalkan pendakwaan terhadap Tan Sri Rahim. Berdasarkan keadaan yang sedemikian, Peguam Negara tidak mempunyai pilihan lain melainkan untuk menarik balik pertuduhan terhadap Tan Sri Rahim.

Peguam Negara juga mengambil keputusan untuk meminda pertuduhan terhadap Datuk Yong Teck Lee daripada satu kesalahan di bawah Akta Polis 1967 kepada kesalahan di bawah Kanun Keseksaan setelah mengambil kira semua keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan di peringkat tersebut. Setelah meneliti keterangan tersebut termasuk juga pembelaan Datuk Yong Teck Lee, Peguam Negara mengambil keputusan bahawa kesalahan yang dilakukan Datuk Yong Teck Lee itu menurut undang-undang lebih wajar diteruskan di bawah Kanun Keseksaan.

Sebagai kesimpulannya, dasar Jabatan Peguam Negara dalam membuat sesuatu keputusan tentang sama ada untuk mendakwa atau tidak bergantung semata-mata kepada keterangan dan bukti yang dikemukakan oleh agensi penguatkuasa. Sesuatu keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara tidak sekali-kali mengambil pertimbangan yang tidak ada kena-mengena dengan hasil siasatan.

Dasar ini terpakai sama ada seseorang yang melakukan kesalahan itu terdiri daripada pemimpin parti pemerintah mahupun pemimpin parti pembangkang. Dakwaan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng bahawa Peguam Negara menyalahgunakan kuasanya dengan mengamalkan pendakwaan pilih kasih terhadap pemimpin parti pembangkang tetapi menutup skandal dan kesalahan pemimpin tertinggi parti pemerintah adalah tidak berasas

sama sekali. Dakwaan ini datangnya dari seseorang yang mempunyai prasangka yang buruk yang membuat dakwaan yang melulu tanpa mengambil kira fakta yang sebenarnya.

Sebagai seorang pemimpin politik dan Ahli Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng sepatutnya meneliti sesuatu fakta sebelum membuat tohmahan yang palsu dan tidak berasas. Sebenarnya, tohmahan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng ini dilemparkan kerana kemarahannya terhadap Peguam Negara yang telah membuat keputusan untuk mendakwanya di Mahkamah Tinggi Melaka bagi kesalahan menghasut dan menerbitkan berita palsu.

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng harus sedar bahawa beliau tidak kebal di sisi undang-undang dan sepatutnya bersedia menerima hakikat bahawa keputusan yang diambil oleh Peguam Negara terhadap beliau adalah berlandaskan semata-mata keterangan dan bukti dan ini telah pun disahkan oleh Mahkamah Tinggi Melaka yang sudah pun mendapati Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng bersalah dan menjatuhkan hukuman.

Sepatutnya Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng insaf dengan kesalahannya itu, tetapi sebaliknya jelas kerana sifatnya yang angkuh dan merasakan dirinya kebal di segi undang-undang, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng terus melemparkan tohmahan-tohmahan yang liar dan tidak berasas serta memutarbelitkan fakta terhadap Peguam Negara yang hanya menjalankan tugas dan tanggungjawabnya mengikut dan berlandaskan undang-undang dan Perlembagaan Negara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.53 malam.*